

IMAN DAN ISLAM

MAWLANA KHALID AL-BAGHDADI



Versi Bahasa Tuki oleh:
HÜSEYN HİLMİ İŞİK



IMAN DAN ISLAM

MAWLANA KHALID AL-BAGHDADI

Versi Bahasa Tuki oleh:
HÜSEYN HİLMİ İŞİK

Printing

Çınar Matbaacılık

Yüzyıl Mah. Matbaacılar Cad. Atahan No: 34 Kat: 5

Bağcılar - İSTANBUL - TURKEY

Sertifika No : 45103

Tel: (0212) 628 96 00

www.hakikatbooks.com

-I- [Iman dan Islam] PENDAHULUAN	5
- 1 - PENGENALAN	11
- 2 - IMAN dan ISLAM	17
- 3 - RUKUN-RUKUN ISLAM	20
- 4 - RUKUN IMAN	26
-5- SURAT DARIPADA SYARIFUDDIN MUNIR ‘RAHIMAHULLAHU TA’ALA’ (Kelaziman berpegang kepada asbab)	84
-6- ALLAH TA’ALA WUJUD DAN ESA. SELAIN DARIPADANYA SEMUA KEWUJUDAN ASALNYA TIADA DAN AKAN KEMBALI MENJADI TIADA.....	94

(Subhanallahi wa bihamdihi subhanallahil azim) Zikir ini yang dinamakan Kalimah Tanzih (penyucian), apabila dibaca 100 kali siang dan malam akan menyebabkan dosa seseorang diampuni dan melindungi seseorang daripada mengulangi perbuatan dosa. Zikir ini juga menjadi sebab pada menghapuskan segala resah dan gelisah apabila diamalkan. Zikir ini dipetik dari kitab berjudul Maktûbât (risalah 307 dan 308).

-I-

[Iman dan Islam] PENDAHULUAN

Mari kita mulakan dengan Basmalah,
 Nama Allah pelindung segala,
 Tidak terhitung segala Kurnia,
 Yang Maha Pengasih lagi Maha Pengasihani.

Allah Subhanahu wa Taala Maha Mengasihani semua insan di dunia ini. Dia menciptakan segala sesuatu yang berguna dan mengurniakannya kepada semua. Dia yang menunjukkan jalan menuju kebahagiaan yang abadi. Dia yang memberi hidayah kepada sesiapa sahaja yang menyesal dan bertaubat sesudah tergelincir ke jalan kesesatan akibat menurut nafsu serakah, teman yang jahat, buku-buku yang menyeleweng dan media yang berbahaya. Dia yang menyelamatkan mereka dari kebinasaan yang abadi. Dia tidak mengurniakan nikmat ini kepada mereka yang berlaku kejam dan melampaui batas. Dia yang membiarkan mereka memilih untuk tetap berada di jalan kufur, yang mereka inginkan. Di akhirat kelak, dengan belas ihsanNya, Dia berhak mengampuni semua orang-orang beriman yang dihumban ke Neraka dan sesiapa sahaja yang berkehendak atas keampunan Allah. Dia yang dengan RahmatNya mengizinkan mereka ke Syurga. Dia yang menciptakan setiap makhluk hidup, menjaga setiap makhluk yang pada setiap waktu dan ketika serta melindungi mereka dari rasa takut dan bahaya. Berkat keagungan dan kemuliaan namaNya, dengan mengharap

pertolongan dan reda Allah, kita mulai menulis buku ini.

Segala puji bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad sallallahu alaihi wa sallam, serta ahli keluarga baginda dan para sahabat.

Alhamdu; beriman dan percaya pada setiap nikmat yang dikurnia serta menyebutnya. Syukur; menggunakan segala nikmat pada jalan agama.

Terdapat ribuan buku yang telah ditulis tentang kepercayaan, suruhan dan larangan dalam agama Islam. Kebanyakannya telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa dan diterbitkan di pelbagai negara. Dalam masa yang sama, terdapat orang yang berniat jahat, zindik, para musuh Islam, yang cuba untuk menyeleweng dan merosakkan ajaran Islam.

Namun begitu, kita dapati hampir di seluruh pelusuk dunia, alim-ulama dan para ilmuan Islam bertungkus lumus menyebarkan ajaran Islam dan mempertahankan fahaman Islam. Para ulama yang menyampaikan Islam menurut ajaran para sahabat yang mulia bertepatan dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah disebut sebagai ulama (**Ahli Sunnah wal Jamaah**). Mereka yang tidak membaca dan memahami buku-buku tulisan ulama Ahli Sunnah wal Jamaah, bahkan terus merujuk kepada al-Quran dan hadith nabi dan mengeluarkan fahaman yang tidak benar serta menyeleweng; tidak lain hanyalah menunjukkan kejahilan mereka.

Seseorang Muslim itu dikenali apabila dinyatakan bahawa dia Muslim atau dilihat mendirikan sembahyang. Namun, sekiranya pada kata-kata, tulisan, dan perbuatannya dilihat tidak bertepatan dengan Iman dan Islam yang disampaikan oleh ulama Ahli Sunnah wal Jamaah, maka mereka ini cenderung menjadi kafir atau sesat. Mereka perlu dinasihati untuk menyesal, bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Sekiranya dia memilih untuk tidak bertaubat dan kembali ke pangkal jalan, maka dapat difahami bahawa dia cenderung ke arah bidaah dan kekufuran. Meskipun dia sembahyang lima waktu, mengerjakan haji, dan melakukan segala amal kebaikan, semua amalan ini tidak dapat menyelematkannya dari kekufuran. Tanpa menyesali dan bertaubat dari perbuatan yang menyebabkan kekafiran, seseorang itu tidak dapat menjadi muslim yang sebenar. Seseorang muslim dapat melindungi dirinya dari menjadi murtad dengan mempelajari dan memahami sebab-sebab yang menjurus kearah kekufuran. Dengan mengenali orang-orang zindik, maka seseorang muslim

dapat menyelamatkan dirinya dari bahaya mereka.

Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam bersabda dalam hadith baginda, bahawa daripada kelompok yang membaca al-Quran dan Hadith kemudian mengeluarkan fahaman yang salah, akan muncul 72 golongan. Hadith ini direkodkan dalam Sahih Bukhari dan Muslim, seterusnya disyarahkan dalam dalam dua kitab berjudul (**Berika**) dan (**Hadika**). Mereka ini berselindung dibalik nama Profesor dalam bidang Pengajian Agama, maka haruslah kita berhati-hati dan peka supaya tidak terjerumus ke dalam perangkap samar ini. Selain golongan muslim ahli bidaah ini, terdapat juga golongan Komunis, Freemason, muballigh Kristian, Wahabi dan Yahudi Zionist yang berusaha untuk memesongkan umat Islam. Mereka cuba menghapuskan pegangan orang Islam dan melemahkan Iman dnegan mempergunakan sebaran tulisan, filem, teater, radio dan televisyen. Mereka membelanjakan jutaan Lira untuk tujuan ini. Namun para ulama Ahli Sunnah wal Jamaah yang dirahmati Allah telahpun menjawab kekeliruan ini. Sesungguhnya agama Allah ini adalah agama yang membawa kepada jalan kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan akhirat.

Dari sekalian para ulama Ahli Sunnah wal Jamaah, kami telah memilih sebuah kitab berjudul (**I'tiqadname**) yang dikarang oleh Mawlana Khalid Al-Baghdadi Al-Uthmani (semoga Allah menyucikan rohnya). Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Turki oleh almarhum Haji Faizullah **Al-Kemahi** (sebuah kota di Erzincan, wilayah timur Turki) dan dinamakan (**Faraidh al-Fawaid**). Terjemahan ini telah dicetak pada tahun 1312 Hijrah di Mesir. Terjemahan ini kemudian dipermudahkan bahasanya dan diberi nama **Iman dan Islam**. Cetakan pertama telah berjaya diterbitkan pada tahun 1966. Penerangan tambahan yang kami lakukan untuk memisahkan dari teks asal kitab ini diletakkan dalam (). Segala puji bagi Allah kitab ini telah diulang cetak dalam pelbagai bahasa. Naskhah asal berbahasa Parsi bagi kitab ini dengan judul (**I'tiqadname**) boleh ditemui dalam Koleksi Ibnul Emin Mahmud Kemal (ruj. F.2639), Perpustakaan Universiti Istanbul. Terjemahan bahasa Turki dicetak dengan judul (**Hakikat Kitabevi**), (**Îmân ve İslâm**).

Alâüddîn-i Haskefî dalam karya agungnya yang diberi nama (Durr al-Mukhtar) pada akhir bab Nikah orang kafir menyebut; (Nikah seorang gadis muslim apabila telah baligh, sekiranya dia tidak mengetahui akan Islam, maka nikahnya akan terbatal. ((Iaitu dia menjadi murtad)). Dia perlu diajar mengenal sifat2 Allah dan perlu mengucap semula dua kalimah syahadah).

Ibnu Abidin ketika mensyarahkan perkara ini menyebut; (Seorang anak gadis sebelum baligh, secara asalnya adalah muslim menurut agama kedua orang tuanya. Namun sesudah dia baligh, dia tidak lagi menurut agama kedua orang tuanya. Tanpa mengetahui tentang Islam, sesudah baligh dia menjadi murtad. Meskipun dia mengetahui rukun Iman yang 6 namun tidak mempercayainya, dan tidak mempercayai kewajibannya untuk hidup sebagai muslim, walaupun dengan mengucapkan **(Kalimah Tauhid)** iaitu **(La ilaha illa Allah, Muhammadun Rasulallah)** dia masih belum menjadi muslim. Wajib baginya mengetahui dan beriman dengan 6 rukun yang terkandung dalam (Amantu billahi...) serta mematuhi segala arahan dan menjauhi segala laranganNya). Dapat difahami dari penjelasan Ibnu Abidin ini, seorang kafir yang mengucapkan dua kalimah syahadah serta beriman dengan pengertian kalimah tauhid ini menjadi muslim. Namun seperti setiap muslim yang lain, seseorang muslim itu perlulah keatasnya untuk memahami dan mempejalari asas-asas iman dan Islam serta mengucapkan **(Aku beriman kepada Allah, Para Malaikat, Kitab-kitab, Para Rasul, Hari Akhirat, setiap Qadar baik dan buruknya datang dari Allah, kebangkitan selepas mati itu benar, Aku bersaksi tiada tuhan selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan pesuruhNya)**. Seorang kanak-kanak lelaki muslim juga akan menjadi murtad sesudah baligh sekiranya dia tidak mempelajari tentang Islam serta tidak mengakui beriman dengan 6 rukun Iman ini. Setelah mengaku beriman, fardu keatasnya untuk mencari dan mempelajari tentang hukum hakam Islam, perkara fardu, perkara-perkara yang dilarang, wudhu', mandi wajib, mendirikan sembahyang dan menutup aurat. Orang yang ditanya tentang perkara-perkara ini wajib keatasnya untuk mengajarkan dan menyampaikan. Sekiranya tidak ketemu guru untuk mengajarkan mahupun kitab untuk menerangkan, wajib keatasnya untuk mencari. Sekiranya dia tidak berusaha mencari maka kafir hukumnya. Uzur baginya dan dimaafkan sehinggalah dia mempelajari hukum-hakam ini. Kewajipan yang tidak didirikan pada waktunya dan perbuatan larangan yang tidak dijauhi akan diazabdi Neraka. Kitab ini mengandungi maklumat yang terperinci tentang asas rukun Iman yang 6. Setiap muslim dinasihatkan untuk membaca buku ini dan digalakkan untuk menyeru anak-anak serta kenalan untuk membacanya bersama. Hukum aurat diterangkan dalam risalah ke-475.

Ayat-ayat al-Quran yang ditulis maknanya dalam kitab kami ini disebut sebagai (Ma'al). (Ma'al) bermaksud (tafsir menurut para ulama). Makna

ayat-ayat al-Quran hanya diketahui oleh Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam dan kemudiannya disampaikan kepada para sahabat. Ulama tafsir telah membezakan hadith-hadith ini dengan hadith-hadith palsu ciptaan orang munafik, kafir, zindik iaitu orang yang tidak bermazhab. Bagi ayat yang tidak ditemui tafsiran hadithnya, para ulama mentafsir menurut prinsip dan metodoloji ilmu tafsir. Pemahaman ayat al-Quran oleh orang yang mengetahui bahasa Arab tanpa mengetahui prinsip dan metodoloji ilmu tafsir, tidak boleh dianggap sebagai **(Tafsir al-Quran)**. Oleh itu, dalam satu hadith baginda bersabda; **(Barangsiapa yang mentafsirkan al-Quran menurut hawa nafsunya sendiri adalah Kafir)**.

Semoga Allah Taala menunjukkan kita kearah jalan yang benar menurut ulama Ahli Sunnah wal Jamaah dan melindungi kita dari terjerumus ke dalam tipu daya dan muslihat musuh Islam, ulama yang jahil, ulama yang tidak bermazhab dan orang munafik.

Semua cetakan Hakikat Kitabevi yang diterbitkan dalam pelbagai bahasa disebarikan melalui internet ke seluruh pelusuk dunia.

Tahun Masihi
2020

Tahun Hijri
1442

CATATAN: Para mubaligh Kristian berusaha untuk menyebarkan agama Kristian, orang Yahudi berusaha menyebarkan Talmud, Hakikat Kitabevi berusaha sehabis upaya untuk menyebarkan Islam dan Freemason berjuang untuk meruntuhkan agama. Orang yang berfikir dan berakal akan menyedari akan kebenaran dan memilih jalan yang benar. Semoga dengan kesedaran ini dapat membantu menyebarkan kebenaran dan menjadi sebab kebahagiaan insan di dunia dan di akhirat.

Umat Islam di dunia ini dalam keadaan terpisah kepada tiga kelompok. Kelompok yang pertama adalah mereka yang menurut jejak langkah para sahabat, mereka adalah muslim yang hakiki. Mereka adalah **(Ahli Sunnah)** iaitu **(Sunni)**. Mereka dinamakan **(Firqah Najiyah)** iaitu kelompok yang terselamat dari api Neraka. Kelompok kedua adalah musuh kepada para sahabat. Mereka adalah **(Syiah)** juga dinamakan **(Firqah Dhallah)** iaitu kelompok yang sesat. Kelompok yang ketiga adalah musuh kepada ahli sunnah dan syiah. Mereka adalah **(Wahhabi)** dan **(Najdi)**. Kemunculan kelompok ini pada asalnya bermula di sungai Najd, Arab Saudi. Mereka **adalah (Firqah Mal'unah)** iaitu kelompok yang terkutuk. Kerana mereka mengkafirkan orang Islam lainnya seperti yang teruluis dalam kitab kami

yang berjudul (**Se'âdet-i Ebediyye**) dan (**Kıyâmet ve Âhîret**). Rasulullah melaknat seseorang yang mengkafirkan muslim yang lain. Umat Islam dipecah-belahkan kepada tiga kelompok ini oleh Yahudi dan Inggeris.

Setiap muslim perlu sentiasa berzikir (**La ilaha illa Allah**) untuk menyucikan nafsu, membersihkan diri dari kejahilan dan dosa noda. Setiap muslim juga perlu sentiasa berzikir (**Astaghfirullah**) untuk penyucian jiwa, iaitu untuk menyelamatkan diri dari godaan nafsu, bisikan syaitan, hasutan rakan-rakan yang tidak baik serta kekufuran. Doa setiap pendosa yang bertaubat diterima oleh Allah. Doa orang yang tidak mendirikan sembahyang, orang yang melihat aurat perempuan yang terdedah, orang yang memakan benda yang haram serta tidak taat kepada ajaran Islam tidak diterima akan diterima.

— 1 —

PENGENALAN

Bagi memberkati permulaan kitab ini, Mawlana Khalid al-Baghdadi memulakan penulisan ini dengan memetik risalah ke-17, jilid ke-3 dari sebuah kitab berjudul **Maktubat** karya Imam ar-Rabbani Ahmad al-Faruqi as-Sirhindi¹. Imam ar-Rabbani menyebut:

Aku memulakan risalah ini dengan basmalah. Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat ilahi yang mengurniakan segala jenis nikmat, yang memuliakan kita dengan Islam dan menjadikan kita sebahagian dari ummat Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam.

Haruslah difikir sejenak, bahawasanya yang mengurniakan segala nikmat adalah Allahu Taala. Dia yang mencipta segalanya. Dialah yang menjaga setiap makhluk. Segala kesempurnaan manusia adalah nikmat dan ihsan kurniaanNya. Kehidupan, akal fikiran, ilmu pengetahuan, kekuatan dan pancaindera semuanya adalah dari-Nya. Dia yang mengurniakan segala kebaikan dan nikmat yang tidak terkira banyaknya. Dialah yang menyelamatkan manusia dari segala kesulitan, yang menerima doa hamba dan yang menjauhkan insan daripada segala kesedihan dan bencana. Hanyasanya Dia yang mencipta rezeki dan menganugerahkannya. Dia yang maha pengasihani tidak memotong rezeki orang-orang yang melakukan dosa. Dia yang menutup aib para pendosa yang melakukan dosa besar, yang melanggar perintahNya, yang melakukan laranganNya. Dia yang maha pengampun dan maha penyayang tidak tergesa-gesa menghukum mereka yang layak mendapat penyiksaan dan azab. Nikmat dan IhsanNya melimpah ruah untuk hambaNya mahupun musuh-musuhNya. Dia tidak menyimpan apa-apa dari sesiapa pun. Nikmat yang terbesar adalah Dia menunjukkan kita kepada jalan yang benar, jalan menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dia memperingatkan kita agar tidak tersesat dari jalan menuju ke Syurga. Dia memerintahkan kita untuk menurut ajaran Rasulullah agar kita dapat memperoleh nikmat yang tidak terhitung di syurga dan keredhaanNya. Nikmat kurniaan Allah taala jelas terlihat seperti matahari di langit. Segala kebaikan yang datang dari orang lain, hakikatnya datang dari Allah jua. Dia jugalah yang memberi kekuatan dan mengilhamkan keinginan untuk menjadi medium memberi kebaikan kepada orang lain. Oleh itu, segala sesuatu kebaikan dari manapun dan

¹Imam Rabbani, wafat tahun 1034 H [1624 M]

dari sesiapa pun hanyasanya adalah dari Allah. Mengharapkan kebaikan dan belas ihsan dari selain Allah adalah seperti meminta sedekah dari orang fakir miskin. Segala yang kita perkatakan di sini adalah benar dan kebenaran kata-kata ini diketahui oleh semua orang-orang alim mahupun jahil, yang cerdik terpelajar mahupun tidak. Kerana apa yang diperkatakan tentang segala nikmat dan pemberian Allah ini adalah sesuatu yang jelas terlihat tanpa perlu difikirkan.

Tugas setiap insan adalah untuk sentiasa bersyukur Allah taala tuhan pemberi segala nikmat ini. Akal yang sihat akan mengetahui tugas bersyukur ini adalah hutang manusia kepada Allah. Namun bersyukur Allah atas segala nikmat yang diberikan ini bukanlah sebuah tugas yang mudah. Kerana manusia diciptakan oleh Allah daripada tiada menjadi ada dan mereka ini lemah, memerlukan dan penuh dengan kekurangan. Namun Allah taala sentiasa ada. Dia yang jauh sekali dari segala kekurangan dan cacat cela. Dia yang maha memiliki segala kesempurnaan. Manusia tidak sedikit pun mempunyai persamaan dengan Allah. Bagi insan yang begitu hina ini, mampukah untuk bersyukur Allah taala selayaknya? Kerana terdapat banyak perkara yang disangka indah dan baik sedangkan Allah mengetahui ianya buruk dan Allah tidak menyukainya. Perkara yang kita anggap sebagai penghormatan atau rasa syukur mungkin merupakan perkara biasa yang tidak disukai sama sekali. Oleh itu, manusia dengan keterbatasan akal fikirannya tidak dapat menemui cara untuk bersyukur Allah taala. Setiap perbuatan memuji memuja Allah, tanpa perkhawaran dariNya boleh menjadi perkara yang tidak disukaiNya.

Maka, rasa syukur yang perlu ditunjukkan oleh manusia melalu hati, kata-kata dan perbuatan adalah tugas perhambaan yang diturunkan oleh Allah melalui perkhawaran yang dibawa oleh utusanNya Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam. Perhambaan kepada Allah yang diturunkan kepada kita ini disebut sebagai **Islam**. Cara bersyukur Allah taala adalah dengan menurut segala ajaran yang disampaikan oleh baginda sallallahu alaihi wa sallam. Tiada satu pun ibadah mahupun rasa syukur akan diterima oleh Allah melainkan apa yang diajarkan oleh Rasulullah. Kerana segala apa yang baik bagi manusia sekiranya tidak disukai oleh Islam maka perkara itu adalah tidak baik dan tidak disukai oleh Allah.

Dalam erti kata lain, setiap manusia yang berakal perlu memahami bahawa untuk bersyukur Allah perlulah bertepatan dengan ajaran Baginda sallallahu alaihi wa sallam. Jalan yang diajarkan oleh Baginda disebut

Islam. Sesiapa yang menuruti ajaran Baginda disebut **Muslim**. Mensyukuri Allah bererti **melakukan Ibadah** kepadaNya. Ilmu pengetahuan Islam terbahagi kepada dua iaitu ilmu agama dan juga ilmu saintifik. Ilmu agama terbahagi kepada dua;

1- Ilmu tentang iktikad dengan hati iaitu mengetahui apa yang perlu diimani. Ilmu ini disebut sebagai **(Usuluddin) atau (Iman)**. Ringkasnya, Iman adalah mengetahui dan mempercayai enam perkara yang disebut oleh Nabi Muhammad sallallahu alaihi wa sallam dan menerima Islam serta menjauhi dari menyebut dan melakukan perkara kekufuran. Setiap muslim perlu mempelajari dan mengetahui apa yang menyebabkan kekufuran serta menjauhinya. Setiap orang yang beriman disebut sebagai **Muslim**.

2- Ilmu tentang ibadah yang perlu dilaksanakan oleh anggota badan dan juga hati. Perkara yang disuruh oleh Allah disebut sebagai **(Fardu)**. Perkara yang dilarang oleh Allah disebut sebagai Haram. Perkara ini disebut sebagai **(furu' ad-din)** atau **(hukum-hakam Islam)**.

Perkara asas yang pertama bagi setiap orang adalah menyebut **(Kalimah Tauhid)** dan beriman dengan maknanya. Kalimah tauhid adalah **La Ilaha Illallah Muhammadun Rasulallah**. Kalimah ini bermaksud Allah itu wujud dan esa. Nabi Muhammad itu adalah utusanNya. Mempercayai kalimah tauhid bererti beriman dengannya dan menjadi muslim. Setiap orang yang beriman disebut sebagai **(Mu'min)** dan **(Muslim)**. Iman harus sentiasa berterusan. Untuk itu perlulah menjauhi setiap perbuatan yang menjerumus kearah kekufuran dan mengelakkan dari menggunakan apa-apa benda yang menjadi simbol kekufuran.

Al-Quran al-Karim adalah Firman(Kalam) Allah. Allah telah mengutuskan Malaikat Jibril untuk menurunkan Al-Quran kepada Nabi Muhammad. Ayat-ayat al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Namun, ayat-ayat al-Quran ini disusun oleh Allah. Ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Arab ini turun dalam bentuk ayat, perkataan dan huruf yang disusun oleh Allah. Makna bagi huruf dan kalimah ini membawa Firman Allah. Huruf-huruf dan Kalimah-kalimah ini keseluruhannya disebut sebagai **(Al-Quran)**. Makna yang disampaikan oleh firman ilahi ini juga adalah al-Quran. Firman Allah iaitu al-Quran bukanlah makhluk. Ia adalah azali dan abadi seperti sifat-sifat Allah yang lain. Malaikat Jibril alaihissalam turun kepada Baginda Muhammad setiap tahun dan membacakan al-Quran al-Karim seperti yang tercatat di Luh Mahfuz dan baginda akan mengulanginya. Tahun terakhir sebelum kewafatan baginda Jibril datang sebanyak dua

kali dan mengkhawatirkan al-Quran bersama baginda. Baginda Rasulullah dan kebanyakan para sahabat menghafal al-Quran. Sebelum kewafatan khalifah Abu Bakar as-Siddiq, beliau mengumpulkan para huffaz al-Quran dan para penulis bahagian dari al-Quran lalu membentuk jawatankuasa bagi menulis al-Quran. Keseluruhan al-Quran yang dikumpulkan menjadi senaskah buku disebut sebagai (**Mushaf**). Seramai 33 ribu orang sahabat telah bersepakat bahawa setiap huruf dalam mushaf yang ditulis itu benar dan berada di tempatnya.

Setiap kata-kata baginda Muhammad sallallahu alaihi wa sallam disebut sebagai (**Hadith asy-Syarif**). Perkataan dari baginda namun makna daripada Allah disebut sebagai (**Hadith Qudsi**). Terdapat pelbagai kitab-kitab hadith. Antaranya yang masyhur adalah (**Sahih Bukhari**) dan juga (**Sahih Muslim**).

Dari perintah Allâhu ta'âlâ, ajaran yang memerintahkan kepercayaan disebut îmân, ajaran yang mesti dipraktikkan disebut farz, dan larangan disebut harâm. Farzes dan harms, secara agregat, disebut Ahkâm-i-Islâmiyya. Seseorang yang menyangkal bahkan salah satu ajaran Islam disebut kafir (kafir).

(**Iman**) adalah kepercayaan dan iktikad dengan hati yang diperintahkan oleh Allah, manakala (**Fardu**) adalah perbuatan yang disuruh, dan laranganNya adalah (**Haram**). Kefarduan dan perkara yang haram ini termasuk dalam (**Hukum-Hakam Islam**). Sesiapa yang mengingkari walaupun satu dari perkara-perkara ini adalah (**Kafir**).

Perkara asas kedua yang bagi setiap insan adalah penyucian hati dan jiwa. Apabila disebut hati ada dua perkara yang dapat difahami. Pertama, seketul darah daging yang terdapat dalam tubuh badan manusia adalah hati. Hati ini juga terdapat pada haiwan. Kedua, hati yang hanya ada pada manusia yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Hati yang kedua inilah yang dibincangkan dan tertulis dalam kitab-kitab agama. Hati inilah tempatnya bagi iktikad dan kepercayaan Islam. Hati inilah yang menjadi tempat iman, hati inilah yang beriman ataupun tidak. Hati yang beriman adalah hati yang bersih dan suci. Hati yang tidak beriman adalah hati yang kotor, hati yang mati. Adalah menjadi tugas utama kita untuk berusaha menyucikan hati. Melakukan ibadah khususnya mendirikan sembahyang dan beristighfar akan menyucikan hati. Melakukan perkara haram akan mengotorkan hati. Rasulullah bersabda (**Perbanyakkan lah beristighfar! Barangsiapa yang banyak beristighfar akan dilindungi Allah dari**

sebarang penyakit serta diberikan kesenangan dalam setiap kesulitan dan akan dikurniakan rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka). Istighfar bermaksud mengucapkan (**Astaghfirullah**). Syarat untuk doa diterima adalah seseorang yang berdoa itu mestilah muslim, bertaubat dari dosa-soanya dan memahami dengan penuh keimanan dan pengharapan ketika berdoa. Doa yang dipanjatkan oleh hati yang kotor dan penuh dosa tidak akan diterima. Doa yang dibaca 3 kali dan sembahyang 5 waktu yang berterusan akan menyucikan hati. Doa yang dipanjatkan dengan mulut tanpa hati yang beriman adalah sia-sia.

Ajaran agama islam sebenar adalah daripada kitab-kitab yang ditulis oleh para ulama (**Ahli Sunnah**). Seseorang itu adalah (**Kafir**) sekiranya mengingkari apa-apa (**Nass**) ayat dari al-Quran ataupun Hadith yang jelas maksudnya seperti yang disampaikan oleh para ulama ahli sunnah. Sekiranya seseorang itu hanya mengingkarinya secara sembunyi-sembunyi dalam hati maka dia adalah (**Munafik**). Mereka yang mengingkari secara sembunyi, berpura-pura menjadi muslim dan melakukan muslihat dan tipu daya untuk menyesatkan muslim yang lainnya adalah (**Zindik**). Manakala mereka yang tersilap dalam mentakwil nass yang tidak jelas maksudnya tidak menjadi kafir. Namun mereka berhak dihukum ke neraka kerana terpisah dari jalan ahli sunnah. Mereka ini tidak akan kekal diazab kerana mereka mempercayai nass yang jelas maknanya. Sesudah diazab mereka akan dimasukkan ke dalam syurga. Mereka ini adalah golongan (**Ahli Bidaah**) dan (**Ajaran Sesat**). Terdapat 72 kumpulan ajaran sesat. Segala ibadah yang dilaksanakan serta kebaikan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan ini serta orang-orang kafir dan murtad tidak diterima dan tidak memberatkan timbangan kebaikan di akhirat kelak. Seseorang muslim dengan iktikad yang benar adalah (**Ahli Sunnah wal Jamaah**) atau dikenali sebagai (**Sunni**). Muslim sunni terbahagi kepada 4 mazhab. Semua muslim yang terdiri daripada 4 mazhab ini masing-masing mengenali dan mengasihi ahli sunnah antara satu sama lain. Selain dari 4 mazhab ini bukanlah dari kalangan ahli sunnah. Golongan yang terkeluar dari kalangan ahli sunnah ini samada kafir atau ahli bidaah seperti yang tercatat oleh Imam ar-Rabbani dalam Maktubat secara khusus pada jilid pertama risalah ke-286 dan dalam catatan Tahtawi terhadap (**Durr al-Mukhtar**) pada bab (Zabaih) dan dalam kitab (**Al-Basyair li Munkiri at-Tawassul bi Ahli al-Maqabir**). Kedua-dua kitab yang tersebut ditulis menggunakan bahasa Arab. Kedua-duanya ditulis dan dicetak di India pada tahun 1395

H/1975 M dan kemudian dicetak oleh Hakikat Kitabevi di Istanbul.

4 mazhab berpendapat orang beribadah yang melakukan dosa dan orang yang tidak sempurna ibadah seterusnya bertaubat maka dosa-dosa tersebut akan diampunkan. Sekiranya Allah berkehendak dan mereka tidak bertaubat tetap akan diampunkan dan tidak akan dihumban ke dalam api neraka. Sekiranya Allah berkehendak, mereka akan diazab setimpal dengan dosa yang dilakukan dan kemudian akan diselamatkan dari api neraka. Tidak beriman walaupun hanya satu daripada perkara rukun dalam Islam akan dihumban ke dalam api neraka selamanya. Mereka ini adalah golongan yang **(Kafir)** dan **(Murtad)**.

Golongan kafir pula terbahagi kepada dua iaitu ahli kitab dan bukan ahli kitab. Manakala seseorang yang terlahir sebagai muslim namun menjadi kafir selepas itu adalah **(Murtad)**. Ibnu Abidin ketika menerangkan tentang golongan yang haram dinikahi kerana syirik menyebut (Golongan murtad, mulhid, zindik, majusi, penyembah berhala, ahli falsafah yunani, munafik, 72 golongan sesat, Brahman, Budha, Batini, Ibahi, dan Duruzi adalah dari bukan ahli kitab). Komunis dan freemason juga tergolong dalam kumpulan ini. Adapun Yahudi dan Kristian yang mempercayai dan beriman kitab suci yang diturunkan oleh Allah kemudian diselewengkan iaitu **(Taurat)** dan **(Injil)** adalah dalam kelompok ahli kitab. Sekiranya mereka ini mempercayai adanya (sifat ketuhanan) dalam mana-mana makhluk maka mereka adalah **(Musyrik)**. **(Sifat Zatiyyah)** dan **(Sifat Thubutiyyah)** bagi Allah taala adalah **(Sifat-sifat ketuhanan)**.

Seseorang kafir daripada ahli kitab mahupun bukan ahli kitab akan terselamat dari dihumban kedalam api neraka sekiranya mereka menjadi muslim. Mereka akan menjadi suci seperti tidak pernah melakukan sebarang dosa. Namun, hendaklah mereka menjadi **(Sunni)**. Menjadi sunni bererti mempelajari daripada para ulama ahli sunnah, serta beriman sesuai dengan tuntutan ahli sunnah. Seseorang itu dapat dikenali keislamannya di dunia ini dengan melihat kepada pertuturan dan perbuatannya. Seseorang itu juga dapat diketahui keimanannya di akhir hayatnya. Seseorang muslim yang berdosa apabila bertaubat dengan hati yang sesalan dan pengharapan pasti akan diampunkan segala dosanya dan menjadi suci seperti tidak pernah melakukan dosa. Kitab **(Iman dan Islam)** dan **(Saadah Abadiyyah)** ada menerangkan panjang lebar tentang apakah itu **(Taubat)** dan bagaimana cara-cara untuk bertaubat.

IMAN dan ISLAM

Dalam buku (**Itikadname**) ini akan dijelaskan sepotong hadith baginda sallallahu alaihi wa sallam tentang (Iman dan Islam). Saya berharap dengan keberkatan hadith ini akan menyempurnakan (mengukuhkan) iktikad para muslimin dan seterusnya meraih keselamatan dan kebahagiaan dan menjadi asbab keselamatan bagi saya Khalid yang penuh dosa dan hina dina ini.

Semoga Allah taala yang maha pengasihani lagi maha mulia mengampuni hambanya yang faqir ini, dan menerima ibadat hambanya yang penuh cacat cela dan dijauhkan daripada muslihat dan tipu daya musuh-musuh Islam. Sesungguhnya Allah yang maha pengasih, maha penyayang, maha pengasihani dan maha pemurah.

Para ulama berkata wajib keatas setiap (Mukallaf) iaitu muslim yang berakal dan baligh untuk mengenali sifat-sifat zatiyyah dan sifat-sifat thubutiyyah Allah taala serta beriman dengannya. Perkara ini adalah asas kefarduan keatas setiap muslim. Tiada uzur bagi tidak mempelajarinya. Tidak mengetahuinya adalah dosa. Tujuan Khalid al-Baghdadi menulis kitab ini bukanlah untuk menunjukkan bahawasanya dia lebih baik dari orang lain atau untuk menjual pengetahuan ini dan bukan jua untuk kemuliaan. Adapun tujuan penulisan ini adalah untuk berkhidmat. Semoga dengan berkat dan madad baginda rasulullah, hambanya Khalid² yang lemah ini dan seluruh kaum muslimin akan diberi kekuatan dan dibantu Allah.

Sifat zatiyyah bagi Allah ada 6. Iaitu; **Wujud** (ada), **Qidam** (sedia), **Baqa'** (kekal), **Wahdaniyyah**(tunggal/esa), **Mukhalafatuhu lil hawadithi** (bersalahan dengan yang baharu) dan **Qiyamuhu bi nafsihi** (berdiri dengan sendiri). 6 sifat ini tiada satu pun yang ada pada makhluk. Sifat-sifat ini tiada terkait dengan makhluk. Sebahagian ulama menyatakan bahawa wahdaniyyah dan mukhalafatuhu lil hawadithi adalah sama maka **sifat-sifat zatiyyah ada 5**.

Segala sesuatu selain Allah disebut (**Ma siwahu**) atau (**Alam**) yang sekarang dikenali sebagai (**Tabiat**). Alam ini semuanya bermula daripada tiada. Allah yang menciptakannya. Alam ini bersifat mungkin (boleh jadi ada atau tiada) dan hadith (baharu, bermula dari tiada). Dalam sebuah hadith baginda bersabda (**Allah taala itu sentiasa ada, ketika selainnya tiada**).

Bukti kedua yang menunjukkan bahawa alam ini baharu adalah alam

2 Khalid al-Baghdadi, 1242 H/1826 M wafat di syam.

ini sentiasa berubah. Segala sesuatu selain Allah berubah. Sesuatu yang Qadim(tanpa permulaan) tidak akan berubah. Zat Allah dan sifatnya adalah Qadim. Tidak akan berubah. Adapun alam ini keadaan bahannya berubah apabila berlaku kejadian fizikal. Tindak balas kimia pula menghasilkan perubahan pada intipati sesuatu bahan. Sesuatu jisim itu menjadi tiada lalu berubah bentuk menjadi suatu jisim yang lain. Penemuan dunia pada zaman ini juga mengesan perubahan atom dan unsur lalu unsur ini tiada dan berubah menjadi tenaga. Perubahan-perubahan yang berlaku pada alam ini membuktikan bahawa ia memerlukan suatu kejadian dan titik permulaan untuk mengalami perubahan.

Bukti lain bahawa alam ini baharu adalah ianya mungkin, iaitu daripada tiada ia mungkin wujud. Wujud iaitu bererti ada. Ada tiga jenis wujud: Pertama adalah (**Wajibul Wujud**). Iaitu wajib ada. Sentiasa ada. Sedia ada dan selamanya ada. Hanyasanya Allah sahajalah yang wajibul wujud. Kedua adalah (**Mumtani'ul Wujud**). Iaitu sentiasa tiada. Tidak mungkin ada. Tiada sekutu bagi Allah. Tiada tuhan selain Allah, tidak mungkin ada tuhan selain Allah. Ketiga adalah (**Mumkinul Wujud**). Iaitu mungkin ada dan mungkin tiada. Seluruh alam, dan segala sesuatu makhluk adalah mungkin ada dan mungkin tiada. Kata lawan bagi (Wujud) adalah ('Adam). Iaitu bermaksud tiada. Seluruh alam ini sebelum ada ianya bermula dari tiada.

Maujud, iaitu sesuatu yang wujud ada dua: Pertama (**Mumkin**) dan kedua (**Wajib**). Sekiranya hanya mungkin yang wujud dan Wajib tidak wujud, maka tiada suatu apa pun yang akan wujud. Kerana suatu keadaan yang ada daripada permulaan yang tiada adalah suatu perubahan. Menurut ilmu fizik, satu kuasa atau faktor luaran diperlukan untuk perubahan berlaku pada sesuatu objek, maka faktor luaran dan kuasa yang mempengaruhi perubahan objek ini perlu wujud terlebih dahulu sebelum objek tersebut. Oleh itu, sesuatu yang mungkin wujud itu tidak mampu untuk wujud dengan sendiri dan kekal selama-lamanya. Tanpa suatu faktor atau kuasa lain yang menciptakannya, perkara mungkin wujud ini tidak mungkin ada. Perkara mungkin wujud juga tidak mampu dengan sendiri untuk mentiadakan kewujudannya ataupun menciptakan suatu kewujudan lain. Untuk sesuatu yang mungkin wujud itu ada, ia memerlukan Wajibul Wujud (iaitu Allah). Kewujudan alam semesta dan sekalian makhluk ini membuktikan adanya pencipta yang menciptakan segala sesuatu daripada keadaan tiada kepada ada. Justeru, hanyasanya satu sahaja Sang Pencipta yang ada iaitu wajibul wujud yang tidak baharu, yang tidak bersekutu dengannya suatu apa pun,

yang sentiasa ada dan yang mampu untuk menciptakan segala sesuatu (alam dan sekalian makhluk). Dia adalah Qadim (sedia ada). Wajibul wujud bererti dia itu ada tanpa diciptakan oleh sesiapa. Sebaliknya sesuatu yang baharu dan mungkin itu berhajat kepada Sang Pencipta untuk menciptakannya. Dalam bahasa Parsi Allah disebut (**Khuda**) yang bermaksud Qadim sedia senantiasanya ada dan Baqa', kekal.

Alam semesta dan makhluk ini semuanya tercipta dalam suatu urutan yang sangat menakjubkan. Bidang sains melakukan penemuan terbaru saban tahun. Pencipta bagi sekalian alam ini mestilah bersifat Yang Maha Hidup (**Hayy**), Yang Maha Mengetahui (**Alim**), Yang Maha Perkasa (**Qadir**), Yang Maha Berkehendak (**Murid**), Yang Maha Mendengar (**Sami'**), Yang Maha Melihat (**Basir**), Yang Maha Berkata-kata (**Mutakallim**), Yang Maha Mencipta (**Khaliq**). Kerana kejahilan, kematian, lemah, tidak mampu berkehendak, buta, pekak, tuli adalah bentuk kekurangan. Sang pencipta yang menciptakan alam ini dengan penuh kesempurnaan dan teratur adalah mustahil baginya segala kekurangan ini.

(Seluruh alam ini diciptakan dengan penuh tertib, mempunyai hukum dan kiraan yang sangat spesifik dan dari sekecil-kecil atom sehinggalah ke bintang-bintang di langit. Segala hukum alam yang ditemui dalam bidang fizik, kimia, astronomi dan biologi ini sangat mengagumkan akal fikiran. Darwin juga apabila berhadapan dengan penemuan-penemuan ini berkata bahawa dia hampir gila kerana kekaguman. Komposisi udara terdiri daripada 78% nitrogen, 21% oksigen dan 1% wap air, gas nadir dan lain2. Komposisi ini adalah campuran bukan sebatian. Sekiranya peratusan oksigen dalam udara melebihi 21% akan mengakibatkan paru-paru terbakar. Sekiranya kurang dari 21% akan mengakibatkan kegagalan komponen dalam darah untuk berfungsi membakar. Manusia dan haiwan tidak akan dapat hidup. 21% ini tidak berubah di mana sekalipun meskipun ketika hujan. Tidakkah nikmat yang maha besar ini menunjukkan kewujudan, kekuasaan dan kasih sayang Allah?. Kehebatan ciptaan mata manusia juga jika dibandingkan dengan nikmat ini tidak ternilai apa-apa. Layakkah bagi tuhan yang mencipta sekalian alam dengan kiraan penuh tertib dan urutan yang sempurna ini mempunyai sebarang kekurangan?.)

Selain itu, kita dapat melihat sifat-sifat kesempurnaan Allah ini terbias pada makhluknya. Allah menciptakan sifat ini pada makhlukNya. Sekiranya Allah pada zatNya sendiri tidak mempunyai sifat-sifat kesempurnaan ini, bagaimana Dia mampu menciptakannya pada makhluk? Sekiranya tiada

baginya sifat-sifat kesempurnaan ini maka makhluk adalah lebih sempurna dariNya.

Maka kita katakan bahawa wajib bagi Allah yang mencipta alam ini untuk bersifat dengan sifat-sifat kesempurnaan dan mustahil baginya untuk mempunyai kecacatan dan kekurangan.

Selain dari bukti-bukti yang difahami oleh akal ini, Allah juga berfirman melalui ayat-ayat al-Quran dan juga Hadith Syarif tentang kesempurnaannya. Adalah haram untuk meragui perkara ini. Meragui perkara ini boleh menjatuhkan seseorang ke dalam kekufuran. 8 sifat yang tersebut di atas adalah (**Sifat Thubutiyyah**). Bererti sifat-sifat thubutiyyah bagi Allah ada 8. Allah taala memiliki segala sifat kesempurnaan. Tiada sebarang kekurangan, kecacatan, dan perubahan pada zat Allah taala, perbuatan dan sifatNya. (**Sifat Zatiyyah**) dan (**Sifat Thubutiyyah**) adalah (**Sifat Ketuhanan**). Barangsiapa yang mempercayai akan adanya sifat ketuhanan pada makhluk adalah (**Musyrik**).

— 3 —

RUKUN-RUKUN ISLAM

Dengan pertolongan daripada Allah yang sentiasa ada di setiap detik dan ketika, yang mengurniakan segala nikmat dan kebaikan, kita mulai dengan menjelaskan sebuah hadith Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam.

Daripada Umar bin al-Khattab Radhiyallahu Anhu - seorang sahabat nabi yang mulia, pahlawan islam yang sentiasa memperkatakan kebenaran-beliau meriwayatkan:

(Pada suatu hari sedang kami duduk di sisi Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam). Pada hari yang amat ternilai itu, pada waktu yang penuh keberkatan itu kami dimuliakan oleh Allah untuk berada di sisi baginda rasulullah, kami dikurniakan Allah untuk melihat keindahan wajah baginda yang menjadi penawar bagi hati dan menenangkan jiwa. Pada hari yang sangat bermakna itu kami direzekikan untuk melihat Jibril alaihissalam dalam bentuk seorang manusiadan beliau mengajarkan kami dengan jelas dan terang tentang apa yang perlu kami ketahui melalui wasilah sabda Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam yang penuh keberkatan. Saidina Umar radhiyallahu anhu berkata:

(Tiba-tiba datang kepada kami seorang lelaki yang sangat putih kainnya, sangat hitam rambutnya, tidaklah kelihatan atasnya tanda-tanda orang

yang sedang dalam perjalanan, dan tidak seorang pun daripada kami yang mengenalinya sehingga dia duduk berdekatan dengan Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam lalu dia menyandarkan kedua-dua lututnya kepada kedua-dua lutut Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam). Sesungguhnya lelaki yang datang itu merupakan Malaikat Jibril alaihissalam. Walaupun cara Jibril itu kelihatan tidak bersesuaian dengan adab terhadap baginda namun beliau dalam keadaan untuk menerangkan sesuatu yang sangat penting. Iaitu tidak patut merasa malu dalam urusan mempelajari agama dan tidak patut seorang guru untuk bersikap angkuh dan sombong. Jibril alaihissalam datang dalam keadaan tersebut untuk mengajarkan para sahabat bahawa tiada rasa malu dalam mempelajari ilmu agama dan tidak boleh ada rasa malu dalam menunaikan hak Allah.

(Lelaki tersebut meletakkan kedua tapak tangannya ke atas kedua peha Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam, lalu dia berkata: Ya Muhammad, khabarkan kepadaku tentang Islam?)

(Islam) pada bahasa bererti tunduk dan berserah diri. Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam menjelaskan pada kita makna Islam pada syariah bermaksud lima rukun Islam:

Baginda sallallahu alaihi wa sallam bersabda:

1- Rukun Islam yang pertama adalah **(Mengucapkan dua kalimah syahadah)**. Kalimah syahadah bermaksud mengucapkan **(Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba dan pesuruh Allah)**. Bererti sesiapa yang sudah akil dan baligh perlu menyatakan dengan jelas bahawa **(Di bumi mahupun di langit tiada sesuatu apa pun yang layak disembah melainkan Allah taala. Hanyasanya Allah sahajalah yang layak disembah)**. Dialah wajibul wujud. Dialah yang tertinggi. Tiada sebarang kecacatan dan kekurangan padanya. Dialah **(Allah)** dan wajib percaya dan beriman dengan sepenuh hati. Dan baginda yang memiliki wajah yang indah dan penuh keberkatan, yang memiliki kulit berwarna merah jambu dan berwajah putih kemerah-merahan, dengan mata dan kening berwarna hitam, yang mempunyai keperibadian yang sangat indah, yang memiliki dahi yang lebar dan bayangannya tidak pernah jatuh ke tanah, seorang Arab yang lahir di Makkah dan berketurunan Bani Hasyim **(Sesungguhnya zat yang mulia bernama Muhammad bin Abdullah adalah hamba Allah dan pesuruhnya iaitu rasulnya)**. Bonda baginda adalah Aminah binti Wahab. Baginda lahir di Makkah (20 April 571 Masihi pada pagi isnin). Baginda dibangkitkan menjadi rasul pada usia 40

tahun. Tahun yang dikenali sebagai (Tahun Bi'thah). Kemu dian baginda berdakwah menyeru manusia kepada Islam selama 13 tahun di Makkah. Dengan perintah dari Allah baginda berhijrah ke Madinah. Di sini Islam tersebar meluas. 10 tahun selepas hijrah pada tahun bulan Jun tahun 632 masihi bersamaan hari isnin 12 Rabiul Awwal baginda telah wafat. [Menurut para sejarawan dalam peristiwa hijrah baginda dari Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah, baginda bersembunyi di gua Thur pada malam khamis 27 Safar 622 masihi. Baginda keluar dari gua dan meneruskan perjalanan hingga tiba di perkampungan Quba' pada hari isnin 20 september menurut kalendar Gregorian bersamaan 7 september menurut kalendar Julian. Hari yang mulia ini menjadi titik tolak permulaan tahun (**Hijrah-Syamsiah**) bagi orang-orang Islam. Manakala permulaan tahun baru Hijri-Syamsi bagi orang Syiah adalah 6 bulan lebih awal. Iaitu ia bermula pada hari perayaan Nawruz bagi orang kafir Majusi pada 20 Mac. Baginda tinggal semalaman di Quba' pada hari khamis iaitu hari siang dan malam mempunyai tempoh yang sama. Baginda keluar dari Quba' pada hari jumaat dan memasuki Madinah. 1 Muharram pada tahun tersebut telah diterima sebagai permulaan tahun baru (**Hijrah Qamariah**). Tahun baru Qamariah ini jatuh pada hari jumaat 16 Julai tahun tersebut.]

2- Rukun Islam yang kedua adalah (**Menunaikan sembahyang pada waktunya**) 5 kali sehari sesuai dengan rukun dan kefarduannya. Menjadi kefarduan keatas setiap muslim untuk memunaikan sembahyang setiap hari, apabila tiba waktunya 5 kali sehari. Menunaikan sembahyang dengan mematuhi setiap rukun, fardu, dan menitik beratkan perkara sunat serta berserah hati Allah taala dan didirikan pada waktunya. Dalam al-Quran sembahyang disebut (**Solat**). Solat pada pengertian bahasa bermaksud memanjatkan doa kepada Allah, atau malaikat beristighfar memohon belas kasihan Allah. (**Solat**) dalam pemahaman agama islam adalah seperti yang tercatat dalam kitab ilmihal adalah perbuatan dan perkataan tertentu yang dimulai dengan (**Takbiratul Ihram – Iftitah**) iaitu mengangkat takbir dan mengucapkan (**Allahu Akbar**) dan disudahi dengan salam.

3- Rukun Islam yang ketiga adalah (**Menunaikan Zakat Harta**). Zakat pada pengertian bahasa bermaksud suci, bersih dan subur berkembang. Zakat pada pengertian syarak adalah mengeluarkan harta tertentu (**Harta yang diwajibkan zakat**) dengan kadar tertentu (**Nisab**) untuk diagihkan kepada golongan tertentu seperti yang dijelaskan dalam al-Quran kepada orang-orang Islam. Zakat diberikan kepada 7 golongan.

Menurut 4 mazhab, terdapat 4 jenis harta yang diwajibkan zakat iaitu emas dan perak, zakat harta perniagaan, zakat haiwan ternakan dan juga zakat hasil pertanian. Jenis harta keempat ini juga disebut (**Usyur- iaitu 1/10**). Kerana kadar yang diwajibkan zakat keatas hasil pertanian adalah 1/10 pada musim tuaian. Adapun kadar bagi tiga jenis zakat yang lain ditentukan selepas cukup setahun apabila cukup nisab.

4- Rukun Islam yang keempat adalah (**Berpuasa di bulan Ramadan yang mulia**). Puasa disebut sebagai (**Saum**). Puasa pada pengertian bahasa bererti menahan diri dari melakukan sesuatu. Puasa pada syarak bermaksud menahan diri dari melakukan tiga perkara di siang hari bulan Ramadan menurut perintah Allah taala. Tiga perkara tersebut adalah makan, minum dan bersetubuh. Bulan Ramadan bermula dengan melihat anak bulan. Adapun memulakannya dengan kiraan taqvim adalah tidak boleh.

5- Rukun islam yang kelima adalah (**Menunaikan haji bagi yang mampu seumur hidup sekali**). Menjadi kefarduan bagi seseorang yang mempunyai tubuh badan yang sihat dan kuat untuk sampai ke Mekkah, yang mempunyai harta yang mencukupi untuk bekal perjalanan dan untuk ahli keluarga dan tanggungan yang ditinggalkan, seumur hidup sekali untuk menziarahi Kaabah dan melakukan tawaf serta berwuquf di Arafah.

Lelaki tersebut ketika mendapatkan jawapan ini daripada baginda Rasulullah dia berkata (**Benarlah kata-katamu wahai Rasulullah**). Saidina Umar radhiyallahu anhu meriwayatkan bahawa para sahabat yang mulia terkejut akan situasi tersebut. Kerana lelaki tersebut yang bertanya malah membenarkan pula jawapan yang diberi. Bertanya sesuatu bererti meminta kefahaman untuk mempejalari sesuatu. Membenarkan jawapan yang diberikan pula bererti orang yang bertanya sudah mengetahui perihal yang ditanya.

Rukun-rukun Islam yang disebutkan diatas, yang paling utama adalah bersaksi dan beriman dengan (**Kalimah Syahadah**). Kemudian menunaikan sembahyang, berpuasa, dan menunaikan haji. Yang terakhir adalah menunaikan zakat. Berdasarkan kepada sabda baginda sudah tentulah kalimah syahadah itu yang terutama dan pertama. Adapun bagi empat rukun yang lainnya kebanyakan ulama sependapat dengan urutan seperti yang tersebut diatas. Kalimah syahadah adalah permulaan bagi muslim dan menjadi kefarduan pertama. Sembahyang waktu difardukan pada peristiwa Mikraj pada tahun ke-12 setelah kebangkitan nabi dan setahun beberapa purnama sebelum peristiwa hijrah. Berpuasa pada bulan Ramadan menjadi

kefarduan pada bulan Shaaban tahun kedua hijrah. Menunaikan zakat difardukan pada bulan Ramadan tahun yang sama ibadah puasa menjadi fardu. Bagi ibadah haji pula, ia difardukan pada tahun ke-9 hijrah.

Sesiapa yang mengingkari salah satu daripada rukun Islam ini, memperolok-olok dan tidak beriman dengannya –nauzubillah- maka dia menjadi kafir. Seperti itu juga bagi mereka yang mempertikaikan halal dan haram yang jelas, tidak menerimanya iaitu menghalalkan apa yang haram dan mengharamkan apa yang halal juga menjadi kafir. Begitu juga mengingkari apa-apa yang diketahui secara pasti dalam Islam iaitu ajaran yang diketahui oleh orang awam yang tinggal di negara Islam atau tidak menyukainya secara terang-terangan juga menjadi kafir.

[Contohnya haram memakan daging babi, meminum minuman memabukkan, berjudi, mendedahkan rambut, kepala, tangan dan kaki bagi perempuan dan mendedahkan antara lutut hingga ke pusat bagi lelaki. Allah taala telah melarang perkara-perkara ini. Larangan mendedahkan aurat bagi lelaki telah dijelaskan menurut larangan dan perintah Allah taala seperti yang dijelaskan oleh 4 mazhab yang benar. Menutup aurat seperti yang diajarkan oleh 4 mazhab adalah wajib. Aurat adalah haram untuk didedahkan dan dilihat oleh orang lain. Pengarang (**Kimya Saadah**) berkata (Seperti mana haram bagi wanita untuk mendedahkan kepala, rambut, tangan dan kaki, begitu juga haram untuk memakai pakaian yang jarang, ketat, berhias secara melampau dan berwangi-wangian yang menarik perhatian. Ahli keluarga seperti bapa, adik beradik lelaki, ibu, suami yang membenarkan dan redha akan perbuatan ini akan berkongsi dosa dan azab yang sama.) Iaitu akan sama-sama dihumban ke dalam api neraka. Sekiranya mereka bertaubat akan diampunkan dan tidak diazab. Allah taala mencintai orang-orang yang bertaubat. Perintah menutup aurat bagi wanita yang akil dan baligh telah diturunkan oleh Allah pada tahun ketiga hijrah. Kita tidak boleh tertipu dengan muslihat musuh islam yang mengatakan bahawa perintah berhijab tidak diturunkan dalam ayat berkenaan hijab bahkan ia dicipta oleh ulama yang terkemudian.

Seseorang yang mengaku sebagai muslim perlulah mengetahui seraya berkelakuan sesuai seperti yang digariskan oleh Islam. Sekiranya tidak tahu, wajib keatasnya untuk bertanya ulama ahli sunnah ataupun membaca buku karangan ulama ahli sunnah untuk mempelajarinya. Perbuatan yang tidak menepati ajaran Islam akan menjerumus ke dalam dosa dan kekhufuran. Wajib keatasnya untuk bertaubat sentiasa. Taubat ke atas dosa

dan kekufuran pasti akan diampunkan. Sekiranya tidak bertaubat, maka akan dihukum dan diazab dalam api neraka. Hukuman dan azab ini ada dijelaskan dalam kitab ini pada bab yang berbeza. Orang yang melakukan dosa besar akan diazab dalam api neraka sesuai dengan kesalahannya kemudian akan dimasukkan ke dalam syurga. Namun orang yang tidak beriman kepada Allah dan berusaha memusuhi islam seperti golongan kafir, zindik akan diazab dalam api neraka selama-lamanya.

Bahagian yang wajib ditutup oleh lelaki dan perempuan dalam solat dan dimana-mana disebut sebagai (Bahagian Aurat). Mendedahkan bahagian dari aurat dan melihat aurat orang lain adalah haram. Orang yang mengingkari larangan menutup aurat ini adalah kafir. 4 Mazhab telah bersepakat bahawa sesiapa yang menghalalkan perbuatan mendedah aurat dan melihat aurat serta tidak menitik beratkan perihal aurat dan mengingkari azabnya adalah kafir. Begitu juga haram bagi perempuan untuk mendedahkan auratnya dan bernyanyi di khalayak lelaki. Menurut mazhab Hanbali bahagian di bawah kemaluan lelaki sehingga ke lutut bukanlah sebahagian dari aurat.

Seseorang yang mengaku (Saya seorang muslim) wajib untuk mempelajari dan menitikberatkan rukun-rukun Iman dan Islam serta perkara-perkara fardu, wajib dan haram. Tidak menjadi alasan untuk tidak mempelajarinya. Tidak mempelajarinya seperti mengetahui tetapi tidak beriman dengannya. Aurat perempuan di sisi 4 mazhab adalah seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan. Bahagian yang tidak disepakati sebagai aurat di sisi 3 mazhab lain meskipun tidak menjadi kafir bagi yang tidak menitikberatkannya namun menjadi dosa di sisi mazhab yang menganggapnya sebagai aurat. Contohnya bahagian dari bawah kemaluan lelaki sehingga ke lutut tidak dikira aurat di sisi mazhab hanbali manakala aurat bagi mazhab selainnya. Mempelajarinya bagi yang tidak tahu adalah wajib. Dan wajib bertaubat serta menutup aurat setelah mengetahuinya.

Contoh-contoh dosa adalah seperti, berdusta, mengumpat, berbohong, mencuri, melakukan tipu helah, khianat, menyakitkan hati, berbuat fitnah, menggunakan harta orang lain tanpa izin, tidak memberi upah pekerja dan memberontak terhadap kerajaan seperti bersalahan dengan undang-undang atau tidak membayar cukai. Perbuatan-perbuatan ini adalah haram walaupun dilakukan terhadap orang kafir dan di negara kafir. Manakala tidak mengetahui perkara-perakara terperinci yang tidak menjadi syiar Islam tidak menjadikan seseorang itu kafir namun boleh menjadikannya fasiq dan berdosa.

— 4 —

RUKUN IMAN

(Lelaki itu bertanya lagi, wahai Rasulullah **khabarkan kepadaku tentang Iman**). Setelah bertanya dan mendapatkan jawapan tentang Islam, Jibril alaihissalam melanjutkan pertanyaannya kepada baginda Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam tentang perihal iman, hakikat dan intipatinya. Iman pada bahasa bererti mengetahui sesuatu dengan terperinci dan mempercayainya. Iman pada syarak bererti berikrar dalam hati dan mempercayai bahawa baginda Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam adalah nabi dan pesuruh yang dipilih oleh Allah untuk menyampaikan risalahnya. Beriktikad sepenuh hati secara ringkas dan secara terperinci apa yang disampaikan oleh baginda adalah daripada Allah dan bersaksi dengan lidah dua kalimah syahadah. Iman yang kuat adalah seperti menjauhkan diri daripada api kerana yakin ia membakar dan menjauhkan diri daripada ular kerana percaya bisanya mampu membunuh, seperti itu juga yakin dan percaya akan sifat-sifat Allah taala itu adalah benar. Meyakini dan mempercayai untuk menggapai redha ilahi dan menyelamatkan diri dari murka dan azabnya. Iman itu harus utuh dalam hati seperti utuhnya tulisan yang dinukilkan di atas batu marmar yang tidak akan terpadam.

Iman dan Islam seperti yang disampaikan oleh baginda Muhammad sallallahu alaihi wa sallam adalah satu. Bersaksi dengan dua kalimah syahadah terdapat dalam kedua-dua Iman dan Islam. Meskipun terdapat beberapa perbezaan secara umum dan terperinci dalam keduanya dan terdapat perbezaan pada pengertian bahasa, adapun intipatinya dalam Islam tiada bezanya.

Adakah iman itu satu perkara, atau terdiri daripada beberapa perkara? Sekiranya terdiri dari beberapa perkara, berapakah rukunnya? Adakah amal ibadah sebahagian daripada iman? Adakah dibolehkan apabila menyatakan (Saya beriman) lalu diikuti dengan (InshaAllah)? Adakah iman boleh menjadi sedikit atau banyak? Adakah iman itu makhluk? Adakah menjadi beriman itu kehendak manusia atau terpaksa? Sekiranya beriman adalah suatu keterpaksaan, mengapa adanya perintah Allah untuk manusia beriman? Setiap satu persoalan ini memerlukan penjelasan yang panjang. Oleh itu kitab ini tidak berhasrat menjawab panjang lebar setiap satu persoalan ini. Cukuplah diketahui bahawa menurut pendapat mazhab Asyairah dan Muktazilah bahawasanya tidak harus bagi Allah memerintahkan sesuatu perkara yang tidak mungkin dilakukan. Bahkan

muktazilah berpendapat meskipun sesuatu itu mungkin dilakukan namun manusia tidak mampu melakukannya maka tidak harus juga bagi Allah menurunkan perintah melaksanakan perkara tersebut. Namun menurut asyairah perkara ini harus bagi Allah memerintahkannya namun Allah tidak memerintahkannya. Seperti memerintahkan orang untuk terbang di udara. Allah tidak memerintahkan kita untuk beriman dan beramal ibadah di luar kemampuan dan kekuasaan manusia. Oleh itu seorang muslim dalam keadaan gila, tidak sedar, tidur, atau mati meskipun tidak berikrar dengan hati namun keislamannya masih kekal.

Namun begitu hadith ini tidak harus difahami secara konteks literal pada bahasa. Kerana maksud iman pada bahasa adalah berikrar dan membenarkan dengan hati, dan makna ini diketahui oleh semua orang arab jahiliyah. Apatah lagi para sahabat yang mulia radhiyallahu taala anhum semuanya lebih-lebih lagi mengetahui makna iman pada bahasa. Adapun Jibril alaihissalam ingin mengajarkan para sahabat tentang makna iman yang sebenar. Oleh itu dia bertanya pada rasulullah sallallahu alaihi wa sallam tentang makna iman pada syarak. (**Iman**) bererti beriktikad dengan hati, mempercayai enam rukun iman yang difahami melalui petunjuk akal dan dalil atau taklid kepada para ulama serta melafazkannya dengan lidah. Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam mengajarkan kita bahawa rukun iman itu ada enam:

1- Rukun iman yang pertama (**Beriman bahawa Allah taala adalah wajibul wujud dan hanyasanya tuhan yang layak disembah serta pencipta seluruh alam**).Wajib mempercayai bahawa segala sesuatu di dunia dan di akhirat ini diciptakan oleh Allah taala daripada tiada menjadi ada. (Allah yang menciptakan segala sesuatu daripada sekalian objek, atom, molekul, unsur, sebatian, campuran, jisim organik, sel, tenaga, pergerakan, hukum alam, ruh, para malaikat, hidupan bernyawa mahupun objek tidak bernyawa daripada ketiadaan menjadi wujud). Setiap makhluk yang wujud ini (setiapnya bermula daripada tiada) sepertimana ia diciptakan oleh Allah, pada hari qiamat akan ditiadakan semula oleh Allah. Dialah Maha Pencipta, Maha Memiliki dan Maha Menguasai.Wajib beriman bahasawasanya tiada yang lebih menguasai dan lebih memiliki daripada Allah. Segala sifat kesempurnaan hanyalah milik Allah. Tiada padanya sebarang kecacatan dan kekurangan. Dia berkehendak melakukan apa sahaja. Segala sesuatu yang dikehendaknya bukanlah untuk faedah sesiapa. Dia tidak berhajat akan balasan. Terdapat belas kasihan, hikmah, kelembutan dalam setiap apa yang Dia lakukan.

Tidak wajib bagi Allah taala untuk memberi pahala kebaikan kepada hambanya yang baik dan memberi azab kepada hambanya yang sebaliknya. Bahkan jika dia memasukkan semua yang berdosa ke syurga itu malah menunjukkan rahmat dan kasih sayangNya. Begitu juga sesuai dengan keadilanNya jika dia berkehendak untuk menghumban semua yang taat dan beramal ibadah ke dalam neraka. Namun Allah taala telahpun menjanjikan ganjaran syurga dan nikmat yang tidak terhitung bagi hambaNya yang beriman dan beramal ibadah serta menjanjikan balasan neraka dan azab yang pedih kepada hambaNya yang kufur. Allah tidak memungkiri janji. Tiada faedah padaNya meskipun semua hidupan beriman dan taat padaNya. Dan tiada sebarang mudharat padanya meskipun seluruh alam kufur dan mengingkari arahnya. Setiap yang dikehendaki oleh hambaNya jika Dia berkenankan akan dimakbulkan. Setiap tindakan dan segala sesuatu diciptakanNya. Tanpa perkenan dan kehendak Allah tiada satu apa pun yang mampu untuk bergerak. Tanpa kehendak Allah tiada seorang pun boleh menjadi kafir. Tanpa perkenan Allah tiada siapa pun mampu melakukan maksiat. Meskipun Allah berkehendak akan makhluk melakukan maksiat dan menjadi kufur, perbuatan ini tidaklah diredhaiNya. Tiada yang boleh mencampuri urusan Allah. Tiada siapa boleh mempertikaikan mengapa Allah melakukan begini atau alangkah bagusNya jika Allah melakukan begini. Sekiranya Allah berkehendak, siapa pun yang mati dalam keadaan melakukan dosa besar boleh diampunkanNya melainkan dosa syirik dan kufur. Sekiranya Allah berkehendak siapa pun yang melakukan dosa kecil akan diazab. Adapun yang mati dalam keadaan kafir dan murtad tidak akan diampunkan oleh Allah dan mereka akan diazab selama-lamanya.

Sesiapa pun dari kalangan (**Ahli Qiblat**) yang beribadat namun tidak beriktikad sesuai fahaman (**Ahli Sunnah**) dan mati sebelum bertaubat akan diazab dalam neraka kerana mereka adalah dari golongan (**Ahli Bidaah**). Namun mereka tidak kekal dalam neraka.

Harus untuk melihat Allah taala dengan mata di dunia ini,. Namun tiada sesiapa pun yang pernah melihatNya. Pada hari qiyamat di padang mahsyar orang-orang kafir dan orang beriman yang berdosa akan melihatNya dengan kemurkaan dan kejelekan, orang-orang beriman dan beramal soleh akan melihatNya dengan kecantikan dan kelembutan. Orang-orang beriman akan melihatNya dengan segala sifat kesempurnaan dan kecantikan di syurga. Para malaikat dan orang-orang perempuan juga akan melihatNya. Orang-orang kafir akan diharamkan dari melihatNya. Menurut suatu riwayat yang

kuat, para jin juga akan diharamkan dari melihatNya. Menurut para ulama (orang-orang beriman akan melihatNya kesempurnaan dan kecantikanNya setiap pagi dan petang, orang yang rendah darjatnya akan melihatNya pada setiap hari jumaat dan perempuan akan melihatNya beberapa kali setahun seperti perayaan di dunia ini.

(Syeikh Abdul Haq ad-Dahlawi³ dalam karyanya (Takmilul Iman) yang dikarang dalam bahasa Parsi menyebut: Baginda Rasulullah bersabda **(Pada hari qiyamat kalian akan melihat Allah dengan terang dan jelas seperti kalian melihat bulan purnama pada tanggal 14)**. Allah taala seperti mana di dunia wajahnya tidak diketahui, begitu juga Dia akan dilihat di akhirat dengan wajahNya yang tidak kita ketahui. Menurut Imam Abu Hasan Aysari, Imam Suyuti dan Imam Baihaqi, para malaikat juga akan melihat Allah di dalam syurga. Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahawa jin tidak akan beroleh pahala dan tidak dimasukkan ke dalam syurga melainkan jin yang beriman sahaja akan diselamatkan dari api neraka. Para wanita pula akan melihat Allah pada beberapa hari dalam setahun seperti perayaan di dunia. Orang-orang yang beriman dengan sempurna akan melihat Allah setiap hari pada waktu pagi dan petang manakala yang selainnya hanya akan melihat Allah pada hari jumaat. Menurut pendapat hamba yang faqir ini, semua orang beriman dari kalangan perempuan dan malaikat serta jin juga akan mendapat nikmat yang besar ini. Para wanita yang mulia dan sempurna seperti Fatimah Az-Zahra, Khadijah Al-Kubra, Aisyah As-Siddiqah, para isteri nabi yang suci, Maryam dan Asiyah radhiyallahu taala anhunna ajmain terkecuali dari perempuan-perempuan yang lain dalam hal ini. Imam Suyuti juga berpendapat yang sama dalam hal ini.)

Wajib beriman dalam hal melihat Allah taala di akhirat namun tidak harus memikirkkan bagaimana. Kerana hal ini tidak dapat difahami oleh akal fikiran yang diberikan oleh Allah. Ianya tidak sama dengan hal di dunia. Tidak dapat dihitung dengan pengetahuan fizik dan kimia. Allah taala wujud tanpa arah(jihah). Allah taala bukan objek, bukan jisim. Bukan unsur, bukan sebatian, dan bukan juga campuran. Bukan bilangan. Tidak dapat dihitung. Tidak dapat dibilang. Tidak ada perubahan padaNya. Tidak bertempat. Tidak berada dimana-mana. Tidak terikat dengan masa. Tiada sebelumNya, tiada selepasNya, tiada yang di belakangNya, tiada yang di bawahNya, tiada yang di atasNya, dan tiada di kiri kananNya. Oleh itu tidak

3Abdul Haq ad-Dahlawi wafat di Delhi pada tahun 1052 Hijrah / 1642 Masihi.

tercapai akal fikiran dan ilmu pengetahuan manusia memikirkannya. Tidak dapat dipastikan bagaimana Allah akan dilihat. Tangan, kaki, tempat dan arah adalah perkara yang tidak layak bagi Allah, namun disebut dalam al-Quran dan hadith bukan seperti yang kita bayangkan dan tidak digunakan perkataan ini pada makna yang difahami hari ini. Ayat-ayat dan hadith seperti ini disebut (**Mutasyabihat**). Ayat-ayat ini wajib diimani namun bagaimana perihalnya tidak harus difikirkan. Namun ayat-ayat dan hadith ini boleh di (**Takwil**). Iaitu memberikan makna yang layak dan bersesuaian bagi Allah taala. Contohnya tangan bermaksud kekuatan dan kekuasaan.

Nabi Muhammad sallallahu alaihi wa sallam melihat Allah taala pada peristiwa mikraj. Penglihatan ini tidaklah seperti melihat dengan mata di dunia nyata. Sesiapa di dunia ini yang mendakwa melihat Allah taala maka dia adalah zindiq. Adapun para wali qaddasallahu taala sirrahum ajmain melihat Allah taala bukan seperti melihat di dunia dan di akhirat. Iaitu bukan dengan (**Rukyah**) pandangan mata. Namun dengan (**Syuhud**) penyaksian jiwa. Iaitu melihat dengan mata hati. Para wali sekalipun ketika mereka mengatakan aku melihat Allah iaitu dalam keadaan mabuk akalnya iaitu melihat Allah dengan syuhud bukan dengan rukyah. Adapun hal ini boleh difahami dengan pentakwilan.

Soalan: Dalam petikan di atas menyatakan harus melihat Allah di dunia. Memperkatakan hasil daripada keharusan ini mengapa dihukum zindiq? Sekiranya mengatakan sesuatu yang berlaku itu kafir, adakah perkara itu boleh dikatakan harus?

Jawapan: Harus pada bahasa bererti boleh berlaku dan boleh untuk tidak berlaku. Namun mazhab Asyari mengatakan harus melihat Allah taala bermaksud: Allah taala berkuasa memperlihatkan dengan lebih dekat perkara yang terbatas oleh hukum fizik. Contohnya Allah berkuasa dan harus baginya memperlihatkan seekor nyamuk di Andalusia kepada seorang lelaki buta di Cina ataupun memperlihatkan angkasa lepas kepada manusia di dunia. Kemampuan ini hanya khusus kepada Allah taala. Kedua, barangsiapa yang mendakwa aku melihat Allah di dunia bersalahan dengan firman Allah taala dalam al-Quran. Kerana itu sesiapa sahaja yang mengaku pernah melihat Allah adalah (**Mulhid**) atau (**Zindiq**). Ketiga, harus melihat Allah taala di dunia tidak bererti harus melihatNya menurut hukum fizik. Sekiranya seseorang melihat Allah di dunia maka dia melihatNya seperti melihat objek lain. Maka ini adalah tidak harus. Dan begitulah sesiapa yang memperkatakan sesuatu yang menjadi sebab kekufuran adalah mulhid atau

zindiq. Mawlana Khalid al-Baghdadi berpesan bahawa jawapan kedua adalah lebih tepat. **(Mulhid)** dan **(Zindiq)** kedua-duanya mengaku muslim. Mulhid yang tulus katanya percaya bahawa dia adalah seorang muslim dan berada di jalan yang benar. Manakala zindiq pula adalah musuh Islam. Dia berpura-pura menjadi muslim untuk meruntuhkan Islam dari dalam dan menipu umat Islam.

Allah taala tidak berkait dengan masa siang mahupun malam. Allah taala tiada padanya sebarang perubahan dan tidak dapat dikatakan bahawa dahulunya Dia begini dan pada masa akan datang Dia akan menjadi begini. Allah taala tidak berhulul dengan apa pun iaitu Allah tidak bergabung denganNya apa-apa. Syiah **(Nusairiyah)** adalah kafir kerana mendakwa bahawa Allah taala berhulul dengan Saidina Ali. Tidak ada yang berlawanan, yang serupa, yang berkongsi zat, yang membantu dan yang menjaga Allah taala. Allah taala tidak mempunyai ibu, bapa, isteri, anak lelaki mahupun anak perempuan. Allah taala selalu hadir, meliputi dan memantau segalanya. Allah taala lebih hampir dengan semua orang dari pembuluh darah dalam badan manusia. Namun Allah taala hampir, sentiasa dekat, bersama-sama ini bukan seperti makna yang kita fahami. Dekatnya Allah taala ini tidak dapat difahami dengan ilmu para ulama, atau kasyaf dan syuhud para wali. Akal manusia tidak dapat memahami intipati hal ini. Allah taala adalah unik dan tunggal pada zatNya. Berfikirlah pada kebesaran Allah dan jangan difikirkan pada zat Allah.

Nama-nama Allah adalah **(Tawqifi)**. Bermaksud dalam Islam hanya nama-nama yang diperkenalkan oleh wahyu boleh digunakan manakala selainnya tidak boleh. Contohnya Allah taala dinamakan Alim. Namun kita tidak boleh mengatakan bahawa Allah taala adalah Faqih kerana dalam Islam Allah taala tidak dinamakan dengan nama Faqih. Begitu juga menggunakan kalimah dewa bagi menggantikan kalimah Allah. Walaupun dewa bermaksud tuhan/ yang disembah. Contohnya tuhan atau dewa yang disembah dalam agama Hindu adalah lembu. (Allah itu esa dan tunggal, tiada tuhan melainkan Allah). Kalimah yang membawa maksud tuhan yang disembah dalam bahasa lain boleh digunakan namun tidak boleh digunakan untuk menggantikan nama Allah.

Nama Allah taala itu banyaknya tidak terhitung. Terkenal dengan 1001. Iaitu nama Allah yang diperkenalkan kepada ummat manusia sebanyak 1001. Ummat Muhammad sallallahu alaihi wa sallam diperkenalkan dengan 99 nama Allah. Nama-nama ini disebut sebagai Asmaul Husna.

Sifat zatiyyah Allah taala ada 6. Sifat thubutiyyah di sisi Maturidiyah ada 8 manakala di sisi Asyariyyah ada 7. Sifat-sifat ini juga azali dan abadi seperti sifat zatiyyah. Iaitu kekal selama-lamanya dan suci daripada menyamai sifat-sifat makhluk. Sifat-sifat ini tidak boleh disamakan dengan sifat-sifat yang ada di dunia samada secara akal atau sangkaan. Dengan belas kasihan Allah taala menciptakan sifat-sifat ini kepada makhluk sebab contoh. Dengan melihat kepada ciptaan Allah ini dapatlah manusia mengagumi keagungan dan kebesaran Allah. Kerana akal manusia tidak tercapai untuk memahami zat Allah, adalah tidak harus untuk berfikir tentang zatNya. Sifat thubutiyyah Allah taala ini tidak membentuk zatNya, tidak juga ia berlainan dengan zatNya. Bererti sifat-sifat ini bukanlah Allah taala secara zat, bukan juga terpisah-pisah dari zatNya. 8 sifat ini adalah:

Hayat(Maha Hidup), **İlm**(Maha Mengetahui), **Sama**(Maha Mendengar), **Basar**(Maha Melihat), **Qudrah**(Maha Berkuasa), **Kalam**(Maha Berkata-kata), **Iradah**(Maha Berkehendak) dan **Takwin**(Maha Membentuk). Di sisi Asyari sifat Takwin dan Qudrat adalah sama. Iradah juga disebut sebagai Masyi-ah.

Setiap sifat Allah ini adalah unik. Tidak ada perubahan yang terjadi pada sifat-sifat ini. Tetapi setiap satu dari sifat ini berbeza berdasarkan perkaitannya dengan makhluk. Perkaitan sifat-sifat ini dengan makhluk tidak menafikan keunikannya. Begitu Allah taala menjaga sekalian makhluk yang diciptakanNya berbagai-bagai sepanjang masa di setiap ketika. Namun Allah tetap esa. Tiada perubahan padaNya. Setiap makhluk pada setiap detik dan ketika dan setiap keadaan memerlukan Allah. Namun Allah tidak berhajat kepada sesiapa.

2- Rukun Iman yang kedua adalah **(Beriman kepada para malaikat)**. Malaikat bermaksud utusan, pembawa berita atau kekuatan. Para malaikat adalah berjisim. Namun ia berjisim halus malah lebih halus dari gas. Mereka bercahaya dan hidup serta mempunyai akal fikiran. Namun keburukan yang ada pada manusia tiada pada para malaikat. Mereka boleh mengambil bentuk apa-apa sahaja. Seperti mana gas dan cecair mengambil bentuk, para malaikat juga boleh mengambil bentuk-bentuk yang cantik. Malaikat bukanlah ruh yang telah terpisah dari jasad orang yang telah mati. Orang-orang kristian menyangka malaikat adalah seperti ruh. Mereka tidaklah seperti tenaga yang tidak berjisim. Sebahagian ahli falsafah kuno menyangka mereka seperti itu. Semuanya disebut **(Malaikah)**. Para malaikat diciptakan terlebih dahulu dari sekalian makhluk yang bernyawa.

Oleh itu beriman kepada para malaikat menjadi rukun kedua sebelum beriman kepada kitab. Beriman kepada kitab juga menjadi rukun sebelum beriman kepada rasul. Urutan rukun Iman ini disebut dalam al-Quran mengikut tertib ini.

Beriman kepada para malaikat bererti mempercayai bahawa malaikat ini adalah hamba Allah bukan sekutuNya. Mereka juga bukanlah anak perempuanNya. Orang kafir dan musyrik menyangka bahawa malaikat adalah sekutu Allah. Allah taala mencintai semua malaikatNya. Para malaikat taat akan perintah Allah. Tidak pernah melakukan dosa. Tidak melakukan maksiat kepada Allah. Mereka bukan lelaki atau perempuan. Mereka tidak berkahwin dan tidak beranak-pinak. Meskipun menurut suatu riwayat Abdullah Ibn Masud menyatakan bahawa para malaikat sebahagiannya mempunyai anak, bahkan jin dan iblis juga adalah sebahagian dari mereka, namun penerangan lanjut dan terperinci akan dijelaskan dalam kitab ini. Para malaikat ini adalah maksum dan tidak berdosa, meskipun mereka mempersoalkan ketika Allah ingin menciptakan manusia seperti yang terkandung dalam firmanNya: (Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan).

Malaikat mempunyai bilangan yang terbanyak dari sekalian makhluk. Bilangan mereka tidak diketahui oleh sesiapa melainkan Allah. Seisi langit dipenuhi dengan malaikat yang beribadah kepada Allah. Seisi langit dipenuhi dengan malaikat yang ruku dan sujud kepada Allah. Para malaikat mempunyai tugas masing-masing pada seluruh isi langit, bumi, tumbuh-tumbuhan, bintang-bintang, makhluk yang bernyawa, objek tidak bernyawa, tiap titisan hujan, tiap helain daun, tiap-tiap molekul, atom, tindakbalas, pergerakan dan segala-galanya. Mereka menunaikan perintah Allah dimana-mana sahaja. Mereka adalah perantara antara Allah dan makhlukNya. Sebahagiannya menjadi ketua bagi sebahagian yang lain. Sebahagiannya membawa khabar berita kepada para nabi dan rasul. Sebahagiannya bertugas meniupkan perasaan yang baik ke dalam hati dan fikiran manusia yang disebut sebagai (**Ilham**). Sebahagiannya tidak mengetahui apa pun tentang manusia dan makhluk lain kerana lemas dan tenggelam dalam keindahan Allah taala. Setiap satunya ada tugas tersendiri. Mereka tidak akan berpisah dari tempat masing-masing. Sebahagiannya mempunyai dua, empat bahkan lebih banyak sayap. (Setiap haiwan bersayap dan burung-burung mempunyai sayap dari bahagian

tubuh sendiri dan tidak sama antara satu sama lain sepertimana malaikat juga mempunyai sayap dari jenis mereka sendiri. Apabila kita tidak pernah melihat dan tidak mengetahui tentang sesuatu, maka kita menganggap hal itu seperti yang pernah kita lihat dan tahu yang pastinya hal itu tidak tepat. Kita percaya bahawa sayap para malaikat itu ada. Namun kita tidak mengetahui bagaimana rupa bentuknya. Sebahagian gereja dan kumpulan serta filem tertentu menggambarkan malaikat seperti seorang perempuan yang bersayap. Namun muslim tidak mungkin menggambarkan malaikat seperti itu. Kita tidak boleh mempercayai gambar yang dihasilkan oleh orang bukan Islam ini dan kita tidak boleh tertipu dengan musuh Islam. Para malaikat penjaga syurga berada di syurga. Ketuanya adalah malaikat (**Ridwan**). Malaikat penjaga neraka pula adalah (**Zabani**). Mereka ini melaksanakan tugas mereka di neraka namun api neraka tidak membakar mereka. Seperti mana ikan yang tidak terkesan dengan air laut yang masin. Malaikat zabani yang besar ada 19. Yang paling besar adalah (**Malik**).

Malaikat yang bertugas mencatat amalan baik dan buruk manusia ada empat, dua pada waktu siang dan dua pada waktu malam iaitu (**Kiraman Katibin**) atau (**Malaikat Hafazah**). Malaikat yang berada di sebelah kanan adalah ketua kepada malaikat yang berada di sebelah kiri dan tugasnya mencatat amalan baik dan ibadah yang dilakukan. Malaikat yang berada di sebelah kiri mencatat amalan buruk. Terdapat juga malaikat yang mengazab orang kafir serta orang muslim yang berbuat dosa serta menyoal mereka. Malaikat yang bertanya soalan dalam kubur adalah (**Munkar dan Nakir**). Manakala malaikat yang bertanyakan orang beriman dalam kubur adalah (**Mubasyir dan Basyir**).

Para malaikat juga mempunyai status yang berbeza antara satu sama lain. Yang berada di tingkatan teratas ada empat. Yang pertama adalah (**Jibril**) alaihissalam. Tugasnya adalah menyampaikan (**Wahyu**) kepada baginda rasul dan menurunkan arahan serta larangan Allah. Yang kedua adalah (**Israfil**) alaihissalam yang bertugas meniup (**Sangkalala**). Sangkakala akan ditiup dua kali. Tiupan pertama akan mematikan semua makhluk dan yang tinggal hanyalah Allah. Tiupan kedua akan membangkitkan semula semua makhluk. Yang ketiga adalah (**Mikail**) alaihissalam. Tugasnya adalah untuk memberi rezeki, kesenangan, keberkatan, keamanan dan menggerakkan semua objek. Yang keempat adalah (**Izrail**) alaihissalam. Tugasnya adalah mencabut nyawa manusia. Setelah empat malaikat ini, empat pengkelasan malaikat yang tertinggi adalah: (**Hamalatul Arsy**) ada

empat malaikat dan pada hari qiyamat bilangan mereka menjadi lapan. **(Muqarrabun)** pula malaikat yang berada di sisi Allah. **(Karubiyun)** iaitu malaikat azab. **(Ruhaniyun)** iaitu malaikat rahmat. Mereka ini adalah golongan yang istimewa dari kalangan malaikat iaitu yang terbaik antara mereka. Mereka ini adalah lebih mulia dari sekalian manusia selain Para nabi dan rasul alaihimussolatu was salam. Orang-orang muslim yang soleh adalah lebih baik dari para malaikat yang awam. Para malaikat yang awam adalah lebih baik dari para muslim yang awam iaitu yang melakukan maksiat dan fasiq.

Adapun orang-orang kafir adalah lebih hina dari sekalian makhluk. Pada tiupan sangkakala pertama semua malaikat akan dimatikan selain dari empat malaikat tertinggi dan hamalatul arsy. Kemudian hamalatul arsy dan juga empat malaikat tertinggi ini juga akan dimatikan. Pada tiupan sangkakala kedua sebelum semua malaikat dibangkitkan semula empat malaikat tertinggi dan hamalatul arsy ini akan dibangkitkan terlebih dahulu. Ini bermaksud malaikat ini yang terlebih dahulu diciptakan dari sekalian makhluk bernyawa dan akan dimatikan setelah semua makhluk bernyawa dimatikan.

3- Rukun Iman yang ketiga adalah **(Beriman dengan kitab yang diturunkan oleh Allah)**. Kitab-kitab ini sebahagiannya diturunkan oleh Allah melalui bacaan para malaikat yang diperdengarkan kepada para nabi dan rasul. Sebahagiannya diturunkan melalui tulisan, dan yang lainnya diperdengarkan oleh Allah tanpa perantaraan malaikat. Semua kitab ini adalah kalam Allah. Ia abadi dan azali. Kitab ini bukan makhluk. Kitab ini bukanlah dari kata-kata para malaikat ataupun para rasul. Kalam Allah bukanlah seperti apa yang kita tulis dan ada dalam fikiran kita. Kalam Allah tidak berhuruf dan berbunyi. Sifat dan zat Allah ini tidak dapat difahami oleh manusia. Namun kalam Allah ini boleh dibaca oleh manusia. Boleh dihafal dan boleh ditulis. Kata-kata manusia pula adalah baharu. Kalam Allah apabila dipertuturkan oleh manusia menjadi makhluk dan baharu. Namun kalam Allah adalah Qadim.

Semua kitab yang diturunkan oleh Allah adalah kebenaran. Tidak mungkin ada padanya penipuan dan kesalahan. Meskipun Allah berhak mengampunkan kesalahan yang dihukum dengan azab, namun kemampuan Allah itu tertakluk kepada kehendak dan perkenanNya. Adapun azab yang layak bagi manusia berdosa boleh diampunkan oleh Allah. Mengapa Allah taala memperihalkan tentang azab dan balasan sekiranya harus bagi Allah

mengampunkan dosa, tidakkan itu suatu pendustaan. Meskipun tidak harus bagi Allah taala untuk memungkiri janji memberi ganjaran nikmat, adapun harus bagi Allah taala untuk mengampunkan dosa dan menghapuskan azab. Adapun ayat al-Quran dan akal juga menunjukkan makna tersebut.

Tanpa sebarang kesukaran untuk memahami ayat al-Quran dan hadith, ianya harus ditafsirkan mengikut maknanya yang jelas. Memberi tafsiran lain pada hal begini adalah tidak dibolehkan. (Al-Quran dan Hadith diturunkan dengan bahasa Arab Quraisy. Kalimah yang terkandung perlu ditafsirkan mengikut kefahaman 1400 tahun dahulu menurut penggunaan orang Hijaz. Memberi tafsiran sesuai dengan perubahan dan penggunaan kalimah tersebut pada hari ini adalah tidak tepat.) (**Mutasyabihat**) adalah ayat al-Quran yang tidak jelas dan maknanya tersembunyi. Hanyasanya Allah sahajalah yang mengetahui makna di sebalik ayat tersebut dan juga orang-orang yang terpilih dikurniakan oleh Allah (**Ilmu Ladunni**). Selain itu tiada siapa yang dapat mengetahui makna ayat tersebut. Oleh itu, wajib bagi kita beriman dengan ayat mustasyabihat seperti mana ia diturunkan tanpa memikirkan tentang makna disebalik ayat tersebut. Di sisi ulama asyari pula, harus untuk (**mentakwil**) ayat-ayat tersebut. Takwil bererti memilih maksud perkataan yang bersesuaian daripada sekalian maksud yang ada. Contohnya Allah berfirman (**Tangan Allah di atas tangan mereka**). Walau apapun yang hendak dimaksudkan oleh Allah, wajib keatas kita untuk beriman dengan ayat ini. Jalan yang paling tepat adalah dengan mengatakan aku tidak memahami apa maksud ayat tersebut hanyasanya Allah jualah yang mengetahui maknanya. Ilmu Allah taala tidaklah sama seperti ilmu kita. Kehendak Allah juga tidak sama seperti kehendak kita. Demikian tangan Allah itu tidaklah sama seperti tangan sekalian makhluk.

Dalam kitab yang diturunkan oleh Allah taala, ada (**Nasakh**) yang berlaku samada pada bacaan, atau pada makna atau pada kedua-duanya. Al-Quran telah menasakhkan semua hukum yang terkandung dalam kitab-kitab terdahulu. Tidak akan berlaku sebarang perubahan, kekurangan, kesalahan, al-Quran sehingga hari qiyamat. Semua ilmu tentang perihal yang telah berlalu dan akan berlaku terkandung dalam al-Quran. Oleh itu al-Quran merupakan kitab yang paling mulia dari semua kitab-kitab samawi. Al-Quran juga merupakan mukjizat teragung baginda Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam. Jika berhimpun semua manusia dan jin untuk menulis satu ayat daripada al-Quran, maka mereka tidak akan mampu melakukannya. Meskipun semua para penyair, ahli bahasa dan pakar

bahasa Arab mencuba untuk menulis walaupun satu daripada ayat al-Quran juga mereka tidak mampu. Tiada yang mampu menandingi kehebatan al-Quran. Allah taala telah melemahkan para musuh Islam apabila berhadapan dengan al-Quran. Balaghah yang terkandung dalam al-Quran adalah lebih hebat dari kemampuan manusia. Manusia tidak akan mampu menghasilkan sesuatu seperti al-Quran. Al-Quran tidak sama seperti nazam syair dan qafiyah yang ditulis oleh manusia. Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan menggunakan huruf yang turut sama digunakan oleh ahli bahasa Arab yang fasih.

Kitab samawi yang diketahui oleh kita ada 104. Yang terkenal adalah 10 lembaran (**Adam**) alaihissalam, 50 lembaran (**Syith**) alaihissalam, 30 lembaran (**Idris**) alaihissalam, 10 lembaran (**Ibrahim**) alaihissalam. Kitab (**Taurat**) untuk Musa alaihissalam, (**Zabbur**) untuk Daud alaihissalam, (**Injil**) untuk Isa alaihissalam dan (**al-Quran al-Karim**) untuk Muhammad alaihissalam.

Seorang manusia akan bersedia dan berfikir dalam fikirannya sebelum dia mengeluarkan arahan atau larangan, atau bertanya soalan mahupun memberi perkhabaran. Ketika berada dalam fikiran sebelum diluahkan makna ini disebut sebagai (Kalam Nafsi). Makna ini tidak boleh dikatakan sebagai bahasa Arab, atau Parsi atau Turki. Meskipun boleh dilafazkan dalam pelbagai bahasa ia tidak boleh menjadi sebab untuk perbezaan makna. (Kalam Lafzi) pula adalah kata-kata yang menerangkan makna tadi. Kalam lafzi boleh diterangkan dalam pelbagai bahasa. Dapat difahami bahawa kalam nafsi seseorang adalah murni dan tidak berubah berbeza dengan sifat yang ada pada pemilik kalam seperti pengetahuan, kehendak dan lain-lain. Kalam lafzi adalah bentuk kalam nafsi yang keluar dari mulut insan dalam bentuk kumpulan huruf dan yang sampai ke telinga. Begitu firman Allah taala adalah kalam yang azali, abadi, ada pada zat Allah dan bukan makhluk. Ini adalah berbeza dari sifat zatiyyah dan sifat thubutiyyah seperti pengetahuan dan kehendak.

Sifat kalam Allah juga tidak pernah berubah. Tidak terbentuk dari huruf dan tidak berbunyi. Tidak sama seperti bahasa Arab, Parsi, Ibrani, Turki dan tidak serupa seperti memberi arahan, larangan atau perkhabaran. Ia tidak berbentuk seperti yang tersebut, tidak boleh ditulis. Tidak memerlukan perantaraan seperti fikiran, telinga dan mulut. Boleh diterjemahkan dengan bahasa apa sekalipun. Adapun begitu, yang dilafazkan dengan bahasa Arab disebut al-Quran, dalam bahasa Ibrani adalah Taurat dan dalam

bahasa Suryani adalah Injil. Dalam kitab (**Syarhul Maqasid**)⁴ mengatakan bahawa jika disebut dalam bahasa Yunani adalah Injil dan bahasa Suryani adalah Zabbur.

Firman Allah menceritakan tentang banyak perkara. Apabila diceritakan tentang kisah-kisah dan kejadian maka ia disebut sebagai (**Khabar**). Sebaliknya disebut sebagai (**Insyak**). Apabila menerangkan tentang kewajipan maka ia adalah (**Amru**). Jika menerangkan tentang larangan maka ia adalah (**Nahi**). Tidak ada perubahan atau penambahan pada kalam Allah. Setiap lembaran dan kitab yang diturunkan itu adalah dari sifat kalam Allah iaitu dari kalam nafsi. Apabila diturunkan dalam bahasa Arab maka ia adalah al-Quran. Wahyu yang diturunkan dalam bentuk huruf bertulis dan dibaca dan dihafal disebut sebagai (**Kalam Lafzi**) atau (**al-Quran**). Kalam lafzi ini juga merupakan firman Allah dan sifat Allah kerana ia menunjukkan tentang kalam nafsi maka harus baginya untuk dikatakan sebagai kalam Allah. Keseleruhannya adalah al-Quran dan sebahagiannya juga adalah al-Quran.

Para ulama yang benar telah menyatakan bahawa kalam nafsi ini bukanlah makhluk dan ianya qadim. Adapun kalam lafzi itu tidak dibincangkan samada ia qadim atau baharu. Sebahagian yang berpendapat bahawa kalam lafzi ini adalah baharu mengatakan bahawa tidak wajar ia dikatakan sebagai baharu. Kerana jika dikatakan baharu maka berkemungkinan difahami bahawa kalam nafsi juga adalah baharu. Yang terbaik adalah dengan tidak mengatakan ia baharu. Fikiran manusia mudah untuk menceraap apa yang dibentangkan di hadapannya. Adapun ulama ahli sunnah yang mengatakan al-Quran itu baharu memaksudkan bacaan dan suara yang dikeluarkan oleh kita ketika membaca al-Quran. Di sisi ulama ahli sunnah kedua-dua kalam nafsi dan lafzi adalah kalam Allah. Meskipun sebahagian ulama berpendapat kata-kata ini adalah kiasan, mereka semua bersepakat bahawa itu adalah kalam Allah. Bahawa kalam nafsi adalah daripada sifat Allah dan kalam lafzi itu bererti yang diciptakan oleh Allah taala.

Soalan: Berdasarkan penerangan di atas, kalam Allah yang azali tidak dapat didengar oleh manusia. Mendengar kalam Allah bermaksud mendengar suara dan bacaan kalimah. Dari itu difahami bahawa yang azali adalah kalam nafsi. Semua nabi dan rasul serta semua makhluk mendengar

4 Syarhul maqasid ditulis oleh Saaduddin Taftazani, wafat di Samarqand pada tahun 792 H/ 1389 M.

kalam Allah melalui cara ini. Apakah sebab Nabi Musa alaihissalam dibezakan dan digelar Kalimullah (orang yang Allah berbicara dengannya)?

Jawapan: Musa alaihissalam mendengar firman Allah melalui cara yang berbeza dari adat kebiasaan iaitu tanpa huruf dan tanpa suara seperti kalam azali. Di syurga ianya tidak dapat dijelaskan dan tidak tercapai akal manusia untuk memahaminya. Seperti mana tidak tercapai akal manusia bagaimana melihat Allah, begitu juga tidak tercapai akal manusia bagaimana mendengar kalam Allah. Allah tidak memperdengarkan kalamNya kepada sesiapa. Adapun Allah memperdengarkan kalamNya dengan suara. Namun mendengarnya bukan dengan telinga. Ia diperdengarkan melalui seluruh zarah dan tubuh badan. Oleh yang demikian dia digelar Kalimullah. Nabi Muhammad juga pada malam peristiwa mikraj mendengar kalam Allah dan Jibril juga ketika menerima wahyu untuk disampaikan mendengar kalam Allah.

4- Rukun Iman yang keempat adalah (**Beriman kepada para nabi dan rasul utusan Allah**). Para nabi dan rasul diutuskan untuk menyeru manusia ke jalan yang benar yang disukai oleh Allah taala. Rasul pada bahasa bererti utusan dan pembawa berita. Rasul pada syarak bermaksud insan mulia yang diciptakan dengan kesempurnaan tubuh badan, peribadi, ilmu dan akal berbanding insan lain pada zamannya. Dia tidak memiliki sifat buruk dan tidak memiliki tingkah laku yang tidak disukai. Para rasul mempunyai sifat (**Ismah**) iaitu tidak melakukan dosa kecil dan dosa besar sebelum dan sesudah mereka dibangkitkan menjadi nabi dan rasul. (Para musuh Islam yang cuba meruntuhkan Islam dari dalam menyatakan bahawa nabi Muhammad sebelum diutuskan menjadi rasul pernah melakukan korban di hadapan berhala dengan bersandarkan kepada bukti yang ditulis oleh kitab-kitab orang tidak bermazhab. Namun pernyataan ini adalah dusta keatas nabi). Apabila mereka dibangkitkan menjadi nabi sehingga kenabian mereka tersebar, tidak ada pada mereka sebarang kekurangan dan kecacatan seperti buta, pekak dan tuli. Kita harus beriman bahawa pada diri seorang nabi dan rasul itu ada 7 sifat: **Amanah, Siddiq, Tabligh, Adil, Ismah, Fathonah, dan Amnul Azal**(iaitu tidak akan dilucutkan kenabian). Fathonah pula bererti sangat cerdas dan sangat memahami.

(**Rasul**) adalah utusan yang membawa agama dan syariat baru. (**Nabi**) pula adalah yang meneruskan dakwah bagi agama yang terdahulu. Tiada beza pada nabi dan rasul dalam menyeru manusia dan mengajak manusia kepada agama Allah. Wajib beriman pada semua nabi dan rasul tanpa

dibeza-bezakan, semuanya benar dan semuanya menyampaikan kebenaran. Sesiapa yang tidak mempercayai salah seorang dari mereka seolah-olah tidak mempercayai semuanya.

Menjadi nabi dan rasul tidak boleh tercapai melalui usaha yang gigih, kerja keras, berlajar, menahan dari dari kesusahan dan melakukan banyak amal ibadah. Adapaun menjadi nabi dan rasul adalah belas kasihan dan pilihan daripada Allah. Allah menurunkan agama supaya manusia mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat serta mendapat keselamatan, hidayah, dan rahmat daripadaNya melalui perantaraan para nabi dan rasul. Meskipun dimusuhi ramai dan diperolok-olokkan, para nabi dan rasul tidak takut dan tidak merasa ragu untuk menyeru manusia beriman kepada Allah dan menyampaikan perintah Allah. Untuk menguatkan dakwah para nabi dan rasul serta membuktikan kebenaran mereka, Allah mengurniakan mereka dengan mukjizat. Tiada siapa yang dapat mematahkan mukjizat ini. Orang yang beriman dan menerima ajaran akan tergolong dalam (**Ummat**) nabi tersebut. Pada hari qiyamat Allah akan mengizinkan nabi dan rasul untuk memberi syafaat kepada ummatnya yang melakukan dosa. Para ulama, orang-orang soleh dan wali dari kalangan ummat nabi juga akan diizinkan oleh Allah untuk bersyafaat. Para nabi alaihimussolatu wassalam hidup dalam perkuburan mereka dengan kehidupan yang tidak kita ketahui. Tubuh badan mereka tidak akan dimamah tanah. Dalam sebuah hadith baginda bersabda (**Para nabi dan rasul mendirikan sembahyang dan menunaikan haji dalam kuburan mereka**).

(Golongan (Wahhabi) di Arab Saudi pada hari ini mengingkari hadith tersebut di atas. Mereka mengkafirkan golongan muslim yang beriman dengan iman yang sebenar. Mereka mendakwa orang-orang yang tersilap dalam mentakwil ayat al-Quran pada ayat mutasyabihat walaupun tidak menjadi kafir tetapi sebagai (**Ahli Bidaah**). Mereka sangat memberi mudarat kepada orang Islam. Gerakan Wahhabi dipelopori oleh Muhammad bin Abdul Wahhab dari Najd. Merupakan talibarut Inggeris dan penerus legasi Ibn Taymiyyah⁵. Disebarkan pula pemikiran ini ke seluruh dunia oleh Muhammad Abduh⁶ dari Mesir. Mereka bukanlah mazhab kelima dalam Islam tetapi mereka adalah golongan yang terpesong ke jalan yang salah seperti yang dijelaskan oleh (**Ahli Sunnah**) dalam ratusan kitab yang ditulis. Perkara ini dijelaskan panjang lebar dalam (**Saadah Abadiyyah**)

5 Ahmad Ibn Taymiyyah wafat pada tahun 728H/1328M di Syam.

6 Muhammad Abduh wafat pada tahun 1323H/1905M di Mesir.

dan juga (**Qiyamat dan Akhirat**). Semoga Allah taala melindungi dan menjaga orang Islam dari kaum muda yang dipelopori oleh talibarut Inggeris dan wahhabi. Dengan keberkatan hadith yang mulia semoga Allah menjaga kita untuk terus berada dalam jalan (**Ahli Sunnah**).

Para nabi saat mata mereka terlelap, hati mereka tidak tidur. Para nabi dan rasul semuanya sama pada tanggungjawab dan tugas kenabian. 7 sifat yang disebutkan diatas ada pada semua nabi dan rasul. Utusan Allah tidak akan terlucut dari kenabian mereka. Adapun para wali boleh dilucutkan kewalian. Para nabi dan rasul hanya diutuskan dari kalangan manusia. Tiada nabi dan rasul dari kalangan jin dan malaikat. Jin dan malaikat tidak boleh naik darjatnya seperti nabi. Para nabi dan rasul ada kelebihan antara satu sama lain. Seperti nabi yang paling ramai ummatnya, yang paling besar kawasan yang diutuskannya, yang paling banyak tersebar ilmu dan makrifahnya dan mukjizat yang paling agung serta kekal berpanjangan. Dalam kesemua nabi dan rasul yang diutuskan, Nabi Muhammad sallallahu alaihi wa sallam merupakan utusan yang teragung. Rasul ulul azmi adalah lebih tinggi darjatnya dari sekalian rasul, dan para rasul lebih tinggi darjatnya daripada sekalian nabi.

Bilangan para nabi dan rasul alaihimussolatu wassalam adalah tidak diketahui secara tepat. Bilangan yang masyhur adalah 124000. 313 atau 315 daripada bilangan ini adalah rasul. Dan 6 orang dari kalangan rasul adalah yang lebih tinggi darjatnya. Mereka adalah (**Ulul Azmi**) iaitu **Adam, Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad** alaihimussolatu wassalam.

Terdapat 33 orang yang masyhur iaitu **Adam, Idris, Syith, Nuh, Hud, Salih, Ibrahim, Lut, Ismail, Ishak, Yaqub, Yusuf, Ayub, Syuaib, Musa, Harun, Khidir, Yusha bin Nun, Ilyas, Ilyasa, Zulkifli, Syam'un, Ishmael, Yunus bin Mata, Daud, Sulaiman, Luqman, Zakaria, Yahya, Uzair, Isa bin Maryam, Zulqarnain, dan Muhammad** alaihimussolatu wassalam.

28 daripada mereka disebutkan dalam al-Quran. Syith, Khidir, Yusha, Syam'un dan Ishmael tidak disebut dalam al-Quran. Daripada 28 orang tersebut status kenabian Zulqarnain, Luqman, Uzair dan Khidir adalah tidak dapat dipastikan secara tepat. (**Maktubat Masumiyah**) jilid ke-2 risalah ke-36 menyebut bahawa riwayat yang membuktikan kenabian Khidir adalah sangat kuat. Risalah ke-182 menyebut bahawa Khidir alaihissalam dilihat dalam bentuk manusia dan melakukan beberapa perkara namun tidak membuktikan bahawa dia hidup. Allah taala memberikan keizinan

kepada sebahagian nabi dan para wali untuk ruh mereka dilihat dalam bentuk manusia. Ruh mereka dilihat dalam bentuk manusia tidak bererti mereka hidup. Nama lain bagi Zulkifli alaihissalam adalah Harqil. Ada juga yang mengatakan dia sebagai Ilyas atau Idris atau Zakaria alaihissalam.

Ibrahim alaihissalam digelar khalilullah kerana dalam hatinya tiada cinta kepada makhluk melainkan hanya cinta kepada Allah taala sahaja. Musa alaihissalam digelar kalimullah kerana Allah taala berbicara dengannya. Isa alaihissalam digelar kalimatullah kerana bapanya tiada dan dia lahir ke dunia melalui firman Allah (jadilah!) dan ibunya. Selain itu, lidahnya juga penuh dengan hikmah yang diberikan oleh Allah dan disampaikan kepada manusia.

Muhammad sallallahu alaihi wa sallam ciptaan Allah yang tertinggi, yang paling utama, paling mulia dan paling terhormat dari kalangan anak cucu Adam juga digelar sebagai Habibullah. Banyak tanda-tanda dan bukti yang menunjukkan keagungan baginda sebagai Habibullah. Oleh itu tidak layak pada zat baginda kata-kata seperti dikalahkan. Pada hari qiyamat baginda yang pertama akan dibangkitkan, yang pertama akan ke padang mahsyar, yang pertama akan masuk ke syurga. Tidak terhitung kemampuan manusia untuk membilang mukjizat baginda, maka kita sebutkan antara mukjizatnya adalah peristiwa mikraj:

Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam dibangkitkan dari tidur, tubuh baginda yang suci itu dibawa dari Makkah ke Masjidil Aqsa lalu diterbangkan ke langit dan ke langit ketujuh dan dipertemukan menghadap Allah taala. Wajib bagi kita beriman dengan peristiwa mikraj. (Golongan seperti Ismaili yang cuba memesongkan umat Islam mengatakan bahawa mikraj berlaku dengan ruh bukan dengan jasad baginda. Kita tidak boleh tertipu dengan dakwaan karut begini. Penjelasan terperinci tentang mikraj ada ditulis panjang lebar dalam banyak kitab-kitab yang berharga antaranya (**Syifai Syarif**)⁷. Juga diterangkan secara terperinci dalam (**Saadah Abadiyyah**). Baginda bersama-sama Jibril alaihissalam dari Makkah Mukarramah ke (**Sidratul Muntaha**) sebuah pohonan di langit keenam dan ketujuh yang tidak boleh ditembusi oleh sesiapa pun. Rasulallah melihat Jibril alaihissalam dengan wajah sebenarnya di situ dengan 600 sayapnya. Perjalanan Jibril alaihissalam terhenti di sidratul muntaha. Baginda menaiki (**Buraq**) sebuah haiwan syurga berwarna putih dari Makkah ke al-Quds sehingga ke langit ketujuh. Ianya bukan dari haiwan dunia. Tiada jantan

7 Dikarang oleh Qadi Iyad Maliki wafat pada tahun 544H/1150M di Marakech.

betina. Kepantasannya sejauh mata memandang. Di Masjidil Aqsa baginda Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam mengimamkan para nabi dan rasul menunaikan sembahyang isyak dan subuh. Ruh para nabi dan rasul berada dalam bentuk manusia di situ. Baginda menaiki langit ketujuh dari al-Quds pada peristiwa (**Mikraj**) dengan suatu tangga yang tidak diketahui. Dalam perjalanan para malaikat di kiri dan kanan berbaris memuji-muji baginda. Di setiap lapisan langit, Jibril alaihissalam menyampaikan perkhabaran dan berita gembira kedatangan baginda. Di setiap lapisan itu juga baginda bertemu seorang nabi dan memberi salam kepadanya. Baginda melihat terkejut kekaguman melihat terlalu banyak perkara yang berlaku di sidratul muntaha. Baginda melihat nikmat-nikmat syurga dan azab api neraka. Baginda tidak melihat satupun nikmat di syurga kerana asyik dan leka ingin melihat kecantikan Allah. Melepasi sidratul muntaha baginda melewati cahaya. Baginda mendengar suara pena para malaikat. Baginda melewati 70 ribu tirai. Jarak antara dua tirai ibarat perjalanan 500 tahun. Setelah itu baginda melewati (**Rafraf**) yang lebih bercahaya dari matahari, baginda lalu melewati Kursi dan tiba di Arasy. Tiada masa, tempat, dan suatu apa pun makhluk yang berada di Arasy. Baginda tiba pada suatu tempat untuk mendengarkan kalam Allah.

Baginda melihat Allah yang tidak berzaman dan tidak bertempat seperti yang akan dilihat di akhirat kelas namun tidak dapat diterangkan dan tidak tercapai akal manusia bagaimana ia berlaku. Baginda berbicara dengan Allah tanpa suara dan huruf. Baginda bertasbih, bertahmid dan memuji-muji Allah taala. Baginda dimuliakan dengan pelbagai penghormatan yang tidak terhitung. Kefarduan 50 waktu solat yang diberikan kepada baginda dan ummat Islam sedikit demi sedikit dikurangkan menjadi 5 waktu dengan nasihat daripada nabi Musa alaihissalam. Sebelum itu hanya subuh, asar dan isyak yang dikerjakan. Sesudah perjalanan yang sangat panjang, dengan nikmat yang tidak terhitung banyaknya, dan pelbagai perkara yang mengagumkan dilihat dan didengar, akhirnya baginda pulang ke kamar tidurnya. Masih belum hilang hangat perbaringan baginda. Segala perincian ini disampaikan kepada kita melalui al-Quran dan sebahagiannya melalui hadith. Meskipun tidak wajib mempercayai semua khabar ini, namun mengingkarinya membuatkan seseorang terkeluar dari golongan ahli sunnah. Adapun mengingkari ayat al-Quran atau hadith baginda menjadikan seseorang itu kafir.

Nabi Muhammad alaihissalam merupakan (**Sayyidul Anbiya**) iaitu

yang paling mulia dan paling agung antara sekalian nabi dan rasul. Ada banyak perkara yang membuktikan hal ini, antaranya:

Pada hari qiyamat semua para nabi dan rasul akan berteduh di bawah panji naungan baginda sallallahu alaihi wa sallam. Allah memerintahkan para nabi dan rasul sekiranya diberikan waktu untuk hidup sehingga zaman Muhammad sallallahu alaihi wa sallam maka wajib beriman kepadanya dan menjadi pendokong ajarannya. Maka semua nabi dan rasul jugak menyeru ummat mereka kepada perkara tersebut.

Nabi Muhammad alaihissalam merupakan (**Khatimul Anbiya**). Iaitu baginda merupakan utusan Allah yang terakhir. Ruhnya yang diberkati diciptakan sebelum semua para nabi dan rasul. Kenabian diberikan terlebih dahulu kepada baginda. Kenabian disempurnakan dengan kebangkitan baginda ke dunia. Nabi Isa alaihissalam meskipun akan turun semula ke dunia pada zaman Imam Mahdi sebelum berlakunya Qiyamat, akan turun untuk menyeru ke arah agama Islam agama nabi Muhammad dan akan menjadi sebahagian dari ummat Muhammad sallallahu alaihi wa sallam.

(Pada tahun 1296H/1880M di India terdapat satu golongan yang dicipta oleh Inggeris bernama (**Qadhiyani**) yang mendakwa perkara dusta ke atas nabi Isa alaihissalam. Meskipun mereka mengaku diri sebagai muslim namun hakikatnya mereka meruntuhkan Islam dari dalam. Telah difatwakan bahawa mereka bukanlah sebahagian dari Islam. Mereka juga dikenali sebagai (**Ahmadiyyah**).

Antara ahli bidah dan zindiq yang muncul di India adalah (**Jamaah Tabligh**). Ia diasaskan pada tahun 1345H/1926M oleh seorang jahil bernama Ismail. Dia berkata bahawa (orang Islam telah tersesat dan untuk menyelamatkan ummat Islam dari kesesatan aku telah mendapat wahyu dari mimpi). Dia mengatakan bahawa telah mempelajari dari kitab para gurunya seperti Nazir Husain, Rashid Ahmad Kankuhi dan Khalil Ahmad Saharanpuri. Untuk menipu daya orang Islam dia sering menceritakan tentang nilai sembahyang dan sembahyang berjemaah. Adapun sebarang sembahyang dan ibadat yang bukan dari ajaran (**Ahli Sunnah**) tidak diterima. Wajib keatas mereka untuk pertamanya mempelajari kitab ahli sunnah dan menyelamatkan diri dari bidaah dan menjadi seorang muslim yang sejati. Orang-orang yang memberikan pendapat sendiri dengan tidak tepat terhadap ayat-ayat al-Quran yang tidak jelas adalah (**Ahli Bidaah**) atau (**Sesat**). Manakala musuh-musuh Islam yang memberikan makna sesuai dengan pemikiran mereka yang sesat adalah (**Zindiq**). Orang-orang

zindiq berusaha untuk mengubah ayat-ayat al-Quran dan juga agama Islam. Orang-orang Inggeris adalah antara musuh terbesar yang membelanjakan jutaan duit untuk mendokong kesesatan ini dan menyebarkannya ke seluruh dunia. (**Jemaah Tabligh**) adalah contoh mereka yang terjerumus ke dalam perangkap Inggeris, mengaku diri mereka (**Ahli Sunnah**), mendirikan sembahyang dan menyebarkan tipu muslihat untuk mengelirukan orang-orang Islam. Abdullah bin Masud berkata (Akan datang wujud satu golongan yang mendirikan sembahyang namun tiada padanya agama). Mereka ini akan diazab dalam api neraka yang paling bawah selama-lamanya. Mereka ini sebahagiannya berimej dengan jubah, berserban, mempunyai janggut yang lebat dan berdiri di atas mimbar membacakan ayat-ayat al-Quran dan memberikan tafsiran yang salah serta memperdaya umat Islam. Adapun baginda bersabda dalam sebuah hadith (Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan pakaian kamu, tetapi Allah melihat kepada hati dan niat kamu).

Golongan yang sesat dan jahil ini mendakwa buku-buku yang diterbitkan oleh (**Hakikat Kitabevi**) adalah salah kerana mereka tidak berjaya menjawab segala keberanan dan penjelasan yang mengatakan mereka adalah pendusta. (Jangan membaca buku-buku ini) kata mereka. Antara tanda paling jelas bagi seorang zindiq adalah apabila mereka menghalang usaha penulisan buku para ulama ahli sunnah dan melarang penyebarannya serta menyeru manusia supaya tidak membacanya. Dalam buku kami (**Faideli Biligiler**) (Info-info berguna) yang diterbitkan dalam bahasa Turki ada menjelaskan kebobrokan mereka dan jawapan-jawapan ulama ahli sunnah terhadap mereka.

Muhammad alaihissalam adalah nabi yang paling mulia dan merupakan rahmat bagi seluruh alam. 18 ribu alam mendapat faedah daripada baginda. Baginda adalah nabi untuk sekalian manusia dan jin. Ada juga yang mengatakan bahawa baginda juga adalah nabi bagi sekalian malaikat, tumbuhan, haiwan dan setiap objek di alam ini. Adapun nabi dan rasul yang lain diutuskan pada kawasan tertentu dan untuk ummat tertentu. Manakala baginda Muhammad sallallahu alaihi wa sallam diutuskan untuk sekalian alam. Allah taala menyebut nabi dan rasul lain dengan nama mereka manakala baginda Muhammad sallallahu alaihi wasallam disebut dengan (Wahai NabiKu) dan (Wahai Utusanku) dengan penuh kelembutan. Setiap nabi dan rasul dikurniakan Allah dengan mukjizat, namun baginda dikurniakan dengan pelbagai mukjizat dan kelebihan yang tidak

dikurniakan Allah kepada para nabi dan rasul yang lain. Bulan terbelah dua dengan isyarat jari baginda; batu yang berada dalam telapak tangan baginda bertasbih; pepohon memberi salam kepada baginda seraya memanggil baginda (Ya Rasulallah); sebatang pohon kering bernama (**Hannanah**) menangis apabila ditinggalkan baginda; air mengalir dari celah-celah jari baginda yang mulia; di akhirat kelak baginda akan dikurniakan dengan (**Maqam Mahmud**), (**Syafaat Kubra**), (**Telaga al-Kauthar**), (**Wasilah**), dan (**Fadhilah**); baginda dikurniakan kemuliaan melihat Allah taala sebelum masuk ke syurga; di dunia baginda dikurniakan dengan segala sifat kesempurnaan dan kemuliaan seperti alim, hikmah, sabar, syukur, zuhud, iffah, adil, bermaruah, pemalu, berani, tawadhuk, beradab, bertolak ansur, penyayang dan pengasih serta pelbagai sifat-sifat dan kelebihan yang tidak terhitung banyaknya. Hanya Allah taala yang mengetahui keseluruhan mukjizat yang dikurniakan kepada baginda. Agama Islam datang dan menasakh segala agama dan ajaran terdahulu. Agama Islam adalah agama yang terbaik. Ummat Islam adalah ummat yang terbaik dari kalangan ummat manusia. Para wali dalam ummat ini adalah lebih tinggi dari para wali dalam ummat yang lain.

Dalam ummat baginda sallallahu alaihi wa sallam, insan yang termulia selepas baginda, yang menjadi pengganti sesudah baginda tiada, yang lebih baik dan lebih mulia dari sekalian manusia adalah (**Abu Bakar as-Siddiq**) radhiyallahu anhu. Beliau adalah orang pertama yang layak menjadi khalifah. Meskipun sebelum menganut Islam, beliau telah dimuliakan oleh Allah dengan tidak pernah menyembah berhala. Beliau terpelihara dari sebarang kelakuan keji orang-orang kafir dan sesat. (Ketahuilah betapa jahil dan sesatnya orang-orang yang menyangka rasulullah menyembah berhala sebelum kebangkitan baginda menjadi nabi).

Yang kedua paling mulia dalam kalangan ummat baginda adalah al-Faruq (**Umar bin Alkhattab**) radhiyallahu anhu iaitu sahabat nabi dan juga khalifah kedua.

Yang seterusnya adalah khalifah yang ketiga iaitu Zunnurain (**Uthman bin Affan**) radhiyallahu anhu; seorang yang pemalu, penuh dengan sifat belas kasihan, lubuk pengetahuan dan ilmu.

Yang seterusnya adalah khalifah yang keempat iaitu (**Ali bin Abi Talib**) radhiyallahu anhu. pahlawan Allah yang memiliki kebaikan-kebaikan tidak terhitung.

Yang seterusnya menjadi khalifah adalah **(Saidina Hasan)**⁸. Beliau menyempurnakan 30 tahun pemerintahan khalifah seperti yang tersebut dalam sabda baginda. Yang seterusnya yang termulia dalam kalangan manusia adalah **(Husain bin Ali)** radhiyallahu anhu permata hati baginda Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam.

Kemuliaan ini bererti mereka adalah orang yang paling awal memeluk Islam, yang meninggalkan tanah air dan orang tercinta demi agama, yang sangat menyokong dan membenarkan segala apa yang disampaikan oleh rasulullah sallallahu alaihi wa sallam, yang berpegang teguh dengan sunnah baginda dan berusaha keras menyebarkan agama Islam dan melawan fitnah, kekufuran dan kefasadan.

Saidina Ali radhiyallahu anhu adalah yang terawal memeluk Islam selepas Abu Bakar as-Siddiq. Namun ketika itu beliau adalah seorang kanak-kanak dan tidak mempunyai harta, tinggal bersama rasulullah dan berkhidmat kepadanya maka tidak dapat dikatakan bahawa beliau lebih mulia dari sahabat yang lain. Adapun keIslaman tiga khalifah yang lain telah menjadi kekuatan kepada Islam. Imam Ali dimuliakan dengan menjadi ahli keluarga nabi, saudara terdekat nabi dan sebahagian daripada darah daging baginda namun kemuliaan ini tidak dapat diertikan dalam segenap aspek kemuliaan berbanding sahabat yang lain seperti Abu Bakar dan Umar. Hal ini seperti Nabi Khidir alaihissalam mengajarkan beberapa perkara kepada Musa alaihissalam. (Sekiranya hubungan darah menjadikan seseorang lebih mulia, Abbas adalah lebih mulia berbanding Ali. Manakala yang dekat dengan Nabi seperti Abu Talib dan Abu Lahab tidak sedikit pun sama dengan kemuliaan seorang muslim yang paling rendah darjatnya.) **Fatimah** adalah lebih mulia dari **Khadijah** dan **Aisyah** radhiyallahu anhunna melihatkan kepada hubungan darah. Namun, kemuliaan ini tidaklah bererti mulia dari segenap aspek. Para ulama berselisih dalam menentukan siapa yang paling mulia antara tiga wanita ini. Seperti yang difahami daripada sabda nabi, ketiga-tiga mereka serta **Maryam** dan **Asiyah** radhiyallahu anhunna adalah lebih mulia dan lebih tinggi darjat dari sekalian perempuan di dunia. Dalam sepotong hadith baginda bersabda **(Fatimah adalah yang paling tinggi darjatnya dari semua perempuan di syurga. Hasan dan Husain adalah lebih mulia dari semua pemuda di syurga.)**

Selepas mereka ini, sahabat yang paling mulia adalah 10 orang yang dijanjikan syurga. Seterusnya adalah 313 para syuhada di medan perang

8 Hasan bin Ali wafat pada tahun 49H/669M di Madinah Munawwarah akibat diracun.

Badar. Seterusnya adalah syuhada di medan Uhud seramai 700 orang dan mereka yang menyertai **(Baiah Ridhwan)** seramai 1400 orang.

Wajib keatas kita untuk menyebutkan semua nama sahabat radhiyallahu anhum yang membantu baginda dan agama Islam dengans seluruh harta dan nyawa dengan penuh kasih sayang dan penghormatan. Kata-kata yang tidak layak bagi kemuliaan dan pengorbanan mereka adalah haram. Tidak menghormati para sahabat ini adalah satu tanda kesesatan.

Mencintai semua yang dicintai oleh rasulullah sallallahu alaihi wa sallam adalah wajib. Baginda bersabda **(Orang yang mencintai sahabatku adalah seperti mencintaiku. Orang yang tidak mencintai mereka seperti tidak mencintaiku. Orang yang menyakiti mereka adalah seperti menyakitiku. Orang yang menyakiti Allah taala pasti akan diazab)**. Baginda juga bersabda **(Sekiranya Allah ingin menggerakkan hati hambanya daripada ummatku untuk melakukan satu kebaikan, Dia akan memasukkan rasa cinta kepada sahabatku dalam hati lalu mencintai mereka.)**

Oleh itu tidak wajar kita berfikir bahawa para sahabat ini saling bergaduh untuk mendapatkan khilfah kerana nafsu dan kepuasan diri. Menyangka hal ini dan menuduh para sahabat berkelakuan begini adalah satu tanda munafik. Kerana sifat taassub, cintakan pangkat dan cintakan dunia ini semuanya telah dihapuskan dari hati mereka lantaran duduk bersama rasulullah dan mendengarkan hadith baginda yang penuh keberkatan. Mereka juga bersih dari sifat tamak haloba, perangai buruk dan keji. Seseorang dari ummat baginda yang duduk bersama seorang wali dalam masa beberapa hari akan terikut dan terkesan dengan sifat mulia dan kebaikan wali tersebut lalu menjadi bersih hatinya dan terselamat dari memikirkan tentang dunia. Lebih-lebih lagi para sahabat yang sering berdampingan dengan rasulullah sallallahu alaihi wa sallam, mencintai baginda sepenuh jiwa raga dan berserah segalanya kepada baginda, meninggalkan harta dan orang yang dicintai, berhijrah dari negeri sendiri demi baginda. Bagaimana dapat difikirkan bahawa mereka ini tidak terlepas dari perangai yang keji dan nafsu mereka tidak suci serta mereka berjuang untuk dunia sementara yang seperti bangkai ini?. Tidak dapat dinafikan para sahabat ini lebih suci dari seluruh ummat manusia. Adakah layak bagi mereka disamakan dengan perselisihan yang berlaku antara kita dan mengatakan mereka berjuang demi memuaskan nafsu jahat dan keinginan dunia mereka. Berfikiran

negatif begini terhadap para sahabat adalah tidak harus. Harus difahami dengan berkata buruk terhadap para sahabat bererti memusuhi mereka dan dalam masa yang sama memusuhi baginda sallallahu alaihi wa sallam yang mendidik mereka. Berbuat buruk terhadap mereka bererti berbuat buruk terhadap rasulullah. Oleh itu para ulama ada menyebut (Orang yang tidak mengetahui kebesaran dan kemuliaan para sahabat serta tidak menghormati mereka, seperti tidak beriman dengan rasulullah). Peperangan Jamal (unta) dan Siffin tidak harus dijadikan sebab untuk memburukkan mereka. Pihak yang berlawanan dengan Ali dalam peperangan ini semuanya mempunyai sebab tersendiri dan mereka ada kebaikan yang akan diganjar di akhirat kelak. Baginda bersabda (**Ijtihad yang salah akan mendapat satu pahala, yang benar akan mendapat dua atau sepuluh pahala. Pahala pertama adalah kerana berijtihad, yang kedua adalah kerana ijtihadnya benar.**) Perselisihan yang berlaku dalam kalangan para ulama adalah kerana ijtihad untuk melaksanakan perintah Allah, bukan disebabkan oleh permusuhan dan kebencian. Para sahabat adalah mujtahid. (Dalam kitab (**Hadika**) risalah ke-298 ada menjelaskan sebuah hadith yang menyatakan Amru al-As adalah seorang mujtahid).

Setiap mujtahid wajib beramal sesuai dengan ijtihad yang dilakukannya. Meskipun ada mujtahid yang lebih besar daripadanya berijtihad tetap sahaja dia perlu mematuhi ijtihad sendiri. Seorang mujtahid tidak boleh menurut ijtihad mujtahid yang lain. Anak murid Imam Abu Hanifah⁹ seperti Abu Yusuf dan Syaibani dan anak murid Imam Asy-Syafii¹⁰ seperti Abu Thaur dan Ismail Muzani ada berselisihan dalam beberapa perkara. Perkara haram yang dikatakan oleh guru mereka diharamkan oleh mereka dan perkara halal yang dikatakan oleh guru mereka ada yang diharamkan oleh mereka. Perkara ini tidak boleh menjadi sebab untuk memburukkan mereka dan mengatakan mereka melakukan dosa. Tiada yang mengatakan mereka berbuat dosa kerana mereka juga adalah mujtahid seperti guru mereka.

Benar bahawa Imam Ali adalah lebih mulia dan lebih alim daripada Muawiyah dan Amru al-As radhiyallahu anhum. Beliau mempunyai pelbagai kemuliaan berbanding yang lain. Ijtihad beliau juga seringkali lebih benar dari ijtihad dua orang sahabat tersebut. Namun para sahabat ini masing-masing adalah mujtahid maka mereka wajib beramal sesuai ijtihad

9 Abu Hanifah Nukman bin Thabit wafat pada tahun 150H/767M di Baghdad.

10 Muhammad bin Idris Asy-Syafii wafat pada tahun 204H/820M di Mesir.

mereka sendiri tanpa menurut ijhtihad orang lain.

Soalan: Dalam peperangan Jamal dan Siffin, kebanyakan para sahabat yang terdiri dari kalangan muhajir dan ansar bersama-sama dengan Ali. Mereka mentaatinya dan menurut perintah Ali. Meskipun mereka ini mujtahid namun mereka menyatakan kewajipan mentaati Ali. Dapat difahami di sini bahawa ada kewajipan mentaati Ali ke atas mujtahid. Mereka wajib mentaatinya walaupun ijhtihad mereka bersalahan?

Jawapan: Para sahabat yang bersama dengan Ali radhiyallahu anhu tidak bersama-sama dengannya kerana menurut ijhtihad beliau. Adapun menurut ijhtihad mereka yang bersesuaian dengan ijhtihad Ali maka mereka mengatakan wajib mentaati Ali. Seperti itu juga terdapat para sahabat yang ijhtihadnya tidak bersesuaian dengan Ali maka wajib bagi mereka memerangi Ali. Pada zaman tersebut terdapat tiga ijhtihad bagi perkara ini. Yang pertama adalah Imam Ali berada di jalan yang benar maka wajib mentaatinya. Yang kedua adalah ijhtihad bahawa Imam Ali berada di jalan yang salah maka wajib keatas mereka memeranginya. Yang ketiga mengatakan bahawa tidak boleh masuk campur dalam urusan perkelahian ini dan mewajibkan untuk menjauhi peperangan ini. Kesemua tiga ijhtihad ini pastilah benar dan semuanya mendapat pahala.

Soalan: Jawapan di atas menunjukkan bahawa yang memerangi Imam Ali juga adalah benar. Namun para ulama ahli sunnah mengatakan bahawa Ali adalah golongan yang benar dan yang memeranginya itu salah namun dimaafkan kerana memiliki uzur dan akan memperoleh pahala. Apa yang dapat kita katakan tentang hal ini?

Jawapan: Imam Syafi dan Umar bin Abdul Aziz menyebut bahawa tidak boleh menyalahkan para sahabat dan mengatakan mereka salah keatas perbuatan mereka yang tidak tepat. Oleh itu salah bagi kita mengatakan (para sahabat telah tersalah). Tidak boleh bagi kita mengatakan terhadap para sahabat (Mereka salah, mereka benar, kami bersetuju dan kami tidak bersetuju). Kerana tangan-tangan kita tidak terpalit darah mereka maka perlulah kita memelihara lidah kita dari mengatakan bahawa mereka ini benar atau salah. Para ulama yang mengkaji dalil dan mengatakan Imam Ali adalah benar dan lawannya adalah salah bermaksud (Sekiranya Imam Ali berpeluang untuk berbicara dengan lawannya maka mereka juga akan memahami ijhtihad Imam Ali dan bersama-sama dengannya). Sebagai contoh Zubair al-Awwam dalam peperangan Jamal adalah dari pihak yang melawan Imam Ali, namun pada ketika itu beliau mengkaji peristiwa itu

dengan lebih mendalam lalu mengubah ijtihadnya dan membatalkan hasrat untuk memerangi. Oleh itu kata-kata ulama ahli sunnah harus difahami begitu. Maka haram bagi kita mengatakan bahawa Imam Ali dan para sahabat yang bersamanya adalah benar manakala yang memeranginya termasuk Aisyah Siddiqah di jalan yang salah.

Pertempuran yang berlaku antara para Sahabat al-Kiram adalah disebabkan oleh perbezaan ijtihad dari cabang **Ahkam al-Syar'iyah** (hukum syariat Islam). Mereka mempunyai perselisihan terhadap perkara-perkara usul (asas) Islam. Namun, hari ini terdapat segelintir yang menunjukkan perlakuan tidak sopan dengan memperkatakan buruk terhadap tokoh-tokoh besar Islam seperti Muawiyah dan 'Amr ibn al-'As 'radhiallahuanhu'. Mereka tidak menyedari bahawa dengan menyakiti para sahabat bererti mereka sedang menyakiti dan merendahkan Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam. Ia juga disebut di dalam kitab **Syifa al-Syarif** bahawa imam Malik ibn Anas berkata: "seseorang yang menghina, meremehkan Muawiyah atau 'Amr ibn al-'As layak mendapatkan kata-kata yang diucapkan itu kepada diri mereka sendiri. Orang yang berkelakuan kasar, berkata dan menulis tentang mereka, dan tidak menunjukkan rasa hormat selayaknya dihukum dengan hukuman berat". Semoga Allah ta'ala mengurniakan hati kita dengan rasa cinta kepada para sahabat yang dicintainya. Dia mencintai para ulama, orang soleh dan mereka yang bertakwa dan bukan kepada orang munafik atau mereka yang berbuat dosa.

[Mereka yang memahami nilai dan keunggulan para sahabat Rasulullah s.a.w., mencintai, menghormati serta mengikuti jalan mereka disebut sebagai **Ahli Sunnah**. Adapun mereka yang mencintai sebahagian daripada para sahabat dan tidak menyukai sebahagian yang lain, memfitnah sebahagiannya dan tidak mengikut salah satu daripada jalan para sahabat, disebut sebagai **Syiah**. Terdapat ramai dalam kalangan mereka di negara Iran, India dan Irak, namun tidak ada satu pun seperti kalangan ini di Turki. Sebilangan daripada mereka, untuk menipu Alawi tulen di Turki, mereka juga menggelarkan diri mereka sebagai **Alawi** sedangkan yang dimaksudkan dengan **Alawi** ialah para Muslim yang mencintai Saidina Ali Radiyallahu anh. Sekiranya mereka mengasihi Saidina Ali radiyallahu anh, mereka pasti mengikut jejak langkahnya yang mana Saidina Ali radiyallahu anh mencintai seluruh para sahabat. Beliau merupakan penasihat kepada Khalifah kedua iaitu Saidina Umar ibn al-Khattab yang telah menceritakan kesengsarannya. Beliau juga telah menikahkan puterinya Ummu Ghulsum

dengan Saidina Umar radhiyallahu anh. Di dalam sebuah khutbah, beliau mengatakan tentang Saidina Muawiyah: “Saudara-saudara kita tidak sependapat dengan kita. Namun mereka bukanlah orang kafir atau pendosa. Ijtihad mereka menunjukkan mereka berperilaku sedemikian”. Ketika Saidina Talha radiyallahu anh yang berperang melawanya dan mencapai syahid, beliau telah membersihkan debu dari wajahnya dan menjadi imam solat terhadap jenazahnya. Allah ta’ala berfirman: **“Mereka yang beriman ialah bersaudara”**. Ayat terakhir daripada surah al-Fath mengkhabarkan bahawa para sahabat telah mengasihi sesama mereka. Ini bererti bahawa, tidak menyukai bahkan salah seorang daripada para sahabat dan terutama untuk memusuhi mereka ialah mereka yang tidak mahu mempercayai al-Quran. Para ulama Ahli Sunnah telah memahami dengan baik tentang kelebihan para sahabat Radiyallahu ajma’in. Mereka memerintahkan kepada kita semua untuk mengasihi mereka. Hakikatnya mereka menyelamatkan umat Islam daripada bencana.

Orang-orang yang membenci dan melahirkan permusuhan terhadap Saidina Ali ‘radiyallahu ‘anhu’ dan putera-puteranya serta keturunannya yang merupakan keturunan ahli sunnah wal jama’ah, dikenali sebagai **khariji** (khawarij). Dan hari ini para khawarij juga dikenali sebagai **Yazidi** yang mana iman dan agama mereka sangat bertentangan dengan ahli sunnah wal jama’ah.

Mereka yang mengatakan bahawa mereka mencintai para sahabat, namun mereka tidak mengikuti orang-orang yang diberkati dengan cara sesat mereka menganggap sebagai sahabat. Mereka tidak menyukai ulama Ahli Sunnah, para Sufi dan para Alawi serta memfitnah mereka. Mereka menganggap orang yang tidak menyukai mereka sebagai ‘politeisme’ dan mengatakan bahawa halal bagi mereka untuk mengambil nyawa dan harta milik orang-orang tertentu. Oleh kerana itu, mereka menjadi Ibahe. Mereka mentafsirkan secara salah dan sesat, makna-makna daripada al-Quran dan hadis dan berfikir bahawa Islam hanya terdiri daripada makna-makna tersebut. Mereka menyangkal adilah as-Syar’yyah dan kebanyakan Hadis asy-Syarif. Ulama besar daripada empat mazhab menulis banyak buku yang membuktikan dengan pernyataan bahawa orang-orang yang tidak setuju dengan Ali Sunnah adalah bid’ah dan menyebabkan kerosakan serius terhadap Islam¹¹.

11 Untuk maklumat yang lebih terperinci, boleh merujuk buku-buku kami di dalam Bahasa Inggeris, seperti **Advice For the Muslim (Nasihat untuk para Muslim)** dan enam

Panglima Ayyub Sabri ‘rahimah-Allahu ta’ala’ berkata: “Wahhabisme muncul dengan revolusi berdarah yang menyiksakan di Semenanjung Arab pada Tahun 1205 [1791 M].” Muhammad ‘Abduh dari Mesir merupakan salah seorang yang cuba menyebarkan fahaman Wahabisme dan non-mazhab melalui buku-bukunya di seluruh dunia. Pada masa kesatuan dan kemajuan Parti, buku-buku ‘Abduh diterjemahkan ke dalam Bahasa Turki dan diperkenalkan kepada kaum muda sebagai “karya-karya ilmuan besar Islam, orang yang tercerahkan daripada idea-idea reformator terkemuka ‘Abduh”. ‘Abduh secara terbuka menulis bahawa dia mengagumi Jamaluddin al-Afghani (w. 1314 AH [1897 M]), yang merupakan seorang Freemason dan ketua di Cairo Masonic Lodge. Musuh-musuh Islam, yang dalam serangan untuk menghancurkan Ahli Sunnah dan mengalahkan Islam, secara tidak langsung memicu perselisihan ini dengan menyamar sebagai ulama dan memuji Islam dengan kata-kata mempunyai makna tersirat. Abduh dipuji setinggi langit. Ulama besar Ahli Sunnah, a’immat al-mazahib, diumumkan sebagai orang-orang yang tidak tahu apa-apa. Sehingga nama-nama mereka tidak lagi dikenal. Tetapi keturunan mulia nenek moyang kita, yang telah mengorbankan hidup mereka demi Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam dan Islam, putera-putera syuhada yang terhormat, tidak akan menyerah kepada propaganda dan kempen-kempen yang mana jutaan pound telah dihabiskan. Mereka bahkan tidak akan mendengarkan atau mengakui ‘pejuang Islam’ palsu ini. Allah ta’ala melindungi putera-puteri syuhada daripada serangan keji ini. Hari ini, buku-

jilid **Endless Bliss (kebahagiaan Tanpa Akhir)**, dan dalam Bahasa Arab **al-Minhal al-Wahabiyyah fi Raddil Wahabiyyah, al-Tawassuli bin Nabi wa Jahalah al-Wahabiyyah** dan **Sabil an-Najat** dan dalam Bahasa Persian **Seyf al-Abrar**. Karya-karya dan buku-buku berharga yang ditulis dengan sanggahan kepada ahli al-Bid’ah diterbitkan oleh Hakikat Kitabevi di Istanbul. Baik dalam **Radd al-Mukhtar**, yang ditulis oleh Muhammad Emin Ibnu Abidin yang meninggal di Damsyik pada tahun 1252 [1836 M] (volume III, bab tentang “Baghi”) dan dalam Bahasa Turki **Ni’met-i Islam** (bab tentang “nikah”), jelas tertulis bahawa Wahabi adalah Ibaahi. Eyyub Sabri Pasha [wafat 1308 AH (1890 M)], Laksamana Muda pada masa Sultan Abdul Hamid Khan II, dalam karya-karya Turkiyanya **Mir’at al-Haramain** dan **Tarikh-i Wahabiyyun**, dan Ahmed Cevdet Pasha dalam volume ketujuh Sejarah Ottoman Turkiyanya, memberikan informasi terperinci berkenaan wahabi. Juga Yusuf an-Nebhani, dalam karya Arabnya **Shawahid al-Haqq** (edisi ke-3, Kairo, 1385/1965), menyanggah Wahabi dan Ibn Taimiyyah dengan panjang lebar. Lima puluh halaman karyanya telah direproduksi dalam buku Bahasa Arab ‘Ulama al-Muslimin wa Wahabiyyun (Istanbul, 1972).

buku dari bukan mazhab seperti Maududi¹², Sayyid Qutb¹³, (kelompok yang disebut ‘Tabligh al-jama’at’ dan Hamidullah) diterjemahkan dan dihidangkan kepada para pemuda. Buku-buku ini mengandungi idea-idea sesat yang tidak sependapat dengan pernyataan para ulama Ahli Sunnah dan ini dipuji dengan slogan-slogan yang besar. Kita harus selalu berwaspada dan berhati-hati. Semoga Allah ta’ala membangunkan umat Islam dari ketidaksedaran atas kurniaan NabiNya tercinta, Muhammad sallallahu alaihi wa sallam. Semoga Allah ta’ala melindungi kita daripada tertipu oleh kebohongan dan fitnah musuh! Amin. Janganlah kita menipu diri sendiri hanya dengan berdoa! Berdoa tanpa berpegang kepada ‘Adat al-Ilahiyyah (Hukum Ilahi) daripada Allah ta’ala, tanpa bekerja atau berusaha mencapainya, adakah ia bermaksud meminta mukjizat Allah ta’ala. Seorang Muslim harus berusaha dan berdoa. Pertama sekali, kita harus berpegang kepada tujuan terlebih dahulu dan kemudian berdoa. Cara pertama untuk melarikan diri dan ketidakpercayaan adalah belajar dan mengajarkan Islam. Hakikatnya, adalah menjadi kewajipan bagi setiap insan, baik lelaki mahupun perempuan untuk mempelajari akidah Ahli Sunnah serta segala perintah dan larangan Islam. Hari ini ia sangat mudah dipelajari kerana terdapat kebebasan untuk menulis buku agama yang benar serta menerbitkannya. Setiap orang Islam harus menyokong negara yang memberikan kebebasan ini kepada umat Islam.

Orang-orang yang tidak mempelajari Risalah Ilmu al-Hal dan i’tikad Ahli Sunnah serta tidak mengajarkannya kepada anak-anak mereka tentang bahaya meninggalkan Islam dan jatuh ke dalam bencana kekafiran. Doa orang-orang seperti ini tidak dapat diterima. Lalu, bagaimana mereka dapat dilindungi daripada penistaan? Rasulullah bersabda: **“Dimana ada Islam di situ ada pengetahuan. Tidak ada Islam maka tidak ada pengetahuan.”** Sebagaimana kita memerlukan makan dan minum agar tidak mati kelaparan, maka kita perlu mempelajari agama agar tidak tertipu oleh orang-orang kafir dan tidak meninggalkan agama. Nenek moyang kita sering berkumpul dan membaca kitab ilmu hal dan pegangan-pegangan mereka, namun mereka tetap berpegang dengan Islam dan menikmati kesenangan di dalam Islam. Mereka dapat menyampaikan cahaya kebahagiaan ini dengan benar kepada kita. Ubat pertama dan yang

12 Maududi ialah pengasas sebuah Jema’ah Islam di India yang diberi nama Jamaatul Islamiyah. Beliau meninggal dunia pada tahun 1399 H.

13 Sayyid Qutb dihukum mati di Mesir pada tahun 1386 H [1966 M].

paling perlu bagi kita untuk tetap berpegang dengan agama Islam dan tidak membiarkan keturunan kita dipengaruhi oleh orang kafir di dalam atau dari luar, adalah membaca dan mempelajari kitab-kitab ilmu hal yang telah disediakan oleh para ilmuwan Ahli Sunnah. Ibu bapa yang ingin anak mereka menjadi seorang Muslim harus mengajarkan anaknya al-Quran. Sekiranya terdapat peluang, mari kita membaca, belajar dan mengajarkan anak-anak kita dan mereka yang berada dalam tanggungan kita. Hal ini akan sulit dan bahkan tidak mungkin bagi mereka ketika mereka sudah bersekolah dan ketika itu tidak akan berguna meratap setelah berlakunya bencana. Kita juga tidak boleh tertipu dengan buku-buku, surat khabar, majalah, televisyen, radia dan filem-filem musuh dan ajaran sesat yang mengaburi mata kita. Ibn ‘Abidin menyatakan dalam jilid ketiga [**Radd al-Mukhtar**] bahawa orang-orang yang kafir, walaupun mereka tidak percaya pada agama apapun, tetapi mereka berpura-pura menjadi Muslim dan berusaha memurtadkan umat Islam daripada agama mereka dengan menerangkan perkara-perkara yang menyebabkan kekafiran dan keluar daripada Islam yang disebut, Zindik.

Persoalan: Seseorang yang telah membaca buku-buku terjemahan oleh non-mazhab menyatakan: ‘Kita mesti membaca tafsiran al-Quran al-Karim. adalah membahayakan sekiranya mempelajari agama dan al-Quran melalui para Ulama. Al-Quran tidak mengatakan, “Wahai ahli agama.” Tetapi dinyatakan, “Wahai orang-orang Muslim” dan “Wahai Manusia”. Atas sebab ini, setiap orang Islam akan memahami al-Quran al-Karim sendiri dan tidak mengharapkannya (untuk memahami al-Quran) daripada orang lain’

“Orang ini ingin semua orang membaca buku tafsir dan hadis. Dia tidak menyarankan membaca buku-buku kalam, fiqh dan ilmu al-Hal yang ditulis oleh Ilmuwan Islam dan Ulama besar Ahli Sunnah. Penerbitan buku Rashid Ridha¹⁴. Buku **Islamda Birlik ve Fikh Mezhebleri** oleh Ketua Jabatan Pengurusan Agama (terbitan No. 157; 1394/1974) benar-benar mengejutkan mereka yang membacanya. Misalnya dalam ucapan keenamnya, beliau menyatakan:

‘Mereka mengangkat imam mujtahid setinggi para Nabi salawatullahi ta’ala alaihim aj’ma’in. Sebenarnya mereka lebih menyukai kata-kata mujtahid yang tidak mematuhi hadis Rasulullah sallallahu alaihi wa ta’ala

14 Rashid Ridha ialah murid Muhammad Abduh. Beliau meninggal pada tahun 1354 H [1935 M].

dan meninggalkan hadis. Mereka [muqallid, pengikut salah satu dari empat mazhab] memuji kepemimpinan mujtahidin setinggi kenabian. Mereka bahkan lebih suka perkataan seorang mujtahid yang tidak setuju dengan hadis Nabi terhadap hadis lain. Mereka mengatakan bahwa hadis itu boleh dibatalkan (**naskh**) atau mungkin ada hadis lain dalam pandangan imam mereka.

Para pentaklid ini, mereka beramal dengan kata-kata orang yang salah dalam hukum atau yang tidak mengetahui permasalahan, malah mereka menyandarkan dengan hadis Nabi, dan mereka keluar daripada bertaklid dengan para mujtahid. Bahkan mereka juga bertentangan dengan al-Quran. Mereka menyatakan bahwa tidak ada seorang pun mempunyai kemampuan memahami al-Quran melainkan imam mujtahid. Kata-kata seperti para fuqaha dan pentaklid yang lainnya menunjukkan mereka telah menaqalkan daripada orang-orang Yahudi dan Nasrani.

Dengan bertindak berdasarkan kata-kata orang-orang yang mungkin salah dalam penilaian mereka dan yang mungkin tidak mengetahui permasalahan, dengan mengesyampingkan hadis Nabi, yang terbebas dari kesalahan, muqallid ini juga bertentangan dengan mujtahid. Mereka bahkan bertentangan dengan al-Quran dalam melakukan hal itu. Mereka mengatakan bahwa tidak ada seorang pun kecuali seorang mujtahid yang dapat memahami al-Quran. Kata-kata faqih dan muqallid lainnya menunjukkan bahwa mereka telah menceduknya daripada orang Yahudi dan Nasrani.

Sedangkan, memahami al-Quran dan hadis adalah lebih mudah daripada memahami kitab-kitab penulisan para fuqaha. Mereka yang menghadam perkataan bahasa Arab dan uslub-uslubnya tidak akan melalui kesukaran untuk memahami al-Quran dan Hadis. Siapakah yang dapat menyangkal bahwa Allah ta'ala mampu menjelaskan agamaNya dengan jelas? Siapakah yang dapat menyangkal bahwa Rasulullah memahami kehendak Allah lebih baik daripada sesiapa pun dan lebih mampu menjelaskannya daripada orang lain? Untuk mengatakan bahwa penjelasan Nabi salallahu alaihi wa sallam tidak mencukupi kepada umat, bererti ia juga mengatakan bahwa Baginda tidak dapat memenuhi tugas dakwahNya dengan sepenuhnya.

Sekiranya kebanyakan insan tidak dapat memahami al-Quran dan Sunnah, Allah tidak akan memaksakan semua insan bertanggungjawab kepada hukum al-Quran dan Sunnah. Manusia harus tahu dengan bukti, apa yang mereka percaya. Allah ta'ala tidak menyetujui taklid dan mengatakan bahwa mereka (pebtaklid) tidak akan dimaafkan di atas perbuatan taklid

kepada ayah dan datuk mereka. Ayat-ayat (al-Quran) menunjukkan bahawa perbuatan taklid tidak akan diterima di sisi Allah ta'ala. Adalah lebih mudah untuk memahami bahagian furu' agama daripada memahami bahagian yang berkaitan dengan iman (usul). Ketika terdapat bahagian yang sulit, apakah tidak Dia akan perintahkannya dengan mudah?

Walaupun sukar untuk melakukan penilaian mengenai beberapa peristiwa yang jarang berlaku, tetapi ia kemudiannya akan dianggap sebagai satu alasan untuk tidak mengetahui atau mempraktikkannya. Para fuqaha mencipta beberapa masalah daripada mereka sendiri. Mereka berusaha untuk memberikan bukti untuk perkara seperti rak'y, qiyas jali dan qiyas khafi. Hal ini juga dibawa sehingga hal ibadah yang mana ia tidak mungkin memperoleh maklumat melalui akal. Oleh yang demikian, mereka telah memperluaskan agama beberapa kali. Mereka menjerumuskan umat Islam ke dalam masalah. Saya tidak menyangkal qiyas; saya mengatakan bahawa tidak ada qiyas pada bahagian ibadah. Perkara iman dan ibadah telah selesai pada zaman Nabi. Tidak ada yang boleh menambahkan sesuatu terhadapnya. Para imam mujtahid melarang orang untuk mentaklid dan mengharamkan perbuatan taklid.'

Penulisan di atas merupakan ringkasan terhadap kitab anti mazhab Rashid Ridha (Islamda birlik ve fikih Mezhebleri) dan seperti mana semua buku-buku anti mazhab, melarang umat Islam untuk mengikuti imam dari empat mazhab. Mereka memerintahkan supaya semua orang belajar tafsir dan hadis. Apakah pandangan kamu terhadap hal ini?

Jawapan: Sekiranya dibaca dengan teliti penulisan para anti mazhab, kita akan melihat bahawa mereka berusaha menipu umat Islam dengan menghiasi pemikiran bid'ah dan berpecah belah dengan rantaian logik yang salah dan kata-kata kiasan yang mengandungi makna yang tidak baik. Walaupun orang-orang yang jahil mempercayai tulisan-tulisan ini dan menganggapnya berdasarkan logik akal dan mengikutinya, mereka yang mempunyai pengetahuan dan pandangan yang tajam tidak akan pernah jatuh ke dalam perangkap mereka (para anti mazhab).

Para ilmuwan Islam rahima humullahu ta'ala telah menulis ribuan karya berharga selama empat belas abad untuk memberi peringatan kepada para pemuda terhadap bahaya tidak bermazhab yang akan mengheret umat Islam ke dalam bencana abadi. Untuk menjawab persoalan di atas, kami mengira bahawa wajar untuk diterjemahkan sedikit bermula dari halaman

tujuh ratus tujuh puluh satu kitab Yusuf Nebhan¹⁵ iaitu **Hujjat-Allahi ‘ala-I-‘alamin**:

“Tidak semua orang mampu untuk mengeluarkan hukum daripada al-Quran. Oleh kerana para imam mujtahid tidak dapat menyimpulkan hukum-hakam di dalam al-Quran, Rasulullah salallahu alaihi wa sallam telah menjelaskan kandungan al-Quran menerusi Hadis Baginda. Sama seperti Rasulullah salallahu alaihi wa sallam menjelaskan al-Quran, kerabat ashab al-Kiram dan mujtahid juga dapat memahami dan menjelaskan Hadis Syarif.

Supaya mereka dapat memahami hal ini, Allah ta’ala telah menganugerahkan ilmu pengetahuan, intelektual dan transmisi mujtahid, kekuatan pemahaman, akal yang tajam, peranan akal lebih menyerlah daripada kekuatan yang lain. Di baris hadapan kepada keunggulan ini akan munculnya nilai takwa. Selepas daripadanya, akan datangnya nur ilahi ke dalam hatinya. Dengan pertolongan yang unggul ini, para mujtahid kami memahami kehendak mereka dari panduan firman Allah ta’ala dan Rasulullah dan menyampaikan sesuatu solusi apa yang tidak mereka fahami dengan cara **qiyas** (kiasan). Masing-masing Imam dari keempat-empat mazhab menyatakan bahawa mereka tidak bercakap dengan re’i mereka sendiri dan memberitahu pelajar mereka (sekiranya anda menemukan hadis yang sahih, tinggalkan kata-kata saya dan ikutilah hadis Rasulullah!). Imam mazhab kami menyatakan hal ini kepada para ulama yang mujtahid seperti mereka. Mereka ialah para alim yang mengetahui hujah-hujah keempat-empat mazhab, yang merupakan ahli yang lebih utama. Para ulama ini (iaitu para mujtahid) memahami mana yang lebih dipilih dengan meneliti bukti-bukti ijthad imam mazhab, bukti-bukti hadis yang baru dipelajari, para perawi, yang mana yang kemudian terasing, dan penerangan terhadap syarat-syarat atau imam mujtahid membuat penilaian dengan membuat perbandingan kerana Hadis yang akan membuktikan suatu masalah tidak dapat menghampirinya. Para pelajar yang mempelajari hadis yang akan menjadi bukti kepada hal ini dan memberikan penilainya berbeza. Namun, semasa membuat ijthad seperti ini, para pelajar mazhab tidak keluar daripada peraturan mazhab. Para mufti mujtahid yang datang kemudian juga memberikan fatwa-fatwa tersebut. Dari semua tulisan ini dapat difahami bahawa umat Islam yang meniru imam mazhab dari empat mazhab dan mujtahid yang dilatih dalam mazhab mereka tunduk kepada

15 Yusuf Nabhan, wafat di Beirut pada 1350 H [1932 M] wafat di Beirut.

peraturan Allah ta'ala dan RasulNya. Para mujtahid ini memahami dari al-Quran dan Hadis ketentuan-ketentuan yang tidak dapat difahami oleh orang lain, dan mereka menyatakan bahawa mereka memahaminya. Akhirnya, Umat Islam juga meniru apa yang mereka fahami dan sampaikan dari kitab dan sunnah. Sebab itu dinyatakan dalam ayat empat puluh tiga dari Surah al-Nahl; **'Jika anda tidak tahu, tanyakan kepada mereka yang tahu!'**.

Ayat karim ini menunjukkan bahawa tidak semua orang dapat memahami al-Quran dan Sunnah dengan betul, dan akan ada yang tidak dapat memahaminya. Dia memerintahkan kepada mereka yang tidak dapat memahami supaya tidak mencuba memahami al-Quran dan Hadis sebaliknya meminta dan belajar daripada mereka yang arif. Sekiranya semua orang dapat memahami makna al-Quran dan Hadis dengan betul, tidak akan wujud tujuh puluh dua mazhab yang sesat. Semua yang mendirikan mazhab-mazhab ini merupakan ulama yang sangat mendalami ilmu. Akan tetapi, tidak ada seorang pun daripada mereka dapat memahami makna nas iaitu al-Quran dan Hadis dengan betul. Dengan pemahaman yang salah, mereka juga tersasar daripada jalan yang benar dan menyebabkan berjuta umat islam diseret ke dalam bencana. Ketika menyimpulkan makna yang salah daripada nas, sebilangan daripada mereka begitu obsesi sehingga mengasabitkan mereka yang berada pada jalan yang benar sebagai kafir dan musyrik. Dalam kitab Wahhabi yang disebut **Kasyfu as-Subuhat**, yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Turki dan diseludup ke negara Turki, dinyatakan adalah boleh membunuh orang Islam yang mengikut ahli Sunnah dan merampas harta mereka.

Allâhu ta'ala hanya menganugerahkan kepada umat NabiNya yang tercinta sallallâhu ta'ala alaihi wa sallam yang mana para imam mazhab membuat ijtihâd dan mendirikan mazhab mereka, dan bahawa semua umat Islam berkumpul di antara mazhab-mazhab ini. Allah ta'ala pada satu sisi, menciptakan imam iktikad bagi mencegah golongan sesat, bid'ah, ateisme dan orang-orang yang menyembah syaitan (satanic people) daripada mencemari pengetahuan tentang iktikad, dan juga pada sisi yang lain, melindungi agamaNya daripada pencemaran dengan menciptakan para imam mazhab. Keberkatan ini tidak ada di dalam agama Kristian dan Yahudi, dan agama mereka telah tercemar dan berubah menjadi seperti mainan.

Empat ratus tahun selepas kewafatan Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam, para sarjana Islam sebulat suara menyatakan bahawa tiada seorang ulama yang benar-benar alim yang dapat melakukan ijhtihad. Justeru, dapat

difahami bahawa orang yang mengatakan bahawa dia harus melakukan ijthad, beliau sebenarnya telah hilang kewarasan atau tidak mengetahui tentang agama. Ketika ulama besar Jalaluddin al-Suyuti Abd al-Rahman rahimahullah (wafat pada tahun 911 H [1505M], mesir) mengatakan bahawa beliau telah mencapai tingkatan ijthad, para ilmuwan kontemporari yang lain bertanya tentang sebuah pertanyaan dengan memberikan dua jawapan yang berbeza kepadanya dan memintanya untuk menyatakan jawapan mana dari mereka yang lebih kuat. Namun, tidak dijawab soalan tersebut. beliau mengatakan bahawa beliau tidak dapat meluangkan masa untuk hal ini kerana terlalu sibuk. Namun, yang diharuskannya adalah membuat ijthad dalam fatwa yang mana ia merupakan tahap ijthad yang paling rendah. Seperti ulama hebat iaitu as-Suyuti menghindarkan diri menggunakan ijthad pada sebuah fatwa, apa yang harus kita sebut untuk orang-orang yang memaksa orang untuk menggunakan ijthad mutlak, tidakkah kita seharusnya menyebut mereka gila atau jahil secara rohani? Al-Imam al-Ghazali menyatakan di dalam kitab karangan beliau **Ihya Ulumuddin** bahawa tidak ada mujtahid pada zamannya.

Jika seorang Muslim bukan dalam kalangan mujtahid mempelajari sebuah hadis sahih, kemudian dia merasakan kurang selesa melakukan sesuatu yang diajarkan oleh imam mazhabnya namun bertentangan hadis, dia perlu mencari dan mengenal pasti hal tersebut dari keempat-empat mazhab yang ijthadnya bersandarkan hadis tersebut dan perlu melakukannya seiring dengan mazhab yang memiliki ijthad tersebut. seorang tokoh ulama al-Imam Yahya an-Nawawi (wafat 676 H [1277 M], Damsyik) menjelaskan hal yang demikian secara terperinci di dalam karangannya, **Rawdat at-Talibin**. hal yang demikian kerana, mereka yang belum mencapai tahap mujtahid, belum mampu mengistinbat hukum melalui nas iaitu al-Quran dan Sunnah. kini, sesetengah orang jahil mengklaim bahawa mereka telah mencapai tahap ijthad mutlak dan mereka mampu mengeluarkan ijthad daripada nas dan mereka tidak perlu lagi merujuk mana-mana dari empat mazhab dan mereka meninggalkan mazhab yang telah mereka anuti setelah bertahun-tahun. Mereka berusaha menolak mazhab-mazhab dengan pemikiran mereka yang rosak.

Mereka membuat pernyataan yang jahil seperti 'kami tidak akan mengikut pendapat seorang ahli agama yang sama jahil dengan kita'. Mereka mendakwa keunggulan diri mereka dengan tertipu oleh khayalan syaitan dan nafsu diri mereka sendiri. Mereka tidak menyedari bahawa

dengan mengatakan sedemikian, mereka tidak mampu pun mendakwa diri mereka unggul bahkan terlihat kehinaan dan kejahilan pada diri mereka sendiri. Antaranya, kita melihat orang-orang yang jahil dan sesat yang mengatakan dan menulis bahawa setiap orang harus membaca tafsir, dan melakukan kesimpulan daripada tafsir dan **Sahih** Bukhari. Wahai saudara Muslimku! Hindarkanlah diri daripada memiliki kawan yang jahil seperti itu, menganggap mereka ialah ahli agama dan membaca buku palsu mereka. Berpeganglah dengan imam mazhab kalian! Kalian boleh memilih salah satu daripada empat mazhab, namun tidak dibenarkan untuk bermudah-mudah dengan keempat-empat mazhab tersebut, yang disebut sebagai **talfiq**¹⁶.

Seorang Muslim yang dapat membaca serta memahami hadis dengan baik, seharusnya mempelajari hadis yang merupakan hujah daripada mazhabnya terlebih dahulu kemudian melakukan perkara-perkara yang dipuji oleh hadis-hadis ini dan menghindari apa yang dilarangnya. Juga mempelajari kebesaran dan nilai agama Islam, kesempurnaan Rasulullah, nama-nama Allah dan sifat-sifatNya, kehidupan Rasulullah, kebajikan yang dilakukan baginda dan mukjizat yang diperoleh baginda, kehidupan dunia ini dan seterusnya, mengenai hari kebangkitan, hisab, syurga dan neraka, malaikat, jin, umat terdahulu, Nabi-Nabi dan kitab samawi mereka, keistimewaan khas Rasulullah dan al-Quran, kehidupan ahli keluarga serta para sahabat, petanda hari akhirat dan banyak lagi pengetahuan yang lain yang berkaitan dengan dunia dan akhirat. Semua maklumat mengenai dunia dan akhirat telah dikumpulkan di dalam hadis mulia Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam.

Apabila apa yang telah kami tulis ini difahami, jelaslah bahawa betapa jahilnya orang yang mengatakan bahawa pendapat atau fatwa yang telah dikeluarkan oleh para mujtahid dari Hadis as-Sherif adalah perbuatan yang sia-sia. Di antara makluman yang tidak terkira banyaknya yang dilaporkan Hadis, Hadis yang menjelaskan mengenai ibadah dan mu'amalat adalah sangat sedikit. Menurut beberapa sarjana, jumlahnya sekitar lima ratus

16 **Talfiq** bermaksud 'pelaksanaan suatu tindakan dengan cara menyatukan atau mencampurkan cara-cara yang mudah dari (empat) Mazhab dan dengan cara yang tidak sesuai dengan yang ada di dalamnya'. Setelah seseorang melakukan praktik Islam menurut salah satu dari empat mazhab iaitu setelah pelaksanaan itu sah (sesuai) dengan mazhab tersebut, dia mengamati sebanyak mungkin mengenai keadaan yang ada pada tiga lagi mazhab lainnya dengan pandangan bahawa Tindakan tersebut akan menjadi sah dan diterima juga pada mazhab-mazhab ini disebut '**taqwa**', yang menghasilkan banyak tsawab (iaitu pengharhaan di akhirat).

hadis; [Jika termasuk yang berulang, tidak lebih daripada tiga ribu]. Di antara hadis-hadis yang sedikit tersebut, tidak mungkin salah satu dari empat imam mazhab tidak pernah mendengar satu hadis sahih. Sekurangnya satu daripada empat imam mazhab menggunakan hadis sahih sebagai dalil dan hujah. Seorang Muslim yang melihat bahawa sesuatu perkara di dalam mazhabnya sendiri tidak sesuai dengan hadis sahih, harus mengikut mazhab yang lain yang telah melakukan ijtihad berdasarkan hadis tersebut. Imam mazhabnya mungkin pernah mendengar tentang hadis tersebut, namun tidak meletakkannya sebagai hujah, kerana telah melihat hadis yang lain yang dilihat lebih dekat kesahihannya atau yang [diucapkan oleh Nabi] yang kemudian membatalkan yang pertama, atau untuk alasan lain yang diketahui oleh para mujtahid. Ada baiknya bagi seorang Muslim yang menyedari bahawa sesuatu hadis itu sahih, meninggalkan keputusan mazhabnya yang tidak seiring dan mengikut hadis tersebut, lalu dia mengikut dan meniru mazhab lain yang mengeluarkan hukum berdasarkan hadis sahih tersebut. Hal yang demikian kerana imam mazhab itu memahami dari dalil ahkam bahawa tidak ada yang menghalanginya untuk bertindak berdasarkan hadis tersebut serta mengetahui hukum yang tidak diketahui orang lain. Namun, Muslim tersebut juga dibenarkan untuk melakukan hal tersebut mengikut mazhabnya sendiri kerana ijtihad imam mazhabnya pasti berdasarkan hujah yang kukuh. Islam menganggap perkara tersebut dapat dimaafkan dengan alasan mukallid tidak mengetahui dalil tersebut. Ia disebabkan tidak ada satu pun dari empat mazhab yang meninggalkan al-Quran dan Sunnah ketika melakukan ijtihad. Mazhab mereka merupakan penjelasan daripada al-Quran dan Sunnah. mereka menjelaskan makna dan ketentuan daripada al-Quran dan Sunnah untuk umat Islam. Mereka menerangkannya dengan cara yang dapat difahami, dan mereka mencatatnya dalam buku. Karya para imam mazhab ‘rahimahumullahu ta’ala’ ini adalah layanan yang luar biasa bagi Islam sehingga jikalau Allah ta’ala tidak membantu mereka, kekuatan manusia sahaja tidak akan cukup untuk melakukannya. Dengan adanya mazhab-mazhab ini, ia adalah salah satu hujah paling utuh bagi membuktikan bahawa Rasulullah ialah nabi yang benar dan Islam ialah agama yang benar.

Perbezaan dalam ijtihad imam-imam mazhab hanya melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan furu’ ad-din iaitu dalam permasalahan fiqh. Tidak ada percanggahan di antara mereka berhubung dengan masalah usul ad-din iaitu mengenai pengetahuan akidah dan kepercayaan (iman). Tiada

perbezaan dalam mengenai permasalahan cabang yang diketahui penting dalam agama yang mana ia hukum-hukumnya diambil daripada hadis yang mutawahir. Mereka hanya berbeza dalam beberapa pengetahuan tentang masalah furu'. Perbezaan yang berlaku disebabkan cara pemahaman terhadap perkara-perkara yang menguatkan dalil. Perbezaan kecil ini juga merupakan rahmat bagi umat ini dan dibolehkan (ja'iz) bagi umat Islam untuk mengikuti mazhab yang mereka mahukan dan sesuai bagi mereka. Rasulullah sallallahu alaihi wasallam meramalkan perbezaan ini sebagai suatu khabar gembira dan hal tersebut terjadi seperti yang baginda ramalkan.

Tidak boleh melakukan ijthad dalam pengetahuan i'tikad iaitu dalam fakta yang boleh dipercayai serta pengetahuan fiqh yang telah dinyatakan dengan jelas (qat'i) dalam al-Quran dan Hadis as-Sharif. Ia membawa kepada perbuatan bid'ah dan penyelewengan. Itu akan menjadi dosa besar. Hanya ada satu cara yang benar dalam pengetahuan i'tikad iaitu aliran **Ali Sunnah wal Jama'ah**. Perbezaan yang dinyatakan adalah sebagai rahmat (belas kasih Allah ta'ala) di dalam hadis, adalah perbezaan terkait hal furu' di dalam hukum-hukum.

Dalam masalah yang mana hukum bagi keempat-empat mazhab berbeza, hanya satu pendapat yang benar. Terdapat dua ganjaran pahala bagi mereka yang melakukannya dengan benar, dan satu pahala bagi mereka yang melakukan dengan pendapat yang salah. Pernyataan mazhab ialah rahmat menunjukkan bahawa dibenarkan meninggalkan satu mazhab dan mengikuti mazhab yang lain. Namun, tidak dibolehkan untuk mengikuti selain daripada mazhab yang empat, iaitu yang dimiliki ahli Sunnah dan para sahabat al-Kiram, kerana mazhab-mazhab tersebut tidak tercatat di dalam kitab dan telah dilupakan. Tidak ada kemungkinan untuk mengikuti mazhab selain daripada empat mazhab yang diketahui. Imam Abu Bakar Ahamad al-Razi [wafat 370H (980)], memberitahu bahawa tidak dibenarkan mengikuti (secara langsung) para sahabat al-Kiram. Bagi mereka yang ingin memahami dengan baik kelebihan mazhab dan mujtahid terutama keempat-empat imam mazhab, yang mana mereka tidak melangkaui al-Quran dan Sunnah, dan bahawa aturan yang mereka nyatakan melalui ijma' dan qiyas bukanlah pendapat mereka sendiri melainkan ia diambil daripada al-Quran dan Sunnah, perlunya membaca buku-buku **al-Mizan al-Kubra** dan **al-Mizan al-Khidriyyah** oleh Imam

Abd al-Wahab al-Sha'ran 'rahimahullahu ta'ala'¹⁷.

Kenyataan yang mengatakan “ al-Quran tidak mengandung perihailmuan agama” adalah tidak benar. Terdapat pelbagai ungkapan di dalam al-Quran yang memuji para ulama dan ilmu pengetahuan. Imam Abd al-Ghnan-Nablusi [w. 1143 H 917310] menyatakan di dalam bukunya **al-Hadiqa**: menerusi ayat ketujuh dari surah al-Anbiya telah dinyatakan, **‘Bertanyalah pada ahli zikir sekiranya kalian tidak mengetahui’**. ‘Zikir’ bermaksud ‘Pengetahuan’. Ayat ini memerintahkan mereka yang tidak tahu untuk mencari para ulama, bertanya kepada mereka dan belajar daripada mereka. Juga menerusi ayat ketujuh daripada surah Ali Imran iaitu, **“Hanya mereka yang mempunyai pengetahuan yang dapat memahami maksud ayat-ayat mutasyabihat”**, dan menerusi ayat kelapan belas, disebutkan bahawa **“pemilik pengetahuan memahami dan memberitahu bahawa Allah ta’ala ada dan adalah Esa”** dan dalam ayat kelapan puluh satu daripada surah al-Qasas menyebut, **“Berkatalah orang yang dianugerahi ilmu pengetahuan: kecelakaan yang besar lah bagimu, pahala Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang beriman dan beramal soleh...”**. begitu juga menerusi ayat kelima puluh enam daripada surah ar-Rum yang menyebut, **“Dan berkata orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan dan keimanan (kepada orang-orang kafir): ‘Sesungguhnya kamu telah berdiam menurut ketetapan Allah, sampai hari kebangkitan (kiamat), maka inilah hari kebangkitan itu akan tetapi kamu sering tidak meyakinkannya”**. Di dalam surah Isra ayat keseratus lapan dinyatakan, **“dan mereka (orang-orang yang diberi pengetahuan) berkata; ‘Maha suci Tuhan kami, sesungguhnya janji Tuhan kami pasti dipenuhi”**; pada surah al-Hajj ayat kelima puluh empat dinyatakan, **“Orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan mengerti bahawa al-Quran ialah firman Allah”**: di dalam surah al-Ankabut ayat kelima puluh: **“al-Quran telah menetap di hati pemilik ilmu”**; pada ayat keenam daripada surah Saba’: **“Para pemilik ilmu pengetahuan mengetahui bahawa al-Quran adalah firman Allah dan membuat (seseorang) mencapai cinta Allah”**: di dalam surah al-Mujadalah ayata kesebelas: **“Kedudukan tinggi akan diberikan**

17 Yusuf an-Nabhani, **Hujjat-Allahi ‘alal ‘alamin**, halaman 771. Teks di atas, yang diterjemahkan daripada Bahasa Arab asli, tidak mengandung kata-kata yang ditambahkan oleh penterjemah sebagaimana yang telah dilakukan ke semua buku kami, juga menambahkan tambahan buku-buku lain dalam tanda kurang di sini, agar penambahan kami tidak terkeliru dengan teks yang diterjemahkan dari Bahasa Arab asli di atas dari **Hujjat-Allahi ‘ala-l-alamin** diulang cetak oleh offset di Istanbul pada tahun 1394 [1974].

kepada orang Alim di Syurga”; pada ayat kedua puluh tujuh daripada surah al-Fatir: **“Hanya orang yang berilmu yang takut kepada Allah”**; pada surah al-Hujurat ayat keempat belas: **“Yang paling berharga di antara kamu ialah orang yang takut kepada Allah”**. Hal ini dinyatakan di dalam hadis yang diambil dari halaman 365 dari kitab yang sama: **“Allah dan malaikat dan semua makhluk berdoa untuk dia yang mengajarkan orang apa yang baik; ‘Pada hari kiamat, para nabi pertama, maka para ilmuwan dan kemudian para syuhada akan bersyafaat’; ‘Hai manusia! ketahuilah bahawa pengetahuan dapat diperoleh dengan mendengarkan guru, pelajarilah ilmu pengetahuan! Mempelajari ilmu merupakan ibadah. Guru dan pelajar ilmu pengetahuan akan diberikan pahala jihad. Mengajar ilmu pengetahuan adalah seperti memberi sedekah. Belajar ilmu pengetahuan daripada guru itu seperti melakukan solat tengah malam”**. Tahir Bukhari¹⁸, seorang penulis buku fatwa yang bertajuk *Khulasa*, menyatakan: **“Membaca buku-buku fiqh mendapatkan lebih banyak ganjaran pahala daripada melakukan solat di malam hari. Hal yang demikian kerana sangat penting untuk mempelajari fardhu dan haram daripada buku-buku (para ulama). Membaca buku fiqh untuk melaksanakan apa yang dipelajari atau untuk mengajar orang lain lebih baik daripada melakukan solat tasbih. Hal yang demikian dinyatakan dalam hadis: ‘Belajar ilmu pengetahuan lebih mendapatkan pahala daripada semua ibadah sunnah, kerana ia mempunyai faedah untuk dirinya sendiri mahupun untuk orang-orang yang akan diajarinya; ‘Orang yang belajar untuk mengajar orang lain akan dihargai seperti Siddiq’**. Pengetahuan Islam hanya dapat dipelajari daripada seorang guru dan dari kitab-kitab. Mereka yang mengatakan bahawa tidak memerlukan kitab dan panduan Islam adalah pendusta dan zindiq. Mereka menipu umat Islam dan menyebabkan mereka hancur. Maklumat dan informasi dalam kitab-kitab agama diambil daripada al-Quran dan hadis. **“terjemahan dari Hadiqa¹⁹ berakhir di sini.**

Allah mengutus RasulNya agar dapat menyampaikan dan mengajarkan al-Quran. Para sahabat al-Kiram mempelajari ilmu pengetahuan di dalam al-Quran daripada Rasulullah. Para ilmuwan Islam (ulama) mempelajari daripada Sahabat, dan semua umat Islam belajar daripada para ulama dan kitab-kitab mereka. Hal yang demikian dinyatakan di dalam hadis: **“Ilmu**

18 Tahir Bukhari meninggal dunia pada tahun 542 [1147 M].

19 Penulis buku Hadiqa meninggal dunia pada tahun 1143 [1731M].

pengetahuan ialah harta. Kuncinya adalah bertanya dan belajar” dan “belajar dan mengajarkan ilmu!” “Semuanya memiliki sumbernya. Sumber takwa ialah hati yang arif”. “ Mengajar ilmu pengetahuan adalah suatu penebusan dosa”.

Imam ar-Rabbani menulis di dalam surat ke-193 daripada jilid pertama bukunya yang disebut sebagai **Maktubat**:

Seorang **mukallaf** iaitu orang yang telah berakal dan baligh, hendaklah terlebih dahulu membetulkan iman dan akidahnyanya. Iaitu dengan mempelajari ilmu akidah yang ditulis oleh ulama ahli sunnah dan beriman sesuai dengan mereka. Semoga Allah taa’ala memberikan ganjaran yang berlipat kali ganda kepada usaha para ulama! Amin. Penghapusan daripada azab neraka hanya bergantung kepada kepercayaan kepada apa yang telah mereka pelajari. Yang akan diselamatkan daripada seksa api neraka hanyalah orang-orang yang mengikuti jalannya [Orang-orang yang mengikuti jalan mereka disebut (**Sunni**)]. Ini dinyatakan dalam hadis yang mengatakan bahawa mereka ialah Muslim yang mengikuti jejak para alim ini. Umat Islam sejati yang mengikuti jalan Rasulullah dan para sahabat baginda hanyalah orang-orang Muslim ini. Antara maklumat yang dipetik daripada kitab-kitab mereka adalah daripada al-Quran dan Sunnah, dan hadis-hadis yang dikeluarkan ialah hadis bernilai dan betul yang hanya difahami dan disampaikan oleh para ulama ini daripada kitab dan sunnah. Kerana, setiap pemilik bid’ah, iaitu setiap pembaharu dan setiap (**yang sesat**) dan anti mazhab sering mendakwa dia telah mengeluarkan sesuatu (dengan akalnyanya yang cetek) daripada al-Quran dan Sunnah. Ia cuba berteduh dan memperlekehkan ulama Ahli Sunnah. Ini bermakna bahawa setiap perkataan dan setiap tulisan yang dikeluarkan dari kitab dan sunnah tidak boleh tertipu bahawa ia merupakan propaganda mereka.

Terdapat kitab Parsi **al-Mu’tamad**, yang telah ditulis oleh Tur Pushti²⁰, iaitu seorang cendekiawan Islam yang hebat, sangat berharga dan sangat jelas dalam menjelaskan aqidah yang benar yang disampaikan oleh para ulama Ahli Sunnah wa al-Jama’ah. Makna yang disampaikan dalam buku ini sangat jelas dan mudah difahami. Buku tersebut telah dicetak oleh **Hakikat Kitabevi** (Kedai Buku Hakikat) pada 1410 [1989 M].

Setelah membetulkan pegangan kepercayaan iaitu persoalan akidah, harus mengikuti serta mempelajari daripada kitab-kitab fiqh karangan

20 Fadhullah bin Hasan Tur Pushti, seorang ilmuan fiqh Hanafi, telah meninggal pada tahun 661 H (1263).

ulama Ahli Sunnah mengenai perkara **halal, haram, fardu, wajib, sunnah, harus** dan **makhruh**. Kita tidak boleh membaca kitab-kitab sesat yang diterbitkan oleh orang-orang jahil yang tidak dapat memahami para ulama ini. Orang Islam yang mempunyai keyakinan yang bertentangan dengan iman Ahli Sunnah, tidak akan terlepas daripada masuk neraka di akhirat kelak, semoga kita mendapat perlindungan daripada Allah!. [berlainan dengan] Jika seorang Muslim yang mempunyai akidah benar tetapi lalai dalam beribadah, dia mungkin akan dimaafkan walaupun dia tidak melakukan taubat. Walaupun dia tidak diampuni, dia akan terselamat daripada api neraka setelah ditimpa azab seksa. Kerana itu, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah memperbetulkan akidah. Haji Ubaidullah al Ahrar [qaddas Allahu ta'ala sirrahul 'aziz, w. Samarkhand, 895H (1490 M0)] berkata: 'Jika saya diberi semua kasyaf dan karamah, tetapi saya akan kehilangan **i'tikad** Ahli Sunnah, saya akan merasakan diri saya hancur. Sekiranya saya tidak memiliki kasyaf atau karamah serta mempunyai banyak kesalahan, namun saya dikurniakan dengan aqidah Ahli Sunnah, saya tidak akan berasa kesal.

Hari ini umat Islam di India menjadi terasing. Musuh-musuh agama menyerang dari segenap penjuru. Hari ini, menginfak satu lira untuk berkhidmat kepada Islam lebih bernilai daripada beribu-ribu lira yang diberikan untuk keadaan-keadaan lain. Jasa yang paling besar kepada Islam adalah mendapatkan kitab-kitab Ahli Sunnah, kitab-kitab akidah dan Islam lalu memberikannya kepada masyarakat kampung dan para pemuda. Keberuntungan atas memberikan perkhidmatan ini harus berbesar hati dan berterima kasih kepada Allah, dan dia akan selalu mendapat pahala kebaikan atas khidmatnya kepada Islam. Namun, pada ketika ini, pada waktu Islam lemah dan ketika banyak usaha yang sedang dilakukan untuk memusnahkan Islam dengan pelbagai pembohongan dan firnah, ini adalah waktu terbaik untuk mendapatkan pahala kebaikan dengan menyebarkan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Rasulullah bersabda kepada sahabat baginda: '**kamu hidup pada waktu dimana jika kamu mematuhi kesepuluh perintah Allah dan laranganNya tetapi ketika kamu tidak mentaati satu sahaja diantara perintahNya, maka kamu akan binasa. Kamu akan diseksa! Setelah kalian, akan datang waktu yang apabila orang-orang memathui hanya satu daripada sepuluh perintah dan larangan, mereka akan diselamatkan**'. [fakta ini ditulis dalam bahasa **Misykatul Masabih**, vol.1, artikel ke-179 dan **Tirmizi**,

Kitab al-Fitan artikel ke-79]. Hadis ini menunjukkan situasi saat ini. Bahwasanya adalah perlu untuk berjihad melawan orang-orang kafir, mengenali mereka yang menyerang orang Islam dan bukan mencintai mereka²¹. Bagi usaha menyebarkan buku-buku serta kata-kata daripada ulama Ahli Sunnah, seseorang tidak perlu menjadi dahulu menjadi ulama. Setiap Muslim mesti berusaha melakukan hal ini. Peluang tersebut tidak boleh dilepaskan. Pada hari kiamat, mereka akan bertanya kepada setiap Muslim tentang hal ini, dan mereka akan berkata mengapa kamu tidak berkhidmat kepada Islam. Mereka yang tidak berusaha menyebarkan kitab-kitab yang mengajarkan Islam dan mereka yang tidak membantu orang dan institusi yang menyebarkan pengetahuan Islam akan dihukum dengan seksaan yang sangat berat. Alasan dan permohonan maaf tidak akan diterima. Walaupun para Nabi alaihissalam ialah orang yang paling unggul dan tertinggi, mereka tidak pernah berada duduk dalam keadaan selesa. Mereka berjuang siang dan malam untuk menyebarkan agama Allah ta'ala dan jalan kebahagiaan abadi. Mereka pernah berkata kepada orang-orang yang meminta mukjizat, "**Allah ta'ala menciptakan mukjizat dan tugas mereka adalah untuk menyampaikan agama Allah**". Ketika mereka bekerja untuk tujuan ini, Allah ta'ala akan membantu mereka dan menciptakan mukjizat. Kita juga perlu menyebarkan kitab-kitab dan kata-kata ulama Ahli Sunnah dan memberitahu kepada anak muda dan sahabat-sahabat kita tentang kejahatan dan pendustaan orang kafir dan musuh Islam yang telah memfitnah dan menzalimi orang Islam [Menyebutkan tentang mereka tidak akan menjadi gossip (dosa) tetapi ia merupakan perkara yang makruf]. Mereka yang tidak mengerjakan hal tersebut pada jalan ini dengan harta, kekuatan dan profesion mereka, tidak akan dapat melepaskan diri daripada seksaan. Ketika bekerja untuk tujuan ini, penderitaan akibat kesusahan dan penyiksaan harus dilihat sebagai sebuah kebahagiaan dan keuntungan yang besar. Para Nabi 'alaihissalam diserang oleh masyarakat yang jahil ketika berdakwah menyampaikan perintah Allah. Muhammad sallallahu alaihi wa sallam, kekasih Allah yang terpilih dalam kalangan orang-orang yang hebat, menyatakan: "**Tidak ada Nabi yang dianiaya seperti aku menderita dianiayi**". Terjemahan yang lengkap daripada **Maktûbât**.

21 Jihad melalui kekuatan (jihad qatli) dibuat oleh Negara, tenteranya. Muslim melakukan jihad adalah tugas mereka sebagai tentera, kewajipan yang diberikan kepada mereka oleh Negara. Bahwasanya jihad qauli, yang dibuat melalui ucapan dan tulisan, lebih bak daripada jihad qatli juga ditulis dalam surat ke-65.

[Setiap Orang Islam wajib mempelajari akidah Ahli Sunnah dan mengajarkannya kepada orang yang dapat kita pengaruhi. Dia harus mencari dan membeli buku dan bahan bacaan yang menyampaikan kata-kata para ulama Ahli Sunnah, dan menghantarkannya kepada kenalan yang dia kenali. Mereka harus berusaha untuk orang sekelilingnya membaca bahan tersebut. dia juga harus menyebarkan kitab-kitab yang yang menerangkan wajah dalaman musuh-musuh Islam].

Ulama Ahli Sunnah yang menunjukkan jalan yang benar kepada semua umat Islam di dunia dan membimbing kita untuk mempelajari agama Muhammad ‘alaihissalam tanpa mengubah atau merosakkannya ialah para ilmuan daripada empat mazhab yang telah mencapai tahap ijtihad. Yang paling agung di antara mereka ialah **Imam-i A’zam Abu Hanifah Nu’man bin Thabit** rahimahullahu ta’ala. Beliau merupakan salah seorang ulama besar Islam. Beliau ialah pemimpin Ahlussunnah. Biografi mengenai beliau telah ditulis dalam buku-buku Turki **Saadet-i Ebediyye** dan **Faideli Bilgiler**.²² Beliau lahir di Kufah pada tahun 80 H [699 M] dan telah syahid di Baghdad pada tahun 150 H [767 M].

Yang kedua, **Imam Malik bin Anas** “Rahimahullahu ta’ala” merupakan seorang Ulama besar. Beliau telah dilahirkan di Madinah pada sembilan puluh [90] tahun Hijrah, dan sebagaimana tercatat di dalam Ibn Abidin bahawa beliau meninggal di sana pada tahun 179 [M.795] iaitu beliau hidup selama lapan puluh sembilan tahun. Datuknya ialah Malik bin Abî Âmir.

Ketiga, **Imâm Muhammad bin Idris Syafi’i** “rahima-hulullahu ta’ala” yang menjadi orang yang paling disayangi dan disenangi para Ulama Islam. Pada tahun seratus lima puluh [150], beliau telah dilahirkan di Gaza, Palestin dan pada tahun dua ratus empat 204 [M.820], beliau telah meninggal dunia di Mesir.

Keempat, ialah **Imam Ahmad Bin Hanbal** “rahimahullahu ta’ala”. Beliau dilahirkan pada tahun seratus enam puluh empat [164] di Baghdad dan meninggal dunia pada tahun dua ratus empat puluh satu 241 [M. 855]. Beliau ialah salah satu asas terbaik dari bangunan Islam.

Hari ini, seseorang yang tidak mengikut salah seorang daripada empat imam ini berada dalam bahaya yang besar. Dia telah menyimpang dari jalan yang benar. Di samping itu, terdapat ramai Ulama Ahli Sunnah selain empat mazhab ini. Mereka memiliki mazhab yang sahih juga. Namun,

22 Juga di bab pertama The Sunni Path dan di bab kelima dan keenam daripada jilid pertama Endless Bliss.

semakin zaman ke depan, mazhab-mazhab mereka ini dilupakan. Kitab-kitab mereka tidak dibukukan. Misalnya, di Madinah terdapat tujuh Ulama besar yang (dikenali sebagai **Fuqaha' as-Sab'ah**) iaitu **Umar bin Abdul Aziz, Sufyan Bin 'Uyaina, Ishak bin Rawahah, Dawud al-Tai, Amir bin Sarahil al-Sab'i, Lais Bin Sa'd, A'mash, Muhammad bin Jarir, Sufian al-Sauri dan Abdurrahman Auza'i** rahimahumullahu ta'ala.

Kesemua Ashabul Kiram “radhiallahu ta’ala anhum ahma’in” berhak menjadi “bintang” untuk dijadikan panutan. Mana-mana daripada mereka sudah cukup membimbing seluruh dunia di jalan yang benar. Mereka ialah para mujtahid. Mereka semua berada dalam mazhab mereka sendiri. Kebanyakan mazhab mereka mirip antara satu dengan yang lain. Namun, oleh kerana mazhab mereka tidak dikumpulkan dan ditulis di dalam kitab, maka tidak mungkin kita mampu mengikutinya. Mazhab daripada empat imam iaitu apa yang perlu kita imani dan syariat-syariat yang perlu dilakukan telah dikumpulkan dan dikumpulkan dan diterangkan kepada para murid mereka. Kemudian ditulis ke dalam kitab-kitab. Hari ini, setiap orang Islam perlu berada pada salah satu aliran daripada empat imam ini amalan harian dan ibadat mengikut mazhab tersebut. [seseorang yang tidak mahu mengikut salah satu daripada empat mazhab ini bukanlah daripada **ahli Sunnah**. lihat halaman kedua pada permulaan!].

Dua daripada murid empat imam ini telah cemerlang dalam menyebarkan ajaran-ajaran tentang iman. Maka, terdapat dua mazhab yang mengajarkan tentang akidah dan iman. Iman yang benar yang sesuai dengan al-Quran al-Karim dan hadis al-Syarif ialah yang disampaikan oleh dua imam ini dan dua orang imam inilah yang menyebarkan ilmu akidah ahli Sunnah yang merupakan mazhab anNajiyah. Salah seorang daripada mereka ialah **Abu al-Hassan al-Sya'ari** “rahimahullahu ta’ala” yang lahir pada tahun 226 H [879] di Basra, dan meninggal dunia pada tahun tiga ratus tiga puluh [941]. Yang kedua ialah **Abu Mansur al-Maturidi** “rahimahullahu ta’ala” yang telah meninggal dunia di Samarkhand pada tahun 333 [m.944]. Dalam perkara iman, setiap Muslim harus mengikut salah satu daripada dua imam besar ini.

Turuq (Jalan-jalan) para Auliya' adalah benar. Mereka tidak mempunyai perbezaan dengan Islam walau sedikit pun. [Terdapat pendusta dan penyeleweng pada setiap abad, yang menjadikan agama sebagai sarana untuk memperoleh keuntungan duniawi, dan muncul sebagai orang suci, pengikut dan ulama untuk memperoleh kekayaan dan kedudukan. Hari ini terdapat orang yang berbuat buruk dalam setiap profesion, bidang, dan

pekerjaan. Adalah tidak adil dan ia adalah sebuah kejahatan bagi melihat mereka yang mencari keuntungan dan kesenangan dengan mengorbankan orang lain, serta memburukkan semua profesional dan profesion yang terlibat. Ia seolah-olah membantu para perasuah. Oleh sebab demikian, melihat orang-orang agama yang sesat, jahil dan palsu dari turuq (jalan), seharusnya tidak menyebabkan kita menghina Ulama Islam, ahli Tasawwuf dan orang-orang besar yang jasa mereka telah mengisi sejarah dengan catatan sejarah. Harus difahami bahawa orang-orang yang menghina ialah mereka yang salah]. Para Auliya mempunyai mukjizat. Semuanya adalah haq dan benar. Imam al-Yafi'²³ berkata, “Karamah Ghawth al-Thaqalain Maulana Abdul Qadir al-Jailani ‘qadha Allahu ta’ala sirrahul-aziz²⁴ telah tersebar begitu banyak dari mulut ke mulut sehingga mustahil untuk menafikannya dan adalah mustahil untuk tidak dipercayanya kerana **tawatir** (sudah tersebar luas) adalah sebuah sanad (bukti dokumentar) yang asli”.

Melainkan jika difahamkan bahawa orang yang mengerjakan solat adalah kafir dengan berkata atau menggunakan sesuatu yang kufur secara terang-terangan dan tanpa keperluan, boleh memanggilknya kafir dengan mengikut orang lain. Dia tidak dilaknat melainkan diketahui bahawa dia mati dalam keadaan kafir. Namun, tidak boleh mengutuk walaupun orang kafir. Atas sebab ini lebih baik jangan mengutuk seseorang itu].

5- Rukun iman yang kelima ialah **‘beriman dengan hari akhirat’**. Ia bermula dari waktu seseorang itu mati sehinggalah ke hari kiamat. ‘Hari Akhirat’ dinamakan kerana tidak ada malam yang datang setelahnya atau kerana ia datang selepas zaman dunia. ‘Hari’ yang dinyatakan di dalam Hadis as-Syarif tidak memberikan makna siang dan malam sebagaimana yang kita fahami. Ia menunjukkan beberapa waktu. Ia tidak diberitahu kepada kita bilakah hari kiamat akan berlaku dan tiada siapa yang dapat memahami serta mengetahui waktunya. Namun, Nabi kita sallallahu alaihi wa sallam telah memberitahu akan tanda-tanda dan contoh-contohnya; Imam Mahdi akan datang, Isa ‘alaihissalam’ akan turun dari syurga ke langit, Dajjal akan muncul. Insan yang dipanggil Ya’juj dan Ma’juj akan membuat kacau di mana-mana. Matahari akan terbit dari barat. kemudian, akan ada gempa bumi yang sangat dahsyat. Agama akan dilupakan. Keburukan dan kejahatan akan meningkat; orang-orang yang tidak beragama, tidak bermoral dan tidak jujur akan menjadi pemimpin. Perintah

23 Abdullah Yafi’I, meninggal dunia di Makkah pada tahun 768 [M. 1367].

24 Syeikh Abdul Qadir al-Jailani meninggal dunia di Baghdad pada tahun 561 H [M.1161].

Allah ta'ala tidak akan dilaksanakan. Perkara haram malah dilakukan di mana-mana, api akan muncul di Yaman, lautan dan gunung-ganang akan terbelah menjadi dua bahagian. Matahari dan bulan akan menjadi gelap. Laut akan bercampur dengan yang lainnya, mendidik dan mengering.

Orang Islam yang sering melakukan dosa dipanggil **fasiq**. Orang-orang yang fasiq dan kafir akan diazab di dalam kuburnya. Sudah tentu kenyataan ini mesti dipercayai. Apabila si mati diletakkan ke dalam kubur, dia akan dibangkitkan dengan kehidupan yang tidak diketahui dan apakah dia akan mengalami ketenangan ataupun azab seksaan. Hadis asy-Syarif dengan jelas mengatakan bahawa dua malaikat, **Munkar** dan **Nakir** akan datang ke kubur dalam bentuk orang yang mengerikan dan mengajukan pertanyaan-pertanyaan. Pertanyaan di dalam kubur menurut sebahagian ulama ialah sebahagian daripada cakupan akidah, dan sebahagian lain daripada mereka mengatakan ia akan merangkumi seluruh bahagian akidah. [Oleh yang demikian, kita mesti mengajar anak-anak kita jawapan kepada soalan-soalan 'Siapa Tuhan kamu? Apa agama kamu? Kamu ialah umat dari siapa? (Siapa Nabi kamu?) Apa kitab kamu? Di mana kiblat kamu? Apa mazhab akidah dan ibadah kamu?'. Telah ditulis di dalam kitab **Tazkirah al-Qurtubi**²⁵, bahawa mereka yang bukan daripada ahli Sunnah tidak akan mampu memberikan jawapan yang baik. Manakala, mereka yang memberikan jawapan yang bagus (benar), kuburnya akan diberi keluasan dan akan dibukakan jendela dari syurga buatnya di dalam kubur tersebut. Mereka akan melihat tempat mereka di syurga dan berita gembira akan diberikan oleh para malaikat siang dan malam. Jika mereka tidak memberikan jawapan yang baik (benar), mereka akan dipukul dengan tukul besi sehinggakan setiap makhluk selain manusia dan jin akan mendengar jeritan mereka. Kubur itu akan menjadi sempit sehingga mencengkam kedua-dua bahagian tulang-belulanganya seolah-olah menjadi satu. Tingkap dari neraka akan terbuka. Mereka akan melihat tempatnya di neraka dan menderita dengan seksaan yang pedih di dalam kubur sehingga dia hari mahsyar.

Adalah sangat penting menyakini kehidupan selepas mati. Selepas tulang-belulang dan daging-daging reput dan menjadi debu dan gas, jasad akan akan diciptakan semula dan roh akan masuk ke dalam tubuh badan

25 Kitab Tazkirah ini pengarangnya ialah Muhammad Qurtubi Maliki, meninggal pada 671 [1272 M]. Terdapat juga **Mukhtasar Tazkirah al-Qurtubi** yang diterbitkan semula oleh Hakikat Kitabevi pada 1421 [2000M].

mereka seterusnya semua orang akan bangkit dari kubur. Hal inilah menjadi sebab waktu itu disebut sebagai (**Hari Kiamat**).

[Tumbuhan menyerap gas karbon dioksida dari udara dan mengambil air serta garam (zat mineral) dari tanah dan menyatukannya antara satu dengan yang lain. Justeru, ia membentuk zat organik dan bahan binaan yang kukuh. Hari ini telah diketahui bahawa tindak balas kimia yang berlangsung selama bertahun-tahun, berlaku serta-merta dalam masa kurang dari satu saat dengan menggunakan (**mangkin**²⁶). Begitu juga, Allah ta'ala akan menciptakan bahan organik dan organ hidup dalam satu masa dengan menggabungkan air, karbon dioksida dan bahan dari tanah di dalam kubur. Muhibir as-Sadik memberitahu kita bahawa kita akan dibangkitkan seperti itu. sains juga menunjukkan bahawa ini sudah pun berlaku di dunia].

Semua makhluk hidup akan berkumpul di satu tempat yang dinamakan **Mahsyar**. Buku-buku catatan amal setiap orang akan terbang kepada pemiliknya. Allah ta'ala, pencipta bumi, langit, zarah dan bintang, dan yang mempunyai kuasa yang tidak terhingga, akan membuatkan semua ini berlaku. Rasulullah 'sallahu ta'ala alaihi wassalam' memberitahu bahawa ia akan berlaku. Apa yang dikatakan Baginda sudah tentu benar dan sudah tentu ia semua akan terjadi.

Buku-buku catatan amal orang-orang benar dan baik akan diberikan dari sebelah kanan, dan buku-buku catatan amal orang-orang fasik dan jahat akan diberikan dari sebelah kiri atau dari belakangnya. Segala perbuatan baik atau buruk, besar atau kecil, dilakukan secara sembunyi atau terang-terangan, akan dituliskan di dalam buku tersebut. bahkan perkara-perkara yang tidak diketahui oleh para malaikat (**Raqib dan Atib**) akan dipersaksikan oleh anggota tubuhnya oleh Allah ta'ala, dan semuanya akan dipersoalkan dan dihisab. Di Mahsyar, setiap perkara rahsia yang dikehendaki oleh Allah ta'ala akan terbongkar. Para malaikat juga akan ditanya terhadap apa yang telah mereka lakukan di bumi dan di syurga, para Nabi tentang bagaimana mereka menyampaikan perintah-perintah Allah ta'a dan agamaNya kepada umat manusia, dan kepada manusia, bagaimana mereka mentaati para Nabi, bagaimana mereka menjalankan kewajipan yang telah diberitahukan kepada mereka, dan bagaimana mereka peduli terhadap hak-hak orang lain. Di Mahsyar, orang yang mempunyai amal dan

26 Bahan yang mempercepatkan kadar tindak balas kimia tanpa mengubah komposisi kimianya pada akhir tindak balas.

akhlak yang baik akan mendapat pahala dan keberkatan, manakala orang-orang yang berbuat jahat dan berperilaku buruk akan dihukum dengan hukuman yang berat.

Allah ta'ala akan mengampuni segala dosa orang mukmin sama ada besar mahupun kecil dengan kehendak dan ihsanNya. Dia akan mengampuni setiap dosa melainkan dosa syirik dan kufur, dan jika Allah ta'ala berkehendak, Dia akan menghukum para mukmin dengan dosa-dosa kecil dengan keadilanNya. Allah ta'ala menyatakan (di dalam firmanNya) bahawa Dia sesekali tidak akan memafkan orang yang mati sebagai musyrik dan kafir. Orang-orang kafir dengan atau tanpa sebuah kitab (samawi), yang mana tidak meyakini bahawa Muhammad 'alaihissalam ialah nabi kepada seluruh manusia, dan tidak menyukai walau satupun syariat, iaitu perintah dan laranganNya, jika mereka mati dalam keadaan begini, sudah tentu mereka akan dimasukkan ke dalam neraka dan akan menghadapi seksaan yang kekal.

Pada hari Kiamat, terdapat **Mizan**, iaitu alat pengukur, neraca yang tidak kita ketahui bagi mengukur amal dan perbuatan manusia. Kemungkinan ia menjadi sangat besar sehingga salah satu timbangannya sebesar langit dan bumi. Timbangan untuk perbuatan baik akan menjadi cerah dan berada disebelah kanan 'arasy di sisi syurga, dan timbangan yang menampung dosa akan menjadi gelap dan berada di sebelah kiri 'Arasy di sisi neraka. Perbuatan yang dilakukan di dunia sama ada perkataan, fikiran dan pandangan akan ditimbang di sana melalui mizan (ukuran) daripada amal baik akan kelihatan terang, manakala amal buruk akan kelihatan gelap dan jelik. Mizan tersebut tidaklah sama dengan mizan di dunia yang mana dikatakan bahawa bahagian timbangan yang berat akan menaik dan bahagian timbangan yang ringan akan menurun. Menurut sebahagian ulama 'rahimahumullahu ta'ala', akan ada berbagai timbangan dan tidak dinyatakan dengan jelas dalam agama bilangannya dan bagaimana timbangannya. Justeru, sebaiknya tidak perlu difikirkan tentang hal tersebut.

Begitu juga, terdapat **Titian Sirat**. Titian Sirat akan dibina di atas neraka dengan perintah Allah ta'ala. Semua manusia akan diperintahkan untuk menyeberangi titian ini. Pada hari tersebut, semua Nabi akan memohon; "ya Tuhanku, bantulah kami!". Penghuni syurga akan mudah melalui titian tersebut dan menuju ke syurga. Sebahagian daripada mereka akan melaluinya seperti kilat, ada yang seperti angin, ada yang seperti

kuda yang sedang berlari. Titian Sirat hakikatnya lebih nipis daripada rambut dan lebih tajam daripada pedang. Beginilah cara ikutan Islam di dunia yaitu melibatkan diri dengan kepatuhan kepada Islam adalah seperti menyeberangi titian sirat. Mereka yang menanggung kesukaran berperang dengan nafsu mereka di dunia akan melintasi titian sirat dengan mudah dan selesa. Namun, mereka yang tidak mengikut Islam dan berputus asa akan menghadapi masa yang sukar. Oleh yang demikian, Allahu ta'ala menamakan jalan lurus yang ditunjukkan oleh Islam (Siratal Mustakim). Persamaan nama ini menunjukkan bahawa berada di landasan Islam adalah seperti menyeberangi titian sirat. Mereka yang menjadi penghuni neraka tidak akan dapat melepasi sirat dan akan jatuh ke dalam neraka.

Selain itu, terdapat telaga yang dihaskan untuk Nabi kita Muhammad Mustafa sallallahu alaihi wa sallam. Saiznya seperti sebulan perjalanan. Airnya lebih putih daripada susu dan baunya lebih harum daripada kasturi. Gelas-gelas di sekitarnya melebihi bilangan bintang-bintang. Seseorang yang minum air telaga tersebut, tidak akan pernah dahaga lagi walaupun jika dia berada di neraka.

Syafaat itu adalah benar. Allah ta'ala memberi keizinan kepada para Nabi, Auliya', Solihin dan para Malaikat untuk menerima dan memberi syafaat, agar diampuni dosa-dosa kecil dan besar orang mukmin yang matinya tanpa taubat. [Nabi kita sallallahu alaihi wa sallam telah bersabda, 'Aku akan memberi syafaat kepada umatku yang melakukan dosa besar']. Pada hari mahsyar, syafaat akan terbahagi lima bentuk;

Pertama, pada hari kiamat, orang-orang yang berdosa yang lelah dengan keramaian dan menunggu terlalu lama, akan meraung dan menuntut supaya hisab dilakukan secepat mungkin. Maka, akan ada syafaat untuk hal ini.

Kedua, akan ada syafaat bagi menyegerakan serta memudahkan persoalan-persoalan dan hisab.

Ketiga, akan ada syafaat agar orang beriman yang berdosa tidak jatuh dari sirat ke neraka dan terpelihara dari azab neraka.

Keempat, akan ada syafaat bagi orang beriman yang mempunyai banyak dosa yang ingin keluar daripada neraka.

Kelima, walaupun di syurga mempunyai nikmat yang tidak berkesudahan, ia mempunyai lapan darjat. Setiap darjat dan kedudukan tersebut bergantung kepada keimanan dan amalan. Justeru, akan ada

syafaat bagi orang-orang di syurga untuk naik darjat.

Syurga dan neraka telah wujud sekarang. Syurga berada di atas langit ketujuh. Neraka berada di bawah segala-galanya. Terdapat lapan tingkatan syurga dan tujuh tingkatan neraka. Syurga lebih besar daripada bumi, matahari dan langit. Neraka itu lebih besar daripada matahari.

6- Yang keenam daripada enam perkara yang wajib diimani; **iaitu beriman kepada qadar, kebaikan dan keburukan itu daripada Allah ta'ala**. Segala kebaikan dan keburukan, manfaat dan kerugian, untung rugi yang datang kepada manusia adalah atas kehendak Allah ta'ala. **Qadar** dari sudut bahasa bermaksud mengukur kepelbagaian, perintah dan hukum. Juga juga bermaksud kepelbagaian dan kebesaran. Kehendak Allah ta'ala iaitu wujudnya sesuatu sejak azali dinamakan qadar (takdir). Qadar yang mempunyai perkara yang diinginkan disebut **Qadha**. Perkataan qadha dan qadar juga digunakan secara bergantian. Sehubungan dengan itu, qadha bermaksud kehendak Allah ta'ala bagi perkara-perkara semenjak azali dan bersifat abadi. Penciptaan semua perkara dalam konteks qadha, takdir yang dikehendaki Allah, tidak kurang mahupun lebih. Allah ta'ala maha mengetahui segala sesuatu yang akan terjadi dari azali lagi dan selama-lamanya dan ilmulah dinamakan sebagai qadha dan qadar. Ahli falsafah kuno memanggilnya al-inayah al-'azaliyah (nikmat abadi). Semua makhluk wujud dari qadha tersebut. Sebagai suatu ilmu yang dari azali, sesuatu perkara yang wujud dikenali qadha dan qadar. Dalam mengimani qadar, seseorang itu mesti mengetahui dan meyakini dengan baik bahawa jika Allah ta'ala berkehendak dari azali untuk menciptakan sesuatu, maka sesuatu itu memang harus ada sama seperti yang Dia kehendaki tanpa kurang atau lebih. Mustahil bagi perkara yang Dia kehendaki wujud tidak berlaku dan perkara yang Dia tidak ingini wujud akan wujud.

Semua haiwan, tumbuh-tumbuhan mahupun makhluk yang tidak bernyawa [pepejal, cecair, gas, bintang, molekul, atom, elektron, gelombang elektromagnet; ringkasnya setiap makhluk yang bergerak, mempunyai fizikal, tindakan balas kimia, tindak balas nuklear, pertukaran tenaga, aktiviti fisiologi dalam benda hidup] sama ada segala-galanya ada atau tidak, baik buruknya pada perbuatan hamba, melihat azab mereka di dunia dan di akhirat dan segala-galanya wujud dalam ilmu Allah ta'ala semenjak azali. Allah ta'ala menciptakan semua perbuatan baik dan buruk manusia, menjadi Muslim, kekufuran mereka, semua amal suka atau tidak suka. Dia sahaja yang menciptakan dan Dialah yang menciptakan segala

yang menyebabkan wujud (**semua perkara wujud melalui sebab**).

Sebagai contoh, api bersifat membakar. Namun, hakikatnya Allah ta'ala ialah zat yang menciptakan pembakaran. Api tiada memiliki apa-apa untuk membuat perlakuan membakar. Walau bagaimanapun, secara adatnya menunjukkan sedemikian sehinggakan bahawa sekiranya api tidak menyentuh sesuatu, ia tidak akan mencipta pembakaran. [Api tidak melakukan apa-apa selain memanasaknya ke suhu penyalan. Bukan api yang memberikan karbon, hidrogen, dalam struktur badan organik untuk bergabung dengan oksigen dan menyediakan pergerakan elektron. Mereka yang tidak dapat melihat kebenaran menganggap bahawa api sedang melakukan hal ini. Bukan api, atau oksigen, atau gerakan elektron yang membakar atau membuat reaksi pembakaran ini. Yang membakar hanyalah Allah ta'ala. Dia yang menciptakan semua ini sebagai penyebab terbakar. Orang yang jahil akan berfikir bahawa api membakar. Seseorang yang telah tamat sekolah rendah tidak menyetujui pernyataan 'api membakar'. Dia mengatakan, 'udara membakar' dan seseorang yang sudah tamat sekolah menengah pun tidak boleh menerimanya. Dia mengatakan, 'oksigen di udara membakar'. Seorang pelajar lain yang tamat sekolah menengah juga mengatakan bahawa pembakaran bukan hanya oksigen bahkan setiap unsur yang menarik elektron akan terbakar. Jika dia seorang pelajar universiti, dia akan mengambil kira tenaga dan jirim. Kelihatan bahawa semakin seseorang itu tahu, semakin dia dekat ke bahagian dalam sesuatu masalah dan menyedari bahawa terdapat banyak sebab di sebalik perkara yang dianggap sebagai punca. Para Nabi 'alaihissallam' yang berada pada tahap ilmu dan sains tertinggi, melihat kebenaran ini sepenuhnya, dan ulama Islam 'rahimahumullah' yang mengikuti jejak langkah para Nabi, mencapai keasyikan dalam lautan ilmu, mengatakan bahawa perkara-perkara yang dianggap menjadi pembakara atau konstruktif pada waktu ini adalah alat penyebab yang tidak mampu dan buruk yang ditempatkan sebagai perantara oleh Sang Pencipta yang Agung]. Allah ta'ala sendirilah zat yang melakukan pembakaran. Dia juga dapat membakar tanpa api, namun, ia sudah menjadi adatNya membakar dengan api. Jika Allah berkehendak untuk tidak terbakar, ia tidak akan terbakar dalam api. Allah tidak membakar nabi Ibrahim 'alaihissallam' di dalam api, kerana Dia sangat menyayanginya, Dia memutuskan adatNya. [sebenarnya, Dia juga yang mencipta bahan yang menghalang api daripada terbakar. Bahan-bahan ini ditemui oleh ahli kimia].

Seandainya Allah ta'ala menghendaki, Dia akan menciptakan segala sesuatu tanpa sebab. Membakar tanpa api, berasa kenyang tanpa makan, membuat kita terbang tanpa kapal terbang, mendengar sesuatu yang jauh tanpa radio. Namun, Dia memberikan manusia kemampuan untuk membuat segala sesuatu dengan perantara (asbab). Dia berkehendak menciptakan hal-hal tertentu melalui perantara tertentu pula. Dia menyembunyikan kuasaNya di balik perantara. Dia yang menghendaki sesiapa menciptakan sesuatu sesuai dengan kemampuannya dan dengan demikian dapat memperolehnya. [Yang mahu menyalakan lampu pakai mancis. Mereka yang ingin mengestrak minyak zaitun menggunakan mesin menghancurkan. Seseorang yang sakit kepala akan menggunakan aspirin. Mereka yang ingin ke syurga dan mendapat rahmat yang tidak berkesudahan akan mengikut Islam. Sesiapa yang menembak dirinya sendiri dengan pistol akan mati. Sesiapa yang meminum racun akan mati. Jika anda meminum air semasa berpeluh, anda akan jatuh sakit. Sesiapa yang berbuat dosa dan menolak keimanan akan masuk neraka. Walau apa pun alasan atau asbab yang diambil oleh semua orang, dia akan mendapat apa yang perantara itu lakukan. Seseorang yang membaca buku orang Islam dan belajar tentang Islam, akan menyukainya dan menjadi seorang Muslim. Sesiapa yang tinggal dalam kalangan orang-orang tidak beragama dan tidak bermazhab, dan mendengar kata-kata mereka, dia akan menjadi jahil tentang agama. Kebanyakan orang yang jahil agama menjadi kafir. Di mana sahaja seseorang yang menaiki kenderaan, dia akan sampai ke tempat yang ditujunya].

Apabila kebenaran terserlah, segala pekerjaan akan menjadi mudah,

Asbab menjadi manusiawi, (ialah dengan hanya) satu detik memberikan ihsan.

Seandainya Allah ta'ala tidak menciptakan perbuatan-perbuatanNya dengan asbab, tidak ada seorang pun yang memerlukan antara satu dengan lain. Setiap orang menghendaki segala-galanya daripada Allah ta'ala, dia tidak akan memohon apa-apa pun. Dalam hal ini, tidak akan ada hubungan dengan orang atasan, pegawai, pekerja, pembuat, pelajar, guru dan ramai lagi golongan dalam kalangan manusia, dan susunan dunia dan akhirat akan rosak. Tidak akan ada perbezaan antara yang cantik dan jelik, baik dan buruk, setia dan derhaka.

Sekiranya Allah ta'ala menghendaki, Dia akan melakukan adatnya secara berbeza. Dia menciptakan segala sesuatu sesuai dengan adatnya. Sebagai contoh, jika Dia menghendaki, Dia akan memasukkan orang-orang kafir, orang-orang yang asyik dengan dunia dan mencintai kesenangan,

orang-orang yang menyakiti dan membuat tipu daya kepada manusia ke dalam syurga sebaliknya mereka yang beriman, beribadah dan berbuat baik akan dimasukkan ke dalam neraka. Namun, ayat-ayat al-Quran dan hadis asy-Syarif menunjukkan bahawa Allah tidak berkehendek sebegitu.

Dialah zat yang menciptakan segala perbuatan manusia, iaitu pilihan atau sukarela dan terpaksa serta gerak-geri manusia. Dia telah menciptakan **ikhtiyar** (pilihan) dan **iradah** (kemahuan) dalam diri hamba-hambaNya agar hamba-hambaNya mencipta sesuatu kerelaan dari diri mereka, iaitu tindakan dan perbuatan yang disengajakan, dan Dialah yang menyebabkan pilihan dan keinginan ini bagi mencipta perbuatan manusia. Apabila seorang hamba memilih untuk melakukan sesuatu atau ketika dia berkehendak, Allah ta'ala juga menciptakan pekerjaan tersebut. sekiranya hamba itu tidak mahu atau tidak berkehendak, maka Allah ta'ala tidak berkehendak dan tidak akan menciptakan perkara tersebut. perkara itu bukan dicipta hanya dengan kehendak hamba, bahkan Dia juga menciptakan jika Dia kehendaki. Allah ta'ala menciptakan amal perbuatan hamba-hambaNya, sama seperti ketika api menyentuh sesuatu, maka ia akan membakar benda tersebut, dan jika api tidak menyentuhnya, ia tidak akan terbakar. Apabila bila menyentuh, ia menghasilkan potongan. Namun, bukan pisau yang memotong, tetapi Dialah yang menyebabkan pisau itu menghiris. Ia bermaksud, Dia mencipta tindakan sukarela seorang hamba kerana mempunyai asbab, keutamaan mereka untuk tindakan dan kehendak mereka. Namun, gerak geri di alam ini tidak bergantung pada pilihan manusia melainkan ia diciptakan atas sebab-sebab lain hanya apabila Allah ta'ala menghendakinya. Hanya Dia yang menciptakan zat, sifat dan pergerakan segala sesuatu, termasuk matahari, zarah, titisan, sel, mikrob dan atom. Tiada pencipta selain Allah ta'ala. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara gerakan benda mati dengan tindakan pilihan dan sukarela manusia dan haiwan; apabila manusia dan haiwan memilih, mengutamakan, dan menghendaki sesuatu tindakan, maka Allah ta'ala juga berkehendak. Dia menjadikan tindakan manusia atau haiwan itu bertindak dan Dialah yang menciptakan tindakan mereka.[setiap pergerakan seseorang dihasilkan oleh banyak keadaan fizikal dan kimia]. Tidak ada pilihan (**ikhtiyar**) dalam pergerakan benda yang tidak bernyawa. Allah ta'ala menciptakan sifat membakar apabila api bersentuhan dengan sesuatu, dan ia bukanlah disebabkan oleh kehendak dan pilihan api untuk membakar²⁷.

27 [Dia juga menghendaki dan mewujudkan keinginan yang baik dan bermanfaat dari ham-

Perbuatan pilihan manusia terjadi dari dua perkara; Pertama, pilihan hatinya yang melibatkan kehendak dan kemampuan. Oleh yang demikian, gerak geri manusia tersebut disebut sebagai **kasb**²⁸ yang mana ia merupakan suatu sifat manusia. Kedua, adalah terjadi dengan ciptaan Allah ta'ala. Perintah, larangan, pahala dan azab Allah ta'ala adalah dengan kerana adanya **kasb** dalam diri manusia. Dalam ayat kesembilan puluh enam (96) dalam surah **as-Saffat**, Allah ta'ala berfirman; “**Walhal Allah yang menciptakan kamu dan perkara-perkara yang kamu lakukan itu**”. ayat ini menunjukkan bahawa manusia mempunyai banyak kasb, iaitu pilihan hati dan **Iradah Juz'iyah** dalam perbuatannya. Ia jelas membuktikan bahawa tiada paksaan dalam tindakan manusia dan kerana itulah ia dipanggil ‘**perbuatan manusia**’. Contohnya, Ali memukul dan mematahkan. Begitu juga ia mendedahkan bahawa segala-galanya dicipta secara kebetulan dan bersama takdir.

Dalam penciptaan perbuatan manusia, pertama sekali, hati manusia tersebut harus memilih dan menghendaknya. Manusia menghendaki tindakan yang termampu oleh dirinya. Kehendak atau keinginan ini disebut **kasb**. Almarhum ‘Amidi mengatakan bahawa kasb menyebabkan dan mempengaruhi penciptaan sesuatu. Namun, tidak salah untuk mengatakan bahawa kasb ini tidak memberi kesan kepada pilihan perbuatan. Hal yang demikian kerana perbuatan yang dicipta dan perbuatan yang manusia inginkan tidak berbeza. Maksudnya, manusia tidak boleh melakukan apa sahaja yang dia kehendaki. Maka, mereka tidak dapat berbuat semahunya kerana perkara-perkara yang tidak dia inginkan boleh terjadi. Jika manusia melakukan apa pun yang dia ingkandan jika segalanya yang tidak dia inginkan tidak akan terjadi, maka dia tidak akan menjadi seorang manusia,

ba-hambanya yang dikasihi dan dikasihi-Nya. Dia tidak mahu dan tidak mencipta keinginan buruk dan berbahaya mereka. Perkara yang baik dan bermanfaat sentiasa datang dari hamba-hamba ini. Mereka kecewa kerana banyak kerja mereka tidak disiapkan. Jika mereka berfikir dan memahami bahawa perkara-perkara ini tidak dicipta kerana ia berbahaya, mereka tidak akan kecewa sama sekali. Untuk ini, mereka akan bergembira dan bersyukur kepada Allah ta'ala. Allâhu ta'âlâ telah menghendaki dan menghendaki agar manusia tidak membuat amalan-amalan kerelaan dan kerelaan mereka setelah hati mereka rela dan berkehendak. Jika Dia tidak menghendaki seperti itu dalam kekekalan, Dia akan sentiasa memaksa tindakan rela kita, tanpa kehendak kita. Hakikat bahawa dia mencipta kerja-kerja rela kita selepas kita bertanya kepadanya adalah kerana dia menginginkannya seperti itu dalam kekekalan. Maksudnya, kehendak-Nya berlaku].

28 Ikhtiar seseorang untuk sesuatu yang berguna atau menyenangkan, seperti memperoleh kekayaan.

melainkan akan menjadi seseorang yang mengaku sebagai Tuhan. Allah ta'ala telah memberikan hambaNya rahmat dan membantu manusia ciptaanNya dan memberi mereka daya dan upaya (tenaga) sebanyak yang mereka perlukan bagi mematuhi perintah dan larangan. Sebagai contoh, seseorang yang sihat mempunyai wang boleh pergi mengerjakan haji sekali dalam hidupnya; dia dapat berpuasa (disiang hari) selama sebulan dalam setahun ketika dia melihat anak bulan ramadhan di langit; dia boleh menunaikan solat lima waktu, iaitu solat fardhu dalam tempoh 24 jam; seseorang yang mempunyai harta dan wang yang banyak boleh menyimpan satu perempat puluh (2.5%) daripada jumlah emas dan perak dan memberikan zakat kepada orang Islam selepas cukup satu tahun Hijrah. Ia dilihat bahawa seseorang boleh melakukan kerja sukarelanya jika dia mahu, atau jika dia tidak mahu, dia tidak melakukannya. Kebesaran Allah ta'ala dapat difahami melalui hal ini. Mereka yang jahil dan tidak tahu, tidak akan mempercayai kata-kata ulama ahli Sunnah kerana mereka tidak dapat memahami ilmu qadha dan qadar. Mereka meragui kuasa dan pilihan manusia. Mereka beranggapan bahawa manusia tidak mampu dan terpaksa melakukan perbuatan-perbuatannya. Dengan melihat bahawa dalam beberapa perkara, manusia tidak mempunyai pilihan, mereka menghina ahli Sunnah. cara pandang yang salah ini menunjukkan bahawa mereka memiliki kehendak dan pilihan.

Perbuatan berkuasa iaitu yang mampu melakukan sesuatu atau tidak disebut sebagai **Kudrah**. Manakala, perbuatan memilih untuk melakukan atau tidak melakukan dipanggil **Ikhtiar**. Perbuatan berkehendak untuk melakukan apa yang menjadi pilihan disebut sebagai **Iradah**. Perbuatan menerima dan menyukai sesuatu pekerjaan disebut sebagai Redha. Penyatuan kudrah dan iradah dalam suatu kejadian, dengan syarat ia mempunyai kesan ke atas perbuatan tersebut, maka **khalq** (penciptaan) terjadi. Hakikat bahawa mereka bersatu tanpa mempunyai efek atau kesan disebut sebagai **kasb**. Sesiapapun yang memilih melakukan sesuatu tidak harus menjadi pencipta kepada perlakuan tersebut. begitu juga, tidak semestinya segala sesuatu yang diinginkan merupakan sesuatu yang diberikan persetujuan. Allah ta'ala yang menjadi Khaliq (pencipta) dan Mukhtar (yang maha memiliki pilihan), dan manusia disebut kasb (yang memproses perolehan) dan mukhtar (yang memiliki pilihan).

Allah ta'ala menghendaki dan menciptakan ketaatan dan dosa atas hambaNya. Walau bagaimanapun, Allah ta'ala meredhai akan ketaatan,

bukan kepada dosa yang mana Dia tidak menyukainya. Segala sesuatu wujud dengan kehendak dan ciptaanNya. Dalam ayat keseratus dua (102) surah al-An'am, Allah berfirman; “ **Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menciptakan tiap-tiap sesuatu....**”.

Mereka yang bermazhab **Muktazilah** yang tidak dapat melihat perbezaan antara iradah dan redha, keliru dan berkata bahawa manusia mampu mencipta perbuatan yang dia kehendaki. Mereka mengingkari qadha dan qadar. Aliran Jabariyah pun keliru; mereka tidak dapat memahami adanya kemungkinan pilihan tanpa penciptaan. Dengan memikirkan bahawa tidak ada pilihan pada manusia, mereka telah menyamakan manusia seperti batu dan kayu. Bagi mereka, manusia tidak menanggung dosa. Mereka mengatakan bahawa segala kejahatan telah dijadikan oleh Allah ta'ala. Seperti yang disebut juga oleh aliran **Jabariyah**, jika manusia tidak mempunyai kehendak dan pilihan pada manusia dan jika Allah ta'ala yang memaksa mereka melakukan kejahatan dan dosa, nescaya tidak akan ada perbezaan antara gerak geri manusia yang diikat dan berguling turun dari gunung dengan orang yang turun dengan berjalan dan melihat sekelilingnya. Hal yang demikian menunjukkan orang yang pertama tadi terpaksa berguling kerana adanya paksaan dan yang kedua turun dengan kehendak dan pilihan. Mereka yang tidak dapat melihat perbezaan antara dua contoh tersebut mempunyai pemikiran yang dangkal dan mereka tidak percaya kepada ayat al-Quran al-Karim. mereka menganggap perintah dan larangan Allah ta'ala sebagai perkara yang tidak penting dan tidak kena pada tempatnya. Sebagaimana yang diyakini mazhab Muktazilah atau Qadariyah (fatalisme), mereka menyangka manusia mencipta apa sahaja yang dia kehendaki adalah hakikatnya mereka tidak beriman kepada ayat; “**Allah ta'ala sendirilah yang maha menciptakan segalanya**”, yang sama maksudnya dengan manusia menjadi sekutu dengan Allah ta'ala dalam perbuatan mencipta.

Kaum Syiah, seperti Muktazilah, mengatakan bahawa manusia mencipta perbuatan yang mereka kehendaki. Mereka menggambarkan bahawa seperti seekor keldai tidak akan menyeberangi sungai walau sekalipun ia dipecut. Mereka tidak pernah berfikir bahawa jika seseorang itu hendak melakukan sesuatu, sekiranya Allah ta'ala tidak menghendakinya, maka apa yang dikehendaki Allah ta'ala akan berlaku dan dalam keadaan ini argumen Muktazilah tersebut adalah salah. Ia bermaksud, manusia tidak

boleh melakukan atau mencipta apa sahaja yang dia kehendaki. Sekiranya ia berlaku seperti yang dikatakan oleh mereka, maka Allah ta'ala menjadi tidak mampu dan gagal. Sedangkan Allah ta'ala jauh daripada sifat ketidakmampuan. Hanya yang Dia kehendaki yang akan terjadi dan Dialah satu-satunya Zat yang menciptakan segalanya. Sangat menjijikkan ketika mana ada manusia berkata atau menulis seperti; “Manusia menciptakan itu; “Kita menciptakan itu” atau “Mereka menciptakan itu”. Ia menjadi satu perkara kurang adab kepada Allah ta'ala dan menyebabkan kekufuran.

[Tindakan sukarela manusia terjadi melalui banyak peristiwa fizik, kimia dan fisiologi yang tidak berlaku atas kehendak mereka sendiri atau bahkan tanpa pengetahuan mereka. Seorang Saintis yang memahami kehalusan ini akan malu dengan tindakan sukarelanya sendiri, bukan sahaja dengan mengatakan (saya yang melakukannya), apatah lagi mengatakan (saya yang menciptakannya) tentang tindakan pilihannya. Dia akan merasa malu kepada Allah ta'ala. Mereka yang cetek pengetahuan, pemahaman dan tatasusila, bagaimanapun, tidak berasa malu untuk mengatakan apa pun dan di mana pun. Ini merupakan sifat kurang adab dengan Allah ta'ala dan inilah yang menyebabkan ke kafiran.

Allah ta'ala mengasihani semua manusia di dunia ini. Dia yang menciptakan perkara yang diperlukan dan mengirimbkannya kepada semua orang. Dia dengan jelas menyatakan apa yang perlu manusia lakukan agar mereka dapat hidup dengan selesa dan tenteram di dunia dan mendapat kebahagiaan yang kekal di akhirat. Dia memberikan petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki di antara mereka yang meninggalkan jalan yang benar dan mengikuti jalan kufur sebagai akibat tertipu oleh nafsu mereka sendiri, teman-teman yang buruk, buku-buku dan media yang berbahaya. Dia akan menarik manusia ke arah yang benar. Dia tidak akan memberikan rakmat kepada mereka kejam dan melampaui batas. Dia akan meninggalkan mereka dalam lingkungan kekafiran di mana mereka jatuh dan sebagaimana yang mereka suka dan inginkan].

Terjemahan bagi kitab (**I'tikadname**) telah pun sempurna. Terjemah ini dilakukan oleh Hj. Faizullah yang berasal dari bandar Kemah di Erzincan. Beliau bekerja sebagai Professor di Söke selama bertahun-tahun, dan meninggal dunia pada tahun 1323 [m.1905]. Pengarang buku iaitu Maulana Halid al-Baghdadi Uthman lahir di kota Sehrezur di utara Baghdad pada tahun 1192 [Beliau meninggal dunia di Samda pada tahun 1826]. Disebabkan Uthman al-Zunnurain berasal dari susur galur 'radhiyallahu

‘anh’, beliau dipanggil Uthmani. Semasa saudaranya Maulana Mahmud Sahib sedang mengajar hadis kedua dalam kitab Imam an-Nawawi (**Hadis Arbain**) dan hadis yang terkenal dengan nama **Hadis al-Jibrail**, Maulana Mahmud as-Sahib meminta abangnya untuk menulis penerangan tentang hadis ini. Bagi menggembarakan hati adiknya, Maulana Khalid rahmatullah alaih mengabulkan permintaan tersebut dan menjelaskan hadis ini dalam bahasa Parsi.

*Bangun, buka mata, minda, berdoa kepada Tuhan yang indah!
 Jangan sekali-kali meninggalkan jalan anda, berdoa kepada Tuhan yang indah!
 Lakukan solat lima waktu setiap hari, berpuasa di bulan Ramadhan!
 Kalau banyak harta, zakatlah, mohon pada Allah yang indah!
 Suatu hari, mata ini tidak melihat, dan telingamu tidak mendengar,
 Peluang ini tidak boleh dilepaskan, berdoa kepada Tuhan yang indah!
 Anggaplah kesihatan sebagai harta rampasan, anggaplah setiap jam sebagai berkat,
 Patuhi perintah anda, berdoa kepada Tuhan yang indah!
 Jangan sia-siakan hidupmu, jangan berikan kekuatan pada jiwamu,
 Bangun! Jangan lalai, mohon pada Tuhan yang indah!
 Walaupun banyak dosa, jangan putus asa.
 Keampunan melimpah ruah, mohon pada Tuhan yang indah!
 Rahmat-Nya pada waktu subuh datang ke setiap negeri,
 Sampai masa, hati anda akan terubat, berdoa kepada Tuhan yang indah!
 Ingatlah nama Allah, muliakan jiwa dan hatimu,
 Menangis seperti burung bulbul, berdoa kepada Tuhan yang indah!*

SURAT DARIPADA SYARIFUDDIN MUNIR ‘RAHIMAHULLAHU TA’ALA’ (Kelaziman berpegang kepada asbab)

Syarifuddin Ahmad bin Yahya Muniri (meninggal pada tahun 782 H/1380M) merupakan salah seorang ulama besar Islam yang dibesarkan di India, menyatakan dalam surat ke-18 daripada bukunya, **Maktubat**:

Kebanyakan orang salah bertindak dengan dasar keraguan dan khayalan. Ada di antara mereka yang berprasangka salah dan berkata, “Allah ta’ala tidak memerlukan ibadat kita. Ibadat kita tidak berguna bagiNya. Ibadah atau munkarnya manusia sama dengan kebesaranNya. Maka, orang yang beribadah ini hanya menyusahkan dan sia-sia”. Pandangan seperti ini adalah salah. Mereka berkata sedemikian kerana mereka tidak mengenali Islam. Mereka berpegang bahawa ibadat itu memberi manfaat kepada Allah ta’ala dan mereka diperintahkan untuk melakukannya. Hakikatnya, adalah sangat salah untuk berfikir seperti itu. ia mengandaikan bahawa perkara yang mustahil berlaku. Manfaat ibadah setiap orang hanyalah untuk dirinya sendiri. Allah ta’ala dengan jelas memberitahu hal ini dalam ayat ke lapan belas surah **al-Fatir**. Sesiapa yang beranggapan salah adalah seperti pesakit yang tidak menjaga dietnya (pemakanan). Memang benar katanya bahawa ia tidak akan memudaratkan doktor. Tetapi dia mencederakan dirinya sendiri. Doktor menasihatinya supaya menjaga dietnya bukan kerana ia bermanfaat untuknya, tetapi untuk menghilangkan penyakit. Jika dia mengikut nasihat doktor, dia akan mendapat kesembuhan. Jika dia tidak mematuhi, dia akan mati dan sudah tentu ia tidak merugikan sedikitpun kepada doktor tersebut.

Ada di antara mereka yang mempunyai pemikiran yang salah, langsung tidak beribadat, tidak menjauhi yang haram iaitu tidak mengikut acuan Islam. Mereka berkata, “Allah Maha pengasih, maha Penyayang. Dia sangat mengasihi hamba-hambaNya. keampunanNya tidak terhingga. Dia tidak akan menghukum sesiapa pun”. Ya, pernyataan pertama mereka benar, tetapi salah pada pernyataan akhir. Di sini syaitan sedang menipu membawa mereka kepada kesesatan. Orang yang waras tidak akan tertipu oleh tipu daya syaitan. Kerana Allah ta’ala bukan sahaja maha penyayang, bahkan Allah ta’ala juga akan mengazab dengan sangat keras dan pedih. Di dunia ini, kita melihat bahawa Allah menjadikan ramai orang hidup dalam kemiskinan dan kesusahan. Dia membuat ramai hambaNya hidup

dalam seksaan tanpa sebarang keraguan. Walaupun Dia maha pemurah dan ar-Razzak, Dia tidak memberikan sekeping roti pun ketika kesulitan dalam pertanian yang tidak ditangani dengan baik. Walaupun Dia yang menghidupkan setiap orang, Dia tidak memelihara orang yang makan dan minum. Dia tidak menyembuhkan pesakit yang tidak memakan ubat. Dia telah mencipta sebab untuk semua nikmat dunia seperti sebab untuk hidup, tidak sakit dan memiliki harta; Terdapat dua bahagian ubat, iaitu ubat fizikal dan maknawi. Ubat maknawi yang menyembuhkan segala penyakit adalah bersedekah dan berdoa. Terdapat dua hadis yang masyhur iaitu '**Ubat sakitmu dengan bersedekah!**' dan '**Ubat yang akan merawat segala jenis penyakit adalah beristighfar!**'. Ubat fizikal pula sangat banyak. Mereka dapat memahaminya melalui pengalaman. Penggunaan ubat maknawi hakikatnya dapat membantu dan menemukan ubat-ubat fizikal. Begitu jugalah seperti memperoleh nikmat-nikmat akhirat. Kufur ialah satu racun yang membunuh hati dan jiwa. Kemalasan juga menyebabkan penyakit jiwa. Sekiranya tidak diberikan ubat, maka jiwa akan sakit seterusnya mati. Satu-satunya ubat bagi kekufuran dan kejahilan ialah ilmu dan makrifah. Ubat bagi kemalasan pula adalah melakukan ibadah dan mendirikan solat. Jika seseorang di dunia ini meminum racun dan mengatakan 'Allah itu penyayang, Dia akan melindungi aku daripada bahaya racun', dia akan sakit lalu mati. Jika seseorang yang mengalami cirit-birit meminum minyak kelapa, [sekiranya pesakit diabetes memakan manisan dan pastri], pasti bertambah sakit. Oleh kerana badan manusia itu lembut, diperlukan banyak barang-barang keperluan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Adalah amat sukar untuk mencari dan menyediakannya agar dapat menggunakan mengikut Islam. Bagi melakukan kerja-kerja ini dengan mudah dan selesa, satu kekuatan lain yang dipanggil **Nafs** telah dicipta pada manusia. Haiwan-haiwan tidak memerlukan kekuatan ini untuk diwujudkan pada diri mereka. Nafsu tersebut memerlukan keperluan fizik dan ia suka melakukan hal-hal seperti itu secara berlebihan. keinginan jiwa pula disebut **syahwat**. Perkara menjadikan syahwat lebih daripada keperluan tanpa bimbingan akal akan memberikan mudarat kepada hati, badan dan tempat-tempat lain dan mendapat dosa. Sila rujuk pada muka surat 32 **Sa'adat Abadiyah!**.

Sebahagian daripada pemikiran salah menjalankan Riyadhah dengan penderitaan kelaparan. Justeru, mereka ingin melenyapkan keinginan nafsu, amarah (ghadab) dan hiburan yang tidak disukai oleh Islam. Mereka

beranggapan Islam membantras semua perkara itu. setelah menderita untuk waktu yang lama, mereka memandang bahawa nafsu syahwat mereka tidak hilang, dan mereka menyangka bahawa Islam telah memerintahkan apa yang tidak boleh dilakukan. Mereka berkata; “Perintah Islam ini tidak boleh dilakukan. Manusia tidak dapat membuang sifat-sifat yang biasa terdapat pada dirinya. Berusaha menghilangkannya adalah seperti cuba memutihkan orang berkulit hitam. Berusaha melakukan sesuatu yang tidak boleh berlaku adalah perkara sia-sia sahaja”. Mereka berfikir dan bertindak dengan cara yang salah. Walhal, mengatakan bahawa Islam telah memerintahkan sebegitu merupakan sebuah kejahatan dan kebodohan kerana Islam tidak menyuruh memusnahkan amarah (sifat marah), nafsu dan sifat-sifat manusia yang lain. Berkata sedemikian adalah memfitnah Islam. Sekiranya Islam memerintahkan demikian, sifat-sifat ini tidak akan ditemui pada Muhammad ‘alaihi salam’, Penghulu sekalian Nabi. Baginda sallallahu alaihi wassallam pernah bersabda, “**Aku juga manusia biasa. Aku juga marah seperti orang lain**”. Di dalam al-Quran, menerusi ayat seratus tiga puluh empat surah Ali Imran, Allah ta’ala memuji orang yang **mengatasi marahnya**. Dia tidak memuji orang yang tidak marah. Amat bersalahan jika orang yang bersangka buruk mengatakan manusia harus menghancurkan nafsunya. Hakikatnya, Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam mengahwini sembilan isteri ‘radiyallahu ta’ala anhunna’ jelas menunjukkan kenyataan ini adalah salah. Jika nafsu seseorang itu hilang, dia harus mendapatkannya kembali melalui ubat. Begitu juga dengan perihal marah; seseorang dapat melindungi isteri dan anak-anaknya dengan adanya sifat marah tersebut. dia juga memerangi musuh Islam dengan bantuan sifat ini. Seseorang yang memiliki anak adalah kerana hawa nafsu dan akan diingat dengan kemuliaan serta kehormatan setelah dia meninggal. Inilah perkara-perkara yang dipuji, disukai oleh Islam.

Islam tidak menyuruh membinasakan hawa nafsu dan amarah, tetapi menyuruh kedua-duanya digunakan mengikut agama. Hal yang demikian, samalah seperti dengan perlunya penunggang kuda ataupun pemburu yang tidak jauh dari kudanya atau anjingnya namun menjinakkannya bagi memanfaatkannya. Dengan kata lain, nafsu dan amarah seperti anjing pemburu dan kuda milik penunggang kuda. Tanpa kedua-dua hal ini, kenikmatan di hari akhirat tidak dapat diburu. Namun, untuk mendapatkan manfaat daripada kedua-duanya, ia pasti digunakan mengikut acuan agama dengan melatih menundukkankeduanya. Jika keduanya tidak dilatih, ia

akan menjadi berlebihan dan melewati batas agama dan membawa manusia kepada bencana. **Riyadah** bukanlah bermaksud memusnahkan kedua sifat ini, tetapi melatih keduanya dan membolehkan keduanya mengikut agama Islam dan melakukan hal ini adalah mungkin bagi semua orang. Ini bukanlah tamadun menggunakan tenaga atom atau membuat benda seperti pesawat jet. Tamadun menggunakan keduanya untuk berkhidmat kepada manusia dan ini akan dicapai dengan mengikuti Islam.

Adapun bahagian keempat daripada pemikiran keliru ialah mereka menipu diri sendiri dengan mengatakan ‘semuanya telah ditakdirkan. Sebelum anak-anak dilahirkan ke dunia, telah ditentukan dia akan menjadi **sa’id** (yang bahagia dan layak memasuki syurga) atau **syaqi** (yang sengsara dan layak masuk neraka). Hal ini tidak berubah selepas itu. Oleh itu, tidak ada gunanya beribadat’. Begitulah yang dikatakan oleh Ashabul Kiram, apabila Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam menjelaskan bahawa qadha dan qadar tidak berubah dan bahawa segala-galanya telah ditakdirkan dari azali: “Mari kita percayakan pada zaman azali dan tidak melakukan ibadah”. Rasulullah sallallahu alaihi wa sallam berkata kepada sahabat-sahabat; **“Tetaplah lakukan ibadah! Akan mudah untuk melakukan apa yang telah ditakdirkan untuknya di zaman ‘azali”**. Ertinya, sesiapa yang Allah ta’ala kenalkan sebagai Sa’id pada azali lagi, ia akan melakukan perbuatan-perbuatan yang sa’id di dunia. Daripada pernyataan ini difahami bahawa orang-orang yang telah digelar sebagai Sa’id sejak dari azali, mereka melakukan ibadah dan orang-orang yang dikenali sebagai Syaqi, sengsara menentangNya, sama dengan fakta bahawa orang telah ditakdirkan hidup sihat mengambil makan dan ubat-ubatan dan mereka yang telah ditetapkan untuk sakit atau mati tidak makan dan mengambil ubat. Tidak mungkin seseorang mati kelaparan atau berpenyakit, yang telah ditakdirkan pada masa lalu, untuk menerima makanan atau ubat. Jalan mencari rezeki dibuka kepada mereka yang telah ditakdirkan untuk menjadi kaya. Mereka yang ditakdirkan mati di timur, akan ditutupkan jalan ke barat. seperti yang didengarkan kisah kepada kami, ketika Izrail ‘alaihissalam datang kepada Nabi Sulaiman ‘alaihissalam, dia memandang salah seorang yang duduk dengan penuh perhatian. Orang tersebut takut dengan pandangan tajam malaikat itu. Apabila Izrail ‘alaihissalam beredar, dia meminta kepada Nabi Sulaiman ‘alaihissalam untuk memerintahkan angin membawa dia ke salah satu di barat dan boleh lari dari Izrail. Ketika Izrail datang kembali, Sulaiman ‘alaihissalam bertanya mengapa di merenung wajah

lelaki tersebut dengan pandangan yang sangat tajam. Izrail ‘alaihissalam berkata; “Aku diperintahkan untuk mencabut nyawa orang tersebut di salah satu kota di barat pada satu jam kemudian”. Apabila aku melihatnya berada di sebelahmu, aku memandang dengan hairan. Namun, aku pergi ke barat untuk menjalankan perintah (Allah), aku melihatnya di sana dan mengambil nyawanya”. [kisah ini ditulis panjang lebar dalam **Masnawi** oleh Jalaluddin ar-Rumi rahimahullah ta’ala²⁹]. Seperti yang dapat dilihat, takdir yang semenjak azali ialah bukan sebuah perintah tetapi sebuah ilmu. Orang tersebut takut dengan Izrail sehingga takdir dari azali menjadi kenyataan dan Nabi Sulaiman ‘alaihissalam menurutinya. Takdir azali hakikatnya dipenuhi melalui rantai sebab. Demikian pula, mungkin bagi seseorang yang digelar dengan Sa’id sejak pada kenyataan azali itu beriman dan memperbaiki tabiat buruknya dengan ketaatan. Dalam ayat ke seratus dua puluh lima [125] surah **al-An’am** dinyatakan; **“Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam”**. Seseorang yang digelar Syaqi pada azali, iaitu yang ditakdirkan ke neraka berkata, “Tidak perlu melakukan ibadah. Semuanya sudah ditakdirkan sama ada Sa’id atau Syaqi”. Dengan pemikiran yang sebegitu, dia tidak akan melakukan ibadah. Fakta bahawa dia tidak beribadah dengan berfikir seperti ini menunjukkan bahawa orang itu telah ditakdirkan Syaqi semenjak azali. Begitu juga, orang yang telah ditetapkan kejahilannya berkata; “Segala sesuatu telah ditakdirkan. Jadi, tiada guna untuk belajar”. Justeru, ia tidak akan berfungsi, dia tidak mempelajarinya dan kekal menjadi jahil. Jika seseorang ditakdirkan bertani dan menuai dengan hasil yang banyak, dia sudah tentu banyak membajak kebunnya dan menyemai benih. Demikianlah dengan orang-orang yang digelar Sa’id beriman dan beribadah dan orang-orang yang ditakdirkan sengsara (Syaqi) akan ingkar dan tidak taat. Orang yang jahil tidak boleh memahami perkara ini. Dia akan berkata; “Apakah yang harus dilakukan oleh iman dan beribadah dengan hidup bahagia yang telah ditakdirkan semenjak azali, atau kekufuran dan ketidaktaatan dengan hidup sengsara? Dengan pemikiran mereka yang dangkal, mereka cuba untuk memahami perkara ini dan menjawab segalanya dengan ‘kepandaian’ mereka. Namun, pemikiran manusia terbatas, dan ini adalah kebodohan dan dungu dalam mencuba memahami hal-hal yang di luar akal. Ternyata mereka yang beranggapan begitu ialah jahil. Isa ‘alaihissalam berkata; “Aku tidak merasa susah untuk membuat orang buta supaya dapat melihat,

29 Jalaluddin ar-Rumi meninggal di Konya pada tahun 672 [m. 1273].

bahkan untuk membangkitkan orang mati dari kubur. Tetapi aku tidak dapat menjelaskan kebenaran pada orang yang jahil mana sekalipun.”. Allahu ta’ala dengan ilmu dan hikmahNya yang tidak terhingga meninggikan sebahagian hambaNya darjat malaikat, bahkan mungkin lebih tinggi daripada itu. Dan yang lainnya Allah merendahkan sebahagian daripada mereka setaraf anjing dan babi.

Terdapat seratus **Maktubat** (surat) di dalam kitab Syeikh Syarifuddin Ahmad bin Yahya Munir. Ia ditulis pada tahun 741 [1339 M] dan 1329 [1911 M] ia telah diterbitkan di India. Terdapat juga manuskripnya di Perpustakaan Sulaimaniyah di Istanbul. Beliau menyatakan di dalam Maktubat yang ke-76: “**Sa’adah** bermaksud menjadi penghuni syurga. **Syaqawah** pula bererti menjadi penghuni neraka. Sa’adah dan Syaqawah adalah seperti dua khazanah Allah ta’ala. Kunci khazanah pertama ialah ketaatan dan ibadah manakala kunci khazanah kedua ialah maksiat dan dosa. Allah ta’ala sejak azali lahi mengetahui bahawa setiap manusia akan menjadi Sa’id atau Syaqi. Pengetahuan ini dikenali sebagai **Qadar** [kami menyebutnya sebagai takdir]. Seseorang yang dikenali akan menjadi Sa’id, sentiasa akan mentaati Allah manakala orang yang pada azalnya dikenali sebagai Syaqi sentiasa memperlakukan dosa. Setiap orang di dunia hakikatnya dapat mengetahui dari perbuatannya bahawa dia ialah Sa’id atau Syaqi. Para alim ulama yang memikirkan tentang akhirat memahami bahawa setiap orang yang menjadi Sa’id atau Syaqi akan menjadi begitu. Orang beragama yang tenggelam dengan dunia tidak mengetahui akan hal ini. Setiap kemuliaan dan setiap nikmat merupakan ketaatan dan ibadah kepada Allah ta’ala dengan penuh keikhlasan. Manakala, setiap kejahatan dan keburukan datang daripada perbuatan dosa. Setiap bala dan keburukan bagi setiap orang datang dari jalan dosa. Kesejahteraan dan ketenangan datang dari jalan ketaatan [ini adalah sunnah Allah ta’ala. Tiada siapa yang dapat mengubahnya. Seseorang tidak sepatutnya berfikir bahawa yang mudah dan manis kepada jiwa adalah sebuah kebahagiaan. Orang-orang yang merasa susah dan menderita jiwanya juga jangan menyangka bahawa itu adalah sebuah keburukan dan musibah]. Seseorang yang menghabiskan hidupnya di Masjid al-Aqsa selama bertahun-tahun dengan tasbih dan beribadat, akan sangat menderita sehingga binasa ketika sujudnya atas kerana tidak mempelajari syarat-syarat beribadat dan ikhlas. Anjing Ashabul Kahfi yang berjalan di belakang orang-orang yang jujur, darjatnya diangkat begitu tinggi sehingga dia tidak dihinakan walaupun dia kotor. Keadaan ini sangat

menakjubkan; para ahli atau Ulama tidak dapat menyelesaikan teka-teki ini selama berabad. Fikiran manusia tidak dapat memahami hikmah ini. Allah ta'ala melarang Nabi Adam 'alaihissalam daripada memakan buah khuldi, tetapi Allah ta'ala membiarkan Adam 'alaihissalam makan buah khuldi kerana sudah tertulis di zaman azali bahawa Baginda 'alaihissalam akan memakannya. Allah ta'ala memerintahkan iblis untuk bersujud kepada Nabi Adam 'alaihissalam, namun Dia tidak menginginkan makhluk bersujud kepada makhluk; Dia mengatakan bahawa kita harus mencarinya, namun Dia tidak mahu orang yang tidak mempunyai keikhlasan ketika dalam pencariannya. [dalam hal ini] para pengembara di jalan Ilahi tidak dapat berkata apa-apa melainkan mengakui ketidakmampuannya untuk memahami misteri ini. Justeru, Apakah erti hal ini kepada kita? Bahawa Dia tidak memerlukan sesiapa untuk beriman atau menyembah kepadanya. Dia tidak memerlukan makhluk. Dia menjadikan ilmu sebagai medium membersihkan kekufuran dan menciptakan kejahilan yang menyebabkan dosa. Iman dan ketaatan berasal dari ilmu, dan kekufuran dan dosa timbul daripada kejahilan. Ketaatan, walaupun sangat kecil tetapi ia tidak boleh dilepaskan! Walaupun dosa kelihatan kecil, ia sepatutnya dihindari!. Ulama Islam mengatakan bahawa tiga perkara yang menjadi punca kepada tiga hal lainnya; Taat adalah sebab mendapatkan keredhaan Allah ta'ala, melakukan maksiat adalah punca kemurkaan Allah ta'ala dan memiliki iman adalah menjadi terhormat dan mulia. Oleh kerana itu, kita harus menghindari daripada melakukan dosa-dosa kecil kerana boleh sahaja Allah ta'ala murka kerana dosa ini. Kita harus menganggap setiap orang yang beriman lebih baik daripada kita. Kerana boleh jadi dialah orang yang dicintai oleh Allah ta'ala. Setiap takdir yang ditentukan sejak zaman azali tidak pernah berubah. Seorang Muslim yang selalu melakukan dosa dan tidak pernah taat kepada Allah ta'ala, jika Dia menghendaki, akan mengampuni hamba tersebut. dalam ayat ketiga puluh surah al-Bqarah, para malaikat bertanya, **“Wahai Tuhan! Apakah Engkau akan menciptakan makhluk yang akan membuat kerosakan di muka bumi dan menumpahkan darah?”**. Dia berkata; **“Aku lebih mengetahui hal-hal yang tidak kamu ketahui”**. Maksudnya, “Aku menjadikan (sesuatu) yang berharga dari (sesuatu) yang tidak berharga. Aku membuat orang yang jauh mendekat. Aku menjadikan (sesuatu) yang mulia dari (sesuatu) yang bernilai rendah. Kamu menilai mereka dari kelakuannya, tetapi Aku memperhatikan hatinya. Kalian (malaikat) memang bebas daripada dosa; (sedang) mereka yakin dengan rahmatKu. Sebagaimana aku menyenangi kalian yang berada dalam keadaan

tidak berdosa, Aku juga mengampuni dosa kaum Muslimin. Kalian tidak mengetahui apa yang Aku ketahui. Aku akan memberikan anugerahKu yang kekal kepada mereka yang beriman dan Aku akan membelai mereka semua dengan pertolonganKu yang kekal (pula)”. Begitulah penerangan yang sempurna dari surat ketujuh puluh enam.

Syarifuddin Ahmad bin Yahya Muniri ‘rahimatullah ta’ala ‘alaihi’, meninggal pada tahun 782 [1380M]. Beliau tinggal di bandar Bihar di India. Makamnya juga di sana. Munir ialah nama salah sebuah kampung di kota Bihar. Biografinya ditulis secara terperinci dalam buku **Akbarul Akhyar**, ditulis oleh Syah Abdul Haq Dahlawi rahmatullahi ‘alaihi. Buku ini ditulis di Parsi, dan dicetak di kota Deobend, India pada tahun 1332H [1914M], kemudian di Lahore, Pakistan. Buku-buku tersebut iaitu **Irsyadus Salikin**, **Ma’dinul Ma’ani** dan **Maktubat** sangat bernilai.

[Imam Rabbani rahmatullahi ‘alaihi menyatakan dalam pelbagai suratnya, “Amalan yang diperintahkan Allah ta’ala disebut **Fardhu**. Apa yang dilarangnya disebut sebagai **Haram**. Perlakuan yang bukan perintah mahupun larangan yang telah dinyatakan boleh (di dalam Islam) disebut **Mubah**. Melakukan perbuatan Fardhu, menghindari perbuatan haram dan melakukan perbuatan Mubah bagi memperoleh redha Allah ta’ala disebut sebagai **Ibadat**. Bagi menerima dan menjadikan ibadah itu sah, iaitu perbuatan yang benar dan disukai oleh Allah ta’ala. **Ilmu** iaitu memperelajari syarat-syarat mengerjakan perkara yang betul, **Amal** pula ialah melakukan dan menjalankan sesuatu ibadah dengan penuh keikhlasan. **Ikhlas** ialah melakukan perintah Allah untuk mendapatkan keredhaan dan kasih sayangNya, bukan hanya memikirkan kepentingan dunia seperti wang ringgit, kedudukan, atau kemahsyuran. Ia juga dapat dibahaskan daripada perkataan, keadaan dan perbuatan seorang wali dengan membaca kitab-kitab tasawwuf. Ilmu-ilmu Islam mempunyai dua bahagian: Ilmu Agama dan Ilmu Sains. Wajib mempelajarinya sebanyak yang diperlukan. Sebagai contoh, wajib mempelajari walau infomasi yang sedikit bagi kadar menggunakan ubat dan penggunaan mesin bagi lampu elektrik, ia boleh menyebabkan kematian.

Jika seorang Muslim yang beriman kepada hal-hal fardhu dan haram, tetapi tidak beribadah, pemalas atau bergaul dengan teman-teman yang buruk akhlagnya, mereka tidak bertaubat sebelum mati, dia akan terbakar di dalam neraka sehingga terhapusnya dosa-dosanya. Seseorang yang tidak mempelajari fardhu, tidak menghargainya walaupun dia mengetahuinya dan meninggalkannya tanpa sedikit pun kebimbangan dan takut dengan Allah

ta'ala, Ia meninggalkan Islam dan menjadi kafir. Ia terbakar selama-lamanya di dalam neraka. Begitu jugalah dengan melakukan perkara-perkara haram.

Ibadah seseorang yang tidak mempelajari ilmu sesuatu ibadah dan tidak mengetahui syarat-syaratnya walaupun dilakukan dengan ikhlas tidak akan sah. Seperti dia tidak pernah melakukan ibadah, dia akan terbakar di neraka. Ibadah orang yang mengetahui dan memerhatikan keadaan perbuatannya akan menjadi sah. Dia terselamat daripada azab neraka. Namun, jika dia tidak melakukannya dengan ikhlas, ibadahnya dan sebarang amal kebaikan tidak akan diterima dan tidak mendapat pahala. Allah ta'ala menyatakan bahawa Dia tidak akan menyukai ibadah, sedekah dan kebaiakn yang seperti ini. Ibadah yang tidak dilakukan dengan ilmu dan keikhlasan tidak akan berguna. Ia tidak menyelamatkan seseorang daripada kekufuran, dosa dan seksaan. Telah banyak orang-orang munafik rajin beribadah seumur hidupnya dipersaksikan mati sebagai orang kafir. Ibadah yang dilakukan dengan ilmu dan ikhlas menyelamatkan seseorang daripada kekufuran dan dosa di sunia dan menjadikannya mulia. Allah ta'ala berjanji akan menyelamatkannya daripada azab neraka di akhirat juga seperti mana dalam ayat kesembilan surah al-Maidah dan surah al-‘Asr. Janji Allah itu pasti dan sudah tentu Allah ta'ala menepati janji-janjiNya].

Allah ta'ala juga akan membalas setiap amalan hambaNya. Terhadap amalan tanpa 'ilmu laduni' yang dilakukan oleh hamba. Segala sesuatu milik Sang Pencipta diciptakan untuk sang hamba. Bahkan jerami tidak akan berpindah tanpa kuasa Ilahi.

-6-

ALLAH TA'ALA WUJUD DAN ESA. SELAIN DARIPADANYA SEMUA KEWUJUDAN ASALNYA TIADA DAN AKAN KEMBALI MENJADI TIADA.

Kita mengenali makhluk di sekeliling kita dengan pancaindera kita. Perkara yang mempengaruhi pancaindera disebut sebagai **makhluk** (mawjud). Pengaruh makhluk terhadap lima alat pancaindera kita disebut **atribut** atau **sifat**. Setiap makhluk dibezakan sifatnya dan terpisah antara satu dengan yang lain. Cahaya, bunyi, air, udara dan kaca semuanya adalah makhluk; mereka semuanya wujud. Makhluk memiliki ukuran, berat dan volume, dengan kata lain, yang menempati ruang yang disebut **zat** atau **materi** (bahan). Bagi materi-materi dibezakan dengan sifat dan ciri-cirinya. Udara, air, batu dan kaca merupakan materi yang berbeza. Cahaya dan bunyi bukanlah materi kerana cahaya dan bunyi tidak mengambil ruang dan tidak mempunyai berat. Setiap makhluk mempunyai dan membawa **tenaga** iaitu **daya**. Ia bermaksud, makhluk itu dapat melakukan kerja perbuatan. Setiap zat boleh wujud dalam tiga keadaan: padat, cecair dan gas. Zat padat memiliki bentuk. Zat cair dan gas tidak mempunyai bentuk tertentu. Mereka mengambil bentuk bekas yang mereka ada. Bentuk jirim dipanggil sebagai **objek**. Jirim sentiasa wujud dalam bentuk objek. Contohnya, kunci, jarum, meja, penyodok, paku dan objek-objek lain. Objek pula terbahagi kepada dua: unsur dan senyawa.

Alam itu sifatnya mutaghayyir, iaitu sentiasa mempunyai perubahan pada setiap objek. Sebagai contoh, ia berubah tempat dengan bergerak. Ia tumbuh dan mengecut. Warnanya berubah. Jika ia hidup, dia boleh menjadi sakit, mati. Perubahan ini dipanggil sebagai **kejadian** atau **peristiwa**. Tanpa pengaruh luar, tiada perubahan berlaku dalam jirim. Apabila sesuatu kejadian berlaku, jika struktur jirim tidak merosot dan komposisinya tidak berubah, ia dipanggil **peristiwa fizikal**. Koyaknya sehelai kertas adalah fenomena fizikal. Sejumlah daya harus diberikan ke suatu zat sehingga terjadinya peristiwa fizikal pada zat tersebut. Peristiwa yang mengubah komposisinya dipanggil **peristiwa kimia**. Perbuatan membakar kertas menjadi abu ialah peristiwa kimia. Bagi peristiwa kimia berlaku pada objek, bahan lain perlu mempengaruhinya. Kejadian peristiwa kimia dalam setiap dua atau lebih bahan dengan mempengaruhi satu sama lain dipanggil **tindak balas kimia** atau **reaksi kimia**.

Tindak balas kimia berlaku antara dua zat yang saling bergesel antara

satu dengan yang lain walaupun dengan bahagian terkecilnya. Cebisan jirim terkecil ini dipanggil **Jauhar Al-Fard** atau **Atom**. Setiap objek disusun dari timbunan atom. Walaupun struktur atom adalah serupa, ia berbeza dari segi saiz dan berat. Sehingga kini, kita mengetahui ada 105 jenis atom. Malah atom terbesar pun masih terlalu kecil sehingga perlu dilihat dengan mikroskop yang daya fokusnya terkuat. Ia terhasil daripada penyatuan atom yang serupa antara satu dengan yang lain. Oleh kerana terdapat seratus lima atom, maka ada seratus lima unsur. Besi, sulfur, merkuri, gas oksigen dan arang batu adalah unsur. Ia terhasil daripada gabungan atom lain (sebatian) dan membentuk senyawa. Ada ratus ribu jenis senyawa. Air, alkohol, garam dan kapur merupakan senyawa. Senyawa terbentuk dari perpaduan dua atau lebih unsur atau atom.

Semua objek seperti gunung, laut dan semua jenis tumbuhan dan haiwan terdiri daripada seratus lima unsur. Komponen binaan setiap zat hidup dan tidak hidup mengandungi seratus lima unsur ini. Udara, tanah, air, panas, cahaya, elektrik dan mikrob menyebabkan menguraikan senyawa-senyawa tersebut atau menyebabkan percantuman zat yang lainnya. **“Tiada perubahan yang dapat berlaku tanpa sebab”**. Dalam perubahan ini, unsur-unsur iaitu, cantuman terkecil dari unsur, berpindah dari satu zat ke zat yang lain atau terlepas dari satu zat dan menjadi zat bebas. Kita melihat objek yang menghilang, namun kerana kita menilai dari luarnya, kita menjadi keliru terhadap ‘hilangnya’ atau ‘wujudnya’ yang kelihatan dari luar ini tidak ada apa-apa melainkan perpindahan ke zat yang lain; hilangnya suatu objek, misalnya hilangnya (berubahnya) jenazah di dalam kubur, merupakan perubahan menjadi zat baharu seperti air, gas dan zat-zat tanah. Jika zat baharu yang masuk ke benda melalui perubahan tidak terkesan oleh pancaindera, kita tidak dapat menyedari bahawa zat baharu itu wujud. Atas sebab ini, kita mengatakan bahawa zat pertama telah mengalami perubahan telah menghilang. Kita juga melihat bentuk setiap satu daripada seratus lima unsur berubah dan terdapat peristiwa fizikal dan kimia dalam setiap unsur. Apabila unsur bergabung dengan struktur sebatian, ia menjadi ion iaitu atom-atomnya melepaskan atau menangkap **elektron**, sehingga berubahlah sifat-sifat fizik dan kimia yang pelbagai pada unsur tersebut. atom setiap unsur diperbuat daripada kepingan yang lebih kecil dalam pelbagai kuantiti yang dipanggil **elektron** dengan **nukleus**. **Nukleus** berada di tengah-tengah atom. Selain hidrogen, nukleus semua atom diperbuat daripada zarah yang dipanggil sebagai proton dan neutron

yang mana proton bercas positif dan neutron tidak membawa cas elektrik. Elektron ialah zarah elektrik negatif dan berputar mengelilingi nukleus. Elektron menukar orbitnya setiap saat semasa ia berputar pada orbitnya.

Difahamkan daripada unsur yang dipanggil **Radioaktif** bahawa terdapat perubahan dan pemecahan dalam nukleus atom. Ia juga telah difahami bahawa dalam pecahan nukleus ini, satu unsur bertukar menjadi unsur lain; dan jumlah intipati zat menghilang dan berubah menjadi energi (**kudrat**), dan perubahan ini telah dirumuskan oleh ahli fizik, **Einstein**³⁰. Jadi, sama seperti senyawa iaitu unsur berubah dan dapat beralih dari satu unsur menjadi unsur yang lain. (Setiap zat yang hidup dan tidak hidup berubah, iaitu yang lama hilang dan yang baru wujud). Pada saat ini, setiap benda hidup (tumbuhan, haiwan) hakikatnya tidak wujud sebelum ini dan dahulunya wujud makhluk lain. Dan di masa depan, tidak ada makhluk hidup sekarang yang akan tersisa dan beberapa makhluk hidup lain akan menjadi ada. Begitu juga dengan semua benda mati. Semua makhluk hidup dan benda mati, seperti besi yang merupakan unsur, atau batu, tulang yang merupakan campuran beberapa jasad, semua jirim dan semua zarah seniasa berubah. Maksudnya, yang lama akan hilang dan yang lain akan wujud. Jika sifat jirim wujud dan jirim tidak wujud adalah serupa, manusia tidak memahami perubahan ini dan beranggapan jirim sentiasa wujud. Ia seolah-olah di pawagam, pada jalur filem yang bergerak, manakala gambar lain datang dan pergi di hadapan lensa pada bila-bila masa, namun penonton tidak memahami perkara ini dan berfikir bahawa gambar yang sama sedang bergerak di skrin. Oleh kerana kita memahami perubahan ini iaitu apabila kertas terbakar menjadi abu, kita mengatakan bahawa kertas itu hilang dan abu itu wujud. Apabila ais mencair, kita mengatakan bahawa ais itu hilang dan air wujud. Pengetahuan moden tentang jirim juga ditulis secara meluas pada halaman 546,971 dan 1041 dalam kitab **Sa'adah al-'abadiyah**. Boleh dibaca di sana.

Pada permulaan pada kitab **Syarh al-'Aqaid**, “ semua makhluk adalah tanda kewujudan Allah ta’al. Oleh kerana merekalah bukti menunjukkan kewujudanNya, semua makhluk disebut **alam**. Pada halaman empat ratus empat puluh satu dalam kitab **Syarh al-Mawaqif**³¹, dia mengatakan bahawa alam semesta dan segala-galanya iaitu alam manusia, alam malaikat, alam haiwan atau alam benda mati adalah hadis (baharu). [kami

30 Einstein merupakan seorang ahli fizik Yahudi, meninggal pada tahun 1375 [1955M].

31 Pengarang bagi **Syarh al-Mawaqif** ialah Sayed Syarif Ali al-Jurjani, meninggal di Syiraz pada tahun 816 [1413M].

telah menyatakan di atas bahawa mereka sentiasa wujud antara satu dengan yang lain]. Jirim dan sifat-sifat objek tersebut adalah hadis. Berikut ialah empat perkara yang perlu dipertimbangkan:

1. Menurut orang Islam, Yahudi, Nasrani dan Majusi; kedua-dua perkara dan sifat-sifat badan adalah hadis (baharu).

2. Menurut Aristotle dan ahli Falsafah yang mengikutinya, kedua-dua perkara dan sifat-sifat objek ialah qadim. Iaitu mereka mengatakan ia qadim dan ia sentiasa wujud. Pengetahuan kimia moden secara muktamad menyatakan bahawa penyataan ini adalah salah. Sesiapa yang beriman dan berkata seperti ini akan keluar dari Islam dan menjadi kafir. Demikian Ibn Sina³² dan Farabi³³ mengatakan sedemikian.

3. Menurut ahli Falsafah sebelum Aristotle, mereka mengatakan bahawa zat merupakan qadim dan sifat juga bersifat qadim. Inilah cara kebanyakan saintis hari ini berfikir secara salah.

4. Tiada siapa yang mengatakan bahawa jirim adalah hadis dan sifat adalah qadim. (Calinos tidak dapat memutuskan mana-mana daripada empat perkara ini.

Umat Islam membuktikan dengan beberapa cara bahawa zat dan sifatnya adalah hadis (baharu). Jalan pertama, jirim dan semua zarahnya sentiasa berubah. Apa yang berubah tidak boleh menjadi qadim. Ia mestilah hadis. Hal ini kerana hakikat bahawa setiap perkara wujud daripada yang sebelum ia tidak boleh kembali kepada infiniti. Setiap perubahan pasti mempunyai permulaan iaitu materi pertama mesti dicipta daripada tiada. Jirim pertama yang dicipta daripada tiada, iaitu jika jirim seterusnya yang berasal daripada jirim pertama yang qadim ia akan bergerak sehingga zaman yang tidak terhingga (infiniti), tidak akan ada permulaan untuk jirim wujud dan hal ini perlu ditunjukkan bahawa perlunya zat yang wujud daripada zat pertama yang dicipta daripada tiada.

Kami juga mengatakan bahawa batu yang jatuh dari langit tidak boleh dikatakan berasal dari infiniti kerana infiniti bermakna ia tidak mempunyai permulaan dan tiada penghujung. Sesuatu yang datang dari infiniti merupakan sesuatu yang datang dari maksud datang dari ketiadaan, dan sesuatu yang dikatakan datang dari infiniti seharusnya tidak terjadi sama sekali. Ia akan menjadi perkataan yang sangat tidak masuk akal dan tidak

32 Ibnu Sina Husain, meninggal pada 428 [1037M].

33 Muhammad Farabi, meninggal di Syam pada tahun 339 [950M].

konsisten bagi mengatakan bahawa sesuatu datang dari infiniti. Begitu juga, keturunan manusia dari satu sama lain tidak boleh datang dari sifat infiniti. Manusia mesti membiak dengan adanya permulaan iaitu daripada manusia pertama yang dicipta daripada tiada. Jika dikatakan manusia pertama yang diciptakan daripada tiada itu bukanlah manusia pertama, dan dikatakan asal usul manusia itu berasal dari kewujudan yang qadim, maka tidak sepatutnya ada manusia. Ia adalah sama bagi setiap makhluk. Ia merupakan suatu kata-kata jahil yang tidak menepati akal dan sains dengan mengatakan, “Ia datang dan pergi, tidak ada perkara pertama yang dicipta daripada tiada” pada asal usul zat atau makhluk dari yang lainnya. Perubahan tidak menunjukkan qadim, tetapi ia dicipta daripada tiada, iaitu **Wajibul Wujud (kewujudan yang wajib)**, maka ia disebut **mumkinul Wujud (kewujudan yang mungkin)**.

Persoalan: penciptaan dunia ini dan sifat-sifatnya adalah qadim. Bukankah alam ini perlu juga qadim?

Jawapan: Kita sentiasa menyaksikan fakta bahawa Sang Pencipta, yang kekal abadi, mengubah jirim dan zarah dengan pelbagai cara dan sebab; iaitu Dia menghancurkan mereka dan menciptakan yang lain bagi menggantikan mereka. Pencipta yang kekal menciptakan apapun yang Dia kehendaki; iaitu bila-bila masa yang dikehendakiNya sebagaimana Dia menciptakan alam, setiap zat dan setiap zarah dengan sebab. Dia juga menciptakan apabila Dia menghendaki, tanpa sebab, tanpa perantara, dari yang tiada.

Sesiapa yang percaya bahawa alam ini adalah baharu juga percaya bahawa ia adalah semenantara, iaitu akan binasa semula. Di medan itulah makhluk yang diciptakan dari tidak ada, dapat enjadi tidak ada lagi. Kini, kita melihat banyak makhluk telah tiada. Untuk menjadi seorang Muslim, perlu percaya bahawa jirim dan objek, iaitu setiap makhluk dicipta daripada tiada dan akan binasa kelak. Kita melihat bahawa objek wujud selepas daripada itu, apabila ia tidak wujud dan hilang semula, maka bererti bentuk dan sifatnya tidak kekal. Apabila benda-benda hilang, kita telah menyatakan di atas bahawa walaupun jirimnya kekal, zat-zat ini tidak bersifat qadim, malah ia telah dicipta oleh Allah ta’ala sejak dari azali lagi dan Dia akan melenyapkan dan membinasakan semuanya semula pada hari kiamat. Pengetahuan ilmiah pada zaman kita ini tidak menghalang kita daripada mempercayai akan hal ini. Tidak menyakini hal ini bermakna memburukkan sains dan menjadi musuh kepada Islam, kerana Islam

tidak menolak ilmu sains dan kewajipan beribadah. Justeru, sebaliknya, pengetahuan ilmiah memperkuat dan membuktikannya.

Apabila alam semesta ini hadis, harus ada satu pencipta yang menciptakan dari tidak ada, kerana kita telah jelaskan di atas bahawa tiada kejadian yang boleh berlaku secara sendirinya. Hari ini, beribu-ribu ubat, peralatan rumah, barangan perindustrian dan komersial, peranti elektronik dan kenderaan perang dihasilkan di kilang. Kebanyakannya diperoleh selepas perancangan dan penelitian yang teliti dan beratus-ratus pengujian. Adakah mereka mengatakan bahawa mereka dibuat secara sendirinya? Tidak, mereka katakan bahawa semua ini dibuat dengan kesedaran dan dengan sukarela, dan mereka mengatakan bahawa mesti ada pembuat untuk mereka semua; namun mereka mengklaim jutaan zat yang berhubungan dengan makhluk hidup dan benda yang tidak hidup serta benda-benda dan peristiwa yang baru ditemukan, struktur benda yang belum diketahui, terbentuk sendiri secara kebetulan. Apa jadinya lagi, jika bukan munafik, keras kepala atau kejahilan yang jelas? Seperti yang dilihat, hanya ada satu pencipta yang mencipta setiap zat dan setiap pergerakan. Pencipta ini ialah **Wajibul Wujud**. Iaitu Dia tidak wujud setelah menjadi tidak ada; Dia mesti sentiasa wujud. Dia tidak memerlukan apa-apa untuk wujud. Jika Dia tidak semestinya wujud, maka Dia akan menjadi **Mumkin al-Wujud** seperti dunia, ia akan menjadi hadis (makhlu). Makhlu dicipta daripada perubahan makhlu lain atau daripada tiada. Ia adalah perlu untuk menciptanya. Oleh itu, pencipta yang tidak terhingga adalah perlu. Jika kita menganggap bahawa perubahan dalam makhlu tidak boleh secara infiniti, maka seperti yang telah kita nyatakan di atas, akan difahami bahawa penciptaan juga tidak boleh secara infiniti dan penciptaan itu akan bermula daripada pencipta. Keran sekiranya dikatakan bahawa penciptaan antara satu dengan yang lain berlangsung tanpa henti, bermakna tidak ada pencipta. Di sini, pencipta pertama yang tidak dicipta ialah pencipta tunggal (esa) bagi makhlu. Sebelum dan selepasnya, tiada pencipta lain. Pencipta tidak dicipta dan Dia sentiasa ada. Jika sekejap sahaja Dia hilang, nescaya semuanya akan hilang. **Wajibul Wujud** tidak memerlukan apa-apa dalam cara apa sekalipun. Yang menciptakan bumi, langit, atom-atom, makhlu-makhlu hidup dengan tertib dan penuh penelitian, mestilah berkuasa yang tidak terhingga, menjadi maha mengetahui, melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki, Esa, dan tiada apa-apa perubahan padaNya. Dia tidak boleh mencipta makhlu dengan sangat tersusun dan bersistem

sekiranya kuasanya terbatas dan tidak memiliki sifat maha mengetahui. Jika pencipta lebih daripada satu dalam sesuatu penciptaan, apabila kehendak salah satunya tidak sesuai, mereka tidak boleh melakukan sahaja apa yang mereka kehendaki dan perkara ciptaan akan menjadi bercampur. Bagi mengetahuinya dengan lebih lanjut, sila baca kitab **Qadisatul Amal** yang ditulis oleh ‘Ali Ushi³⁴.

Tiada perubahan pada Sang Pencipta. Sebagaimana sekarang, begitula juga ketika sebelum Dia menciptakan dunia. Seperti Dia menciptakan semuanya daripada tiada, Dia menciptakan segala-galanya juga waktu sekarang dan senantiasia. Hal yang demikian kerana perubahan merupakan makhluk dan ia dicipta daripada tiada. Kami telah menyatakan di atas bahawa Dia sent tiada wujud dan tidak akan lenyap. Justeru, tiada perubahan padaNya malah makhluk-makhluk memerlukanNya pada setiap saat, sebagaimana mereka memerlukanNya ketika pertama kali diciptakan. Hanya Dia yang menciptakan segala sesuatu dan membuat setiap perubahan. Dia mencipta segala-galanya dengan maksud sehingga manusia dapat bertahan dan beradab, dan sehingga segalanya akan teratur. Sebagaimana Dia menciptakan sebab, Dia juga mencipta akibat kepada sebab dan keupayaan mereka untuk melakukan perbuatan. Kerja manusia hanya sebagai perantara dari sebab yang mempengaruhi benda.

Makan ketika lapar, mengambil ubat ketika sakit, menyalakan mancis untuk menyalakan lilin, menuangkan asid pada zink untuk mendapatkan hidrogen, memanaskan dengan mencampurkan batu kapur dengan tanak liat untuk menghasilkan hidro- untuk menubuhkan loji kuasa, membina semua jenis kilang, merupakan contoh-contoh tindakan sebagai perantara, mencipta perkara baru dengan menggunakan sebab sehingga Allah ta’ala akan menciptakan hal-hal baharu. Kehendak dan kekuatan manusia juga adalah sebab yang diciptakan oleh Allah ta’ala. Manusia juga merupakan wasilah kepada ciptaan Allah ta’ala untuk mencipta. Allah ta’ala ingin menciptakan dengan cara sedemikian. Seperti yang dilihat, adalah suatu kenyataan jahil yang tidak menepati akal dan agama, sekiranya mengatakan bahawa telah mencipta sesuatu.

Manusia harus mencintai Penciptanya yang telah menciptakan mereka, menjadikan mereka hidup dan mencipta serta menghantar perkara yang mereka perlukan, dan mereka harus menjadi hamba kepadanya. Ia bermaksud, makhluk wajib menyembah, mentaati dan mematuhiNya.

34 Ali Ushi, meninggal pada tahun 575 [1180 M].

Kenyataan ini ditulis panjang dalam huruf ketujuh belas jilid ketiga, pada halaman ketujuh. Wajibul Wujud itu, zat yang Esa, telah menyatakan Dirinya bahawa memiliki nama dengan nama **Allah**. Para hamba tidak berhak untuk mengubah namaNya yang Dia sendiri perkenalkan. Suatu tindakan yang dilakukan secara tidak adil akan menjadi satu kezaliman, ia akan menjadi perkara yang sangat buruk.

Orang-orang Kristian, dan paderinya mempercayai bahawa terdapat tiga Pencipta. Maka, nyatakan kita di atas membuktikan bahawa Pencipta itu satu dan dakwaan-dakwaan yang diberikan oleh orang Kristian dan paderi mereka adalah palsu dan menyesatkan.

*Sekiranya tanpa ilmu, maka agama akan lupt,
Maka, dari kebencian ini, yang disebut jahiliyah,*

*Kita harus cuba menyingkirkan, bagi seluruh keadaan,
Tidak cukupkah pelajaran dari bencana baru-baru ini?*

*Akankah kamu berfikir bahawa ramalan itu berharga,
Otakmu akan melebur dan menitis membasahi darah yang berganti!*

*Apa yang diberitakan oleh peristiwa-peristiwa terakhir ini, aku harap engkau tahu!
Bangsa ini akan hancur, sekiranya mereka tidak memperbaiki diri!*

*Kerana sebuah gegaran gempa baru akan hampir yang tidak dapat ditanggung,
Kerana tidur pada ketika ini akan bererti mati, tanpa imbalan!*

*Perbaiki tingkah laku akhlakmu, bekerja keraslah dengan ilmu pengetahuan;
Tentera dengan bom atom dan pejuang yang alim!*

*Mereka harus menjadi yang terdepan di dalam islam dan dalam peperangan
Kedua hasil kombinasi ini akan membawa bangsa menuju keamanan.*

